

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agenzi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK
Tahun 2011





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK
Tahun 2011



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3
Jabatan Perhutanan Negeri	3
Pengurusan Pengeluaran Batu Batu Di Kawasan Hutan Simpanan Kekal	
Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung	28
Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang Tapah	
Pengurusan Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah	
Majlis Daerah Tapah	50
Majlis Daerah Batu Gajah	
Majlis Daerah Tanjung Malim	
Perolehan Dan Pengurusan Aset	
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	67
Pembinaan Dan Pengurusan TASKA Permata Kakitangan Awam Negeri Perak	
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	91
Pengurusan Pengendalian Kes Mal Dan Jenayah	
Majlis Perbandaran Manjung	103
Majlis Perbandaran Taiping	
Pengurusan Kemudahan Awam	
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	112
Pengurusan Aset Bangunan	
BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
Pendahuluan	131
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	131
Star Career Sdn. Bhd.	
Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	143
Perak Halal Corporation Sdn. Bhd.	
Yayasan Perak	152
YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.	

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN III - PERKARA AM	
Pendahuluan	167
Kedudukan Masa Kini Aktiviti Jabatan/Agensi Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010	167
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2010	169
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Perak	169
PENUTUP	177



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara selain mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri di mana telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2011 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri, Ketua Audit Negara juga dikehendaki mengaudit aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan **Pengauditan Prestasi** yang bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan.
2. Laporan saya mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2011 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 5 buah Jabatan, 5 buah Pihak Berkuasa Tempatan, 1 Agensi dan 3 buah Syarikat Kerajaan Negeri. Laporan tersebut mengandungi 3 bahagian seperti berikut:
 - Bahagian I : Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**
 - Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**
 - Bahagian III : Perkara Am**
3. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, pengauditan yang dijalankan mendapat terdapat beberapa kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan oleh Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2011 yang saya laporkan dalam Laporan ini. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti kekurangan sistem pengurusan maklumat, penguatkuasaan, penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan dan kekurangan peruntukan kewangan. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang dilaporkan untuk pengesahan mereka. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 32 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha

penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperti mana hasrat kerajaan. Secara tidak langsung ia akan menyumbang ke arah Program Transformasi Negara selaras dengan slogan "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**" bagi memenuhi keperluan, kepentingan dan aspirasi setiap warga Malaysia.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
15 Mei 2012



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

- Pengurusan Pengeluaran Batu Batan Di Kawasan Hutan Simpanan Kekal

1.1. Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertanggungjawab untuk mengawal selia Hutan Simpanan Kekal (HSK) seperti mana mandat dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984). Mengikut APN 1984, pengambilan hasil hutan dari HSK mestilah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Setelah PBN meluluskan permohonan pengambilan batu batan, lesen kecil yang diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri dikeluarkan bagi membenarkan aktiviti pengambilan dan pengeluaran batu batan. Tujuan pengambilan dan pengeluaran batu batan melalui lesen kecil juga adalah untuk memastikan pengurusan hutan adalah terkawal di samping untuk menjaga alam sekitar daripada kemasuhan flora dan fauna, pencemaran kualiti udara, bunyi dan air sungai.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengeluaran batu batan di kawasan HSK adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti iaitu ketidakpatuhan perundangan, prosedur dan syarat operasi, kelemahan kawalan operasi dan pemantauan serta adanya kesan operasi aktiviti kepada alam sekitar. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

1.2.1. Pembaharuan 12 lesen kecil bagi pengambilan batu batan telah diluluskan oleh Pejabat Perhutanan Negeri bagi suatu tempoh lebih daripada 6 bulan.

1.2.2. Kadar royalti batu batan mengikut kadar dalam Kaedah-kaedah Hutan 1988 adalah lebih rendah berbanding kadar royalti batu batan yang ditetapkan dalam Pentadbiran Tanah Perak.

1.2.3. Ketidakseragaman kaedah kawalan dan penggunaan doket pengeluaran batu batan.

1.2.4. Aktiviti pembinaan dalam Hutan Simpan Kekal seperti pembinaan jalan hutan, stor, kilang *premix*, pondok pengawal dan jentera tiada permit.

1.2.5. *Conversion factor* yang diguna pakai oleh kuari-kuari bagi menukar daripada jumlah laporan timbangan dalam tan metrik kepada jumlah M³ adalah tidak seragam dan berbeza-beza antara kuari.

1.2.6. Deposit cukai berbaki negatif namun aktiviti dalam hutan masih dijalankan.

1.2.7. Kelemahan terhadap kawalan operasi di hutan dan pemantauan menyebabkan berlakunya perbezaan laporan kuantiti pengeluaran, tiada laporan jabatan teknikal, penyata pengeluaran lewat dikemukakan, kelewatan pembaharuan lesen dan pencerobohan hutan.

1.2.8. Daripada maklum balas soal selidik Audit didapati purata 86% menyatakan wujud gangguan habuk, 54.7% gangguan bunyi bising, 33.3% gangguan keselamatan dan 14% gangguan gegaran.

1.3. Pihak Audit mengesyorkan agar Jabatan Perhutanan Negeri mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mengkaji semula kaedah-kaedah Hutan 1988 supaya penggunaan unit dan kadar royalti serta item batu batu yang perlu dikenakan royalti bersesuaian dengan perkembangan semasa dan seragam dengan kadar dalam peraturan lain seperti Peraturan Tanah Perak 1966.

1.3.2. Menambah baik prosedur kerja berhubung kawalan pemindahan batu batu sama ada kawalan fizikal maupun kawalan dokumentasi seperti penggunaan doket, penyata bulanan dan laporan timbangan atau invois jualan syarikat diwujudkan.

1.3.3. Melakukan pemeriksaan dan mempertingkatkan penguatkuasaan ke kawasan lesen dan permit supaya aktiviti ini dijalankan mengikut syarat dan peraturan ditetapkan.

1.3.4. Mendapatkan pandangan teknikal dari Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral Dan Geosains dan Jabatan Kerja Raya sebelum sesuatu lesen kecil diluluskan atau diperbaharui bagi memastikan syarat kerja-kerja di kuari dipatuhi serta memelihara alam sekitar.

2. PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

PEJABAT DAERAH DAN TANAH BATANG PADANG TAPAH

- Pengurusan Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah

2.1. Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung dan Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang Tapah bertanggungjawab untuk mengendalikan permohonan dan pemberimilikan tanah bagi daerah masing-masing. Mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, pemberimilikan tanah ditakrifkan sebagai pelupusan tanah Kerajaan Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah oleh PBN boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) dan Pentadbir Tanah. Mengikut Garis Panduan Kajian Pentadbiran Daerah Dan Tanah Dengan Tumpuan Kepada Urusan Tanah dalam pelaksanaan proses-proses utama urusan pentadbiran tanah yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi (KTPK) menyarankan penetapan norma tempoh masa iaitu 4 bulan bagi permohonan pelupusan tanah, 4 jam bagi pendaftaran hak milik, 4 bulan bagi pendaftaran hak milik kekal dan 2 minggu bagi ulasan

Jabatan Teknikal. Bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2011 sebanyak 3,468 permohonan tanah telah diterima oleh PTM dan PTBPT. Premium tanah yang dikutip bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 berjumlah RM83.88 juta.

2.2. Pengauditan dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 dan mendapati prestasi penyelesaian permohonan dan pemberimilikan tanah adalah memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- 2.2.1.** Tempoh penyelesaian permohonan pemilikan tanah lewat melebihi 4 bulan.
- 2.2.2.** Kerja tanah telah dijalankan sebelum notis borang 5A dibayar.
- 2.2.3.** Perjanjian kontrak tidak dipatuhi.
- 2.2.4.** Tiada dokumen Pengisyntihararan Pewartaan Pelupusan dan Perizaban.
- 2.2.5.** Pengurusan pemberimilikan Rancangan Perkampungan Tersusun belum selesai.
- 2.2.6.** Pemantauan terhadap kemajuan memproses permohonan pemberimilikan tanah kurang memuaskan.

2.3. Bagi memastikan permohonan pemberimilikan tanah kepada rakyat dibuat secara lebih berkesan adalah disyorkan supaya Pentadbir Tanah mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.3.1.** Mengkaji semula mekanisme sedia ada seperti kaedah pelaksanaan dan pemantauan supaya masalah kelewatan memproses permohonan dan pemberimilikan tanah dapat diselesaikan dalam tempoh sewajarnya untuk kepentingan rakyat.
- 2.3.2.** Berusaha untuk meningkatkan kecekapan pegawai bawahannya dengan cara memberi latihan yang secukupnya atau bersedia dengan pegawai pelapis dalam rantai perkhidmatan berkaitan hal ehwal tanah. Dalam masa yang sama perlu ada pegawai *Subject Matter Expert (SME)* tentang pentadbiran dan perundangan tanah.

3. MAJLIS DAERAH TAPAH
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
MAJLIS DAERAH TANJUNG MALIM
- **Perolehan Dan Pengurusan Aset**

3.1. Majlis Daerah Tapah (MDT), Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) merupakan 3 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, peruntukan perolehan aset yang diluluskan bagi 3 PBT berjumlah RM7.68 juta, manakala perbelanjaan sebenar berjumlah RM2.87 juta. Kerajaan

Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah meluluskan peruntukan sejumlah RM4.54 juta dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM3.92 juta telah dibelanjakan. Aset-aset yang diperolehi oleh 3 PBT berkenaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 antaranya adalah bangunan, alat kelengkapan pejabat, kenderaan, komputer, gerai perniagaan dan peralatan serta mesin.

3.2. Kajian terhadap perolehan dan pengurusan aset pernah dijalankan dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2009. Pada tahun 2011, kajian yang sama dijalankan semula untuk menilai sejauh mana keberkesanan berterusan hasil daripada kajian tersebut. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 di 3 PBT iaitu MDT, MDBG dan MDTM mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan dan aset adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan antaranya seperti berikut:

3.2.1. Kemudahan yang disediakan tidak boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

3.2.2. Projek pembinaan lewat disiapkan.

3.2.3. Kemudahan dan bangunan yang siap dibina tidak digunakan.

3.2.4. Bangunan terbiar tidak disenggarakan.

3.2.5. Pengurusan kontrak penyewaan tidak memuaskan.

3.2.6. Pelupusan terhadap aset yang rosak tidak dilakukan.

3.3. Bagi meningkatkan keberkesanan terhadap pengurusan perolehan dan aset, tiga PBT yang berkenaan perlu mengambil tindakan seperti syor-syor berikut:

3.3.1. Membuat pemantauan terhadap projek pembinaan supaya siap mengikut jadual dan bagi mengelakkan kelewatan serta peningkatan kos.

3.3.2. Memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan disenggarakan dengan baik.

3.3.3. Mengutip tunggakan sewa dan memastikan penyewa mematuhi segala syarat yang terkandung dalam perjanjian sewaan.

3.3.4. Membuat pelupusan bagi aset yang didapati rosak dan usang bagi membolehkan penggantian aset baru.

4. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- **Pembinaan Dan Pengurusan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak**

4.1. Dasar Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) bertujuan untuk mengembangkan potensi setiap anak PERMATA negara bagi pembangunan potensi modal insan yang seimbang, menyediakan asuhan dan didikan yang berkualiti bagi merangsang perkembangan awal kanak-kanak, menyediakan kemudahan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran yang kondusif, menggalakkan penglibatan dan hubungan yang teguh antara ibu bapa, kerajaan dan pengurusan TASKA serta meningkatkan kesedaran awam terhadap keperluan memberikan pendidikan awal kanak-kanak. Pada tahun 2009 melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak secara percuma bagi anak-anak kakitangan awam Negeri Perak.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pembinaan dan pengurusan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan dari aspek pembinaan dan pengurusan TASKA adalah seperti berikut:

4.2.1. Spesifikasi komponen pembinaan projek tidak disediakan dengan terperinci.

4.2.2. Bantuan alat pembelajaran TASKA PERMATA tidak diterima sepenuhnya.

4.2.3. Pembantu Pengurusan Murid tidak terlatih.

4.2.4. Prestasi sasaran pengisian kanak-kanak kurang memuaskan.

4.2.5. Kelemahan aspek pemantauan oleh Pejabat SUK.

4.3. Bagi mengatasi kelemahan dan penambahbaikan pengurusan TASKA, Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah Dan Tanah disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

4.3.1. Aktiviti promosi yang menyeluruh supaya maklumat berkaitan TASKA dapat disebarluaskan kepada penjawat awam bagi memastikan bilangan kanak-kanak yang maksimum diisi supaya objektif pembinaan dapat dicapai dan tenaga pendidik dapat digunakan sepenuhnya.

4.3.2. Latihan secara menyeluruh diberikan kepada semua kakitangan TASKA.

4.3.3. Kaedah pengurusan dan penyenggaraan TASKA perlu dilaksanakan secara terancang bagi memastikan pengurusan, persekitaran dan keselamatan aset dan pendidik/kanak-kanak.

5. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI

- Pengurusan Pengendalian Kes Mal Dan Jenayah

5.1. Fungsi utama Jabatan ini adalah untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke mahkamah syariah mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang, memutus, menguatkuaskan dan melaksanakan perintah berasaskan hukum syariah dan undang-undang bertulis, menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil dan berkesan, menerima, mendengar dan memutuskan permohonan pembahagian Harta Pusaka dan membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi. Sepanjang tahun 2009 hingga 2011, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM16.40 juta untuk perbelanjaan mengurus manakala kutipan hasil daripada denda dan hukuman berjumlah RM2.67 juta. Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengendalian kes syariah telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan untuk menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan. Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan pengendalian Kes Mal dan Jenayah di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Ipoh bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya, pengendalian kes Syariah di Mahkamah Syariah Ipoh adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

5.2.1. Kelemahan dalam sistem e-Syariah Versi 1 yang dibangunkan sejak tahun 2004 tidak mencapai tahap yang sebenarnya mengikut seperti yang dirancang

5.2.2. Prestasi penyelesaian kes tidak mencapai sasaran manual kualiti.

5.2.3. Kes tidak selesai mengikut tempoh yang ditetapkan.

5.2.4. Prestasi Majlis Sulh tidak membantu dalam pengurangan kes serta faktor-faktor dalam dan luaran yang menyebabkan penangguhan kes berlanjutan.

5.2.5. Buku rekod tidak disediakan serta pemantauan dan perkhidmatan yang tidak memuaskan hati pelanggan.

5.3. Bagi memastikan prestasi pengurusan kes syariah meningkat, adalah disyorkan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak mengambil langkah-langkah seperti berikut:

5.3.1. Memastikan modul-modul dalam sistem e-Syariah Versi II boleh digunakan sepenuhnya dan berfungsi dengan lancar dan teratur.

5.3.2. Jabatan hendaklah memperkasakan Majlis Sulh bagi mewujudkan kepercayaan pihak defenden dan plaintiff terhadap kes yang dikendalikan dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

5.3.3. Jabatan perlu mematuhi Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan supaya kes yang telah lama tertangguh dan tertunggak dalam Sasaran Kerja Tahunan tercapai.

5.3.4. Jabatan hendaklah menyediakan Buku Daftar Saman dan Waran Tangkap bagi tujuan pemantauan untuk mengelakkan kes tersebut terus meningkat.

6. MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

- Pengurusan Kemudahan Awam

6.1. Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Luas kawasan pentadbiran MPM ialah 301.82 km persegi di mana 180.47 km persegi merupakan kawasan yang menerima perkhidmatan dan dikenakan cukai taksiran tahunan, manakala luas kawasan pentadbiran MPT ialah 186.47 km persegi di mana 111.47 km persegi adalah kawasan yang menerima perkhidmatan. Antara tanggungjawab MPM dan MPT ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam sama ada kategori pengurusan kejiranan, rekreasi/riadah dan prasarana. Contoh kemudahan adalah tandas, dewan serba guna, kolam renang, padang permainan kanak-kanak, padang permainan, perhentian bas dan taxi, pondok menunggu bas dan wakaf.

6.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan taman permainan kanak-kanak, dewan dan wakaf adalah memuaskan kecuali pengurusan tandas awam kurang memuaskan. Antara kelemahan pengurusan kemudahan awam yang dapat dikesan adalah seperti berikut:

6.2.1. Alat permainan rosak dan kawasan permainan kanak-kanak dicerobohi.

6.2.2. Pelapik getah tidak dipasang atau tertanggal.

6.2.3. Tiada perjanjian sewaan.

6.2.4. Tandas kotor dan tidak di senggara, *flush* tandas tidak berfungsi.

6.3. Bagi menambah baik pengurusan kemudahan awam, adalah disyorkan Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping mengambil langkah-langkah seperti berikut:

6.3.1. Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping perlu mencari penyelesaian terhadap penggantian alat permainan yang rosak, memastikan keselamatan kanak-kanak ketika bermain, menghalang pencerobohan seperti aktiviti pertanian dalam kawasan taman dan mencabut rangka permainan yang rosak bagi mengelakkan kecederaan.

6.3.2. Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping perlu menyediakan perjanjian penyewaan tandas awam dan memastikan syarat perjanjian dipatuhi oleh penyewa.

6.3.3. Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping perlu segera membaiki kecacatan tandas supaya ia dapat berfungsi dengan sewajarnya dan berkeadaan bersih.

7. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Pengurusan Aset Bangunan

7.1. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) adalah sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan bertindak sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Untuk mencapai objektif pembangunan ekonomi, Perbadanan telah menceburi pelbagai bidang sosioekonomi antaranya pembangunan, perindustrian, pelancongan, pembangunan harta tanah dan pembinaan. Sehingga 31 Disember 2011 Perbadanan memiliki 11 bangunan. Empat bangunan diurus sendiri oleh Perbadanan, 6 diserahkan kepada Anak Syarikat Perbadanan untuk diurus dan 4 disewa kepada syarikat Swasta. Kos pembinaan bangunan Perbadanan adalah sejumlah RM40.46 juta.

7.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhan pengurusan aset bangunan Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan kerugian hasil kepada Perbadanan. Antara kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

7.2.1. Pengurusan perjanjian sewa tidak disediakan dan dimuktamadkan.

7.2.2. Tunggakan sewa tinggi.

7.2.3. Penyenggaraan bangunan dan kawalan keselamatan kurang memuaskan.

7.3. Bagi tujuan penambahbaikan, adalah disyorkan Perbadanan mengambil tindakan berikut:

7.3.1. Menyediakan dan memuktamadkan dokumen perjanjian dengan penyewa/syarikat bagi menjaga kepentingan kedua pihak dan melaksanakan syarat perjanjian dengan sepenuhnya.

7.3.2. Memastikan pengurusan sewa dilaksanakan mengikut dokumen perjanjian.

7.3.3. Memastikan penyenggaraan terhadap aset bangunan dilaksanakan mengikut perjanjian dan menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua bangunan Perbadanan.

7.3.4. Meningkatkan tahap kawalan keselamatan bangunan bagi menjamin keselamatan harta benda Perbadanan serta keselamatan pengguna.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

8. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Star Career Sdn. Bhd.

8.1. Star Career Sdn. Bhd. (Syarikat) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 9 Januari 2001 di bawah Akta Syarikat 1965. Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pelaburan (pemulihan dan pelupusan). Sehingga 31 Disember 2010, Syarikat beroperasi dengan modal saham dibenarkan RM100,000 dan modal saham berbayar RM50,000. Struktur Syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan syarikat subsidiari dan aktiviti harian syarikat serta melaporkan hal ehwal pengurusan syarikat ke Lembaga Pengarah.

8.2. Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat adalah kurang memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti serta pematuhan terhadap peraturan dan kewangan Syarikat adalah seperti berikut:

8.2.1. Pada tahun 2010, kerugian terkumpul Syarikat telah menurun kepada RM6.97 juta berbanding RM13.49 juta pada tahun 2009. Syarikat memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM6.52 juta hasil daripada pendapatan keuntungan penjualan tanah dan saham yang masing-masing berjumlah RM7.67 juta dan RM0.60 juta.

8.2.2. Pendapatan Syarikat terdiri daripada yuran perkhidmatan perakaunan dan yuran perkhidmatan pengurusan. Pada tahun 2010, jumlah pendapatan Syarikat telah meningkat kepada RM11.69 juta iaitu peningkatan sejumlah RM11.35 juta berbanding RM0.34 juta pada tahun 2009. Penurunan dan peningkatan pendapatan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah disebabkan oleh peruntukan rosot nilai saham pulih semula apabila amaan tersebut diambil kira sebagai pendapatan bagi tahun 2010.

8.2.3. Satu perjanjian telah ditandatangani pada 31 Disember 2001 antara Syarikat dan PKNP untuk menerima dan menguruskan pelupusan 57 buah syarikat pegangan PKNP yang terdiri daripada 25 buah syarikat subsidiari, 14 buah syarikat bersekutu dan 18 buah syarikat pelaburan. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2011, masih terdapat 35 buah Syarikat belum dilupuskan iaitu 13 buah syarikat subsidiari, 11 buah syarikat bersekutu dan 11 buah syarikat pelaburan.

8.3. Bagi memastikan pengurusan Syarikat Star Career Sdn. Bhd. diurus dengan teratur dan seterusnya mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi, Syarikat disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

8.3.1. Menyediakan perancangan strategik Syarikat selaras dengan perancangan strategik PKNP dan memastikan kejayaan pemulihan dan pelupusan syarikat subsidiari mengikut perancangan.

8.3.2. Mengadakan polisi risiko sebagai panduan bagi memperkemaskan lagi pengurusan Syarikat.

8.3.3. Memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Perak.

9. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Perak Halal Corporation Sdn. Bhd.

9.1. Perak Halal Corporation Sdn. Bhd (Syarikat) yang dahulu dikenali sebagai Tekal Mayang Sdn Bhd (TMSB) telah ditubuhkan pada 5 Februari 1999. Penukaran nama syarikat dari TMSB ke Perak Halal Corporation Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada awal bulan April 2008. Syarikat merupakan sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang memiliki 100% ekuiti. Sehingga akhir tahun 2010, modal saham dibenarkan Syarikat berjumlah RM100,000 dan modal berbayar berjumlah RM2. Objektif penubuhan Syarikat adalah untuk menjadi penggerak utama dalam memajukan industri halal di Negeri Perak. Syarikat juga menyelaraskan program latihan dan kursus halal bagi menambah para pengusaha atau pelabur berkaitan pemprosesan dan logistik dalam proses pengeluaran produk halal, serta memberi bantuan dan bimbingan kepada usahawan atau pelabur berkaitan pensijilan halal. Sehingga akhir tahun 2010, modal saham dibenarkan Syarikat berjumlah RM100,000 dan modal berbayar berjumlah RM2.

9.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati pengurusan aktiviti utama Syarikat adalah kurang memuaskan kerana bagi tempoh 2009 hingga 2011 syarikat masih di peringkat pra operasi. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan berhubung dengan Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat adalah seperti berikut:

9.2.1. Syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.46 juta pada tahun 2010 berbanding kerugian bersih RM0.20 juta pada tahun 2009. Perbelanjaan Syarikat meningkat disebabkan kos operasi pentadbiran Syarikat meningkat. Sehingga 31 Disember 2010, kerugian terkumpul Syarikat berjumlah RM1.79 juta.

9.2.2. Pengurusan aktiviti Syarikat kurang memuaskan kerana mengalami kerugian dalam pelaburan anak Syarikatnya yang mengalami rosot nilai berjumlah RM1 juta.

9.2.3. Pengurusan aktiviti pengurusan lot-lot kilang teres di Industri Kecil dan Sederhana (Terminal Makanan Halal) kurang memuaskan kerana masih ada lot yang masih belum disewakan yang menyebabkan hasil sewaan tidak diperoleh.

9.2.4. Unit Audit Dalam PKNP harus memainkan peranan memantau pengurusan dan aktiviti Syarikat agar matlamat penubuhan Syarikat akan berfungsi dengan lebih berkesan.

9.3. Bagi memastikan pengurusan Syarikat Perak Halal Corporation Sdn. Bhd. diurus dengan teratur dan seterusnya mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi, Syarikat disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

9.3.1. Syarikat hendaklah memperkuuh prestasi kewangan dengan mempertingkat pengurusan aktiviti.

9.3.2. Syarikat hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan lot-lot kilang teres di Kg. Acheh yang masih kosong disewakan segera agar dapat meningkatkan hasil Syarikat.

9.3.3. Memerkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Syarikat.

10. YAYASAN PERAK

- YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.

10.1. YP Nominees Holdings Sdn. Bhd (Syarikat) merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Perak (Yayasan) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat telah ditubuhkan pada 30 Disember 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2010, modal saham dibenarkan Syarikat berjumlah RM20 juta dan modal berbayar berjumlah RM10 juta. Objektif penubuhan Syarikat adalah untuk menjalankan aktiviti berkaitan khidmat perunding dan pengurusan ladang kelapa sawit bagi pihak Yayasan.

10.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2011 mendapati pengurusan aktiviti utama Syarikat adalah kurang memuaskan. Penjelasan lanjut mengenai kelemahan-kelemahan berhubung dengan Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti serta dan Tadbir Urus Korporat adalah seperti berikut:

10.2.1. Syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM5.24 juta pada tahun 2010 berbanding kerugian bersih RM6.12 juta pada tahun 2009. Pengurusan aktiviti utama Syarikat yang meliputi aktiviti mengurus tadbir ladang-ladang milik Yayasan adalah kurang memuaskan kerana hasil pendapatan yang diperoleh masih tidak mampu menampung kos operasi syarikat yang tinggi. Sehingga 31 Disember 2010, kerugian terkumpul Syarikat berjumlah RM25.51 juta.

10.2.2. Syarikat juga tidak berupaya untuk menyelesaikan pinjaman dengan Bank Rakyat mengikut jadual sehingga menyebabkan jumlah yang tertunggak meningkat sebanyak RM4.10 juta iaitu daripada RM69.90 juta kepada RM74 juta.

10.3. Bagi memastikan pengurusan Syarikat YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. diurus dengan teratur dan seterusnya mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi, adalah disyorkan Syarikat YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. Dan Yayasan Perak mengambil tindakan berikut bagi tujuan penambahbaikan prestasi Syarikat:

10.3.1. Lembaga Pengarah Yayasan dan Syarikat perlu sentiasa memantau pengurusan kewangan dan operasi Syarikat bagi mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh Syarikat.

10.3.2. Unit Audit Dalam di Yayasan Perak hendaklah membantu Syarikat dalam melaksanakan fungsi Unit Audit Dalam di Syarikat.



BAHAGIAN I AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN I

AKTIVITI JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

Seksyen 6 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi terhadap program dan aktiviti Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri untuk menilai sama ada program dan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan cekap, ekonomi dan berkesan. Pada tahun 2011, sebanyak 7 aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri telah dipilih dan dikaji iaitu Pengurusan Pengeluaran Bahan Batu Di Hutan Simpanan Kekal, Pengurusan Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah, Perolehan Dan Pengurusan Aset, Pembinaan Dan Pengurusan TASKA PERMATA kakitangan Awam Negeri, Pengurusan Pengendalian Kes Mal Dan Jenayah, Pengurusan Kemudahan Awam dan Pengurusan Aset Bangunan. Pemerhatian Audit tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri terlibat. Hanya penemuan Audit yang penting dilaporkan di **Bahagian ini.**

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

2. PENGURUSAN PENGETUARAN BATU BATAN DI KAWASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertanggungjawab untuk mengawal selia Hutan Simpanan Kekal (HSK) seperti mana mandat dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984). Mengikut APN 1984, pengambilan hasil hutan dari HSK mestilah mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Setelah PBN meluluskan permohonan pengambilan batu batan, lesen kecil yang diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) dikeluarkan bagi membenarkan aktiviti pengambilan dan pengeluaran batu batan. Tujuan lesen kecil pengambilan dan pengeluaran batu batan dikenakan adalah untuk memastikan pengurusan hutan adalah terkawal di samping untuk menjaga alam sekitar daripada kemasuhan flora dan fauna, pencemaran kualiti udara, bunyi dan air sungai.

2.1.2. Hasil hutan terdiri daripada dua kategori iaitu hasil hutan utama dan hasil hutan kecil. Hasil hutan batu batan seperti tanah, laterit, tanah gembur, tanah liat, pasir, batu kapur atau kuarzit, batu granit dan marmar dikategorikan sebagai hasil hutan kecil. Mengikut Kaedah-kaedah Hutan 1988 (KKH 1988), pemindahan batu batan dari kawasan HSK perlu dikenakan bayaran royalti kepada Kerajaan Negeri. Hasil pengeluaran batu batan keempat-empat daerah bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM12.21 juta.

Jumlah ini terdiri daripada kutipan bayaran royalti, premium dan ses pembangunan pengeluaran batu batan di 12 kawasan lesen kecil seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Bilangan Lesen Kecil Mengikut Jenis Pengeluaran

Daerah	Bil. Lesen	Bil. Lesen Mengikut Jenis Batu Batan		
		Kuari Batu Granit	Pasir Sungai	Tanah Merah
Kinta / Manjung	8	7	0	1
Hulu Perak	2	0	2	0
Larut Matang	1	0	1	0
Perak Selatan	1	1	0	0
Jumlah	12	8	3	1

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran batu batan dalam kawasan HSK dilaksanakan secara cekap dan berkesan dengan mengambil kira impak kepada alam sekitar.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan pengeluaran batu batan dalam HSK di 12 kawasan lesen kecil bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan di Pejabat Perhutanan Negeri (PPN), 4 Pejabat Hutan Daerah (PHD) iaitu PHD Kinta Manjung, Hulu Perak, Larut Matang dan Perak Selatan dan Pejabat-pejabat Renjar yang terlibat dengan operasi pengeluaran batu batan. Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berdasarkan rekod, fail, data dan dokumen berkaitan dengan pengurusan aktiviti pengeluaran batu batan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat, pengusaha dan penduduk setempat serta lawatan ke lokasi pengeluaran batu batan dijalankan bagi meninjau sama ada aktiviti berkenaan telah memberi kesan kepada alam sekitar. Borang Soal Selidik turut diedarkan kepada 150 responden di tiga kawasan pengeluaran batu batan/kuari yang berdekatan dengan jarak lebih kurang 2 kilometer kawasan penempatan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan mengenai isu berkaitan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pengeluaran batu batan di kawasan HSK adalah memuaskan. Tindakan proaktif pihak PPN selepas teguran pihak Audit telah membuktikan pengurusan pengeluaran batu batan bertambah baik malahan kutipan hasil meningkat antara 35% hingga 375% sebulan pada tahun 2012 (Januari hingga Mac). Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 2.2**. Bagaimanapun, terdapat beberapa tindakan yang masih belum mencapai tahap optimum yang dikenal pasti iaitu ketidakpatuhan perundangan, prosedur dan syarat operasi,

kawalan operasi dan pemantauan serta adanya kesan operasi aktiviti kepada alam sekitar seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

Jadual 2.2
Perbandingan Peningkatan Kutipan Hasil Bagi Tempoh Bulan Januari hingga Mac Bagi Tahun 2011 dan 2012

Bulan	Tahun		Peningkatan	
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	(RM Juta)	%
Januari	0.31	0.42	0.11	35
Februari	0.08	0.38	0.30	375
Mac	0.10	0.29	0.19	190

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- Pembaharuan 12 lesen kecil bagi pengambilan batu batan telah diluluskan oleh Pejabat Perhutanan Negeri bagi suatu tempoh lebih daripada 6 bulan.
- Kadar royalti batu batan mengikut kadar dalam Kaedah-kaedah Hutan 1988 adalah lebih rendah berbanding kadar royalti batu batan yang ditetapkan dalam Pentadbiran Tanah Perak.
- Ketidakseragaman kaedah kawalan dan penggunaan doket pengeluaran batu batan.
- Aktiviti pembinaan dalam Hutan Simpan Kekal seperti pembinaan jalan hutan, stor, kilang *premix*, pondok pengawal dan jentera tiada permit.
- *Conversion factor* yang diguna pakai oleh kuari-kuari bagi menukar daripada jumlah laporan timbangan dalam tan metrik kepada jumlah M³ adalah tidak seragam dan berbeza-beza antara kuari.
- Deposit cukai berbaki negatif namun aktiviti dalam hutan masih dijalankan.
- Kelemahan terhadap kawalan operasi di hutan dan pemantauan menyebabkan berlakunya perbezaan laporan kuantiti pengeluaran, tiada laporan jabatan teknikal, penyata pengeluaran lewat dikemukakan, kelewatan pembaharuan lesen dan pencerobohan hutan.
- Daripada maklum balas soal selidik Audit didapati purata 86% menyatakan wujud gangguan habuk, 54.7% gangguan bunyi bising, 33.3% gangguan keselamatan dan 14% gangguan gegaran.

2.4.1. Perundangan Dan Prosedur Kerja

Penggunaan APN 1984, KKH 1988 dan Manual Perhutanan terhadap aktiviti pengambilan batu batan kawasan HSK penting bagi tujuan kawalan dan pengurusan hutan secara

mampu. Lesen kecil bagi tujuan operasi tersebut hendaklah sah dan diluluskan sebagaimana ditetapkan dalam perundangan. Kadar royalti perlu dibuat sewajarnya berdasarkan perundangan bagi memastikan hasil Kerajaan boleh dikutip. Sehubungan itu, semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

2.4.1.1. Lesen Kecil Diluluskan Dan Diperbaharui Melebihi 6 Bulan

- a. Berdasarkan Seksyen 28 dan 30(3) Akta Perhutanan Negara 1984, Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan Pengarah Perhutanan meluluskan dan memperbaharui lesen kecil bagi pengambilan batu batan dari HSK. Lesen kecil hendaklah dikeluarkan bagi suatu tempoh yang tamat tidak lebih dari akhir tahun kalender manakala pembaharuan lesen kecil adalah bagi suatu tempoh tidak lebih daripada enam bulan. Sungguhpun begitu, Seksyen 29 Akta yang sama menyatakan lesen kecil boleh tertakluk kepada apa-apa arahan yang berlawanan oleh PBN dan kepada mana-mana kaedah, dikeluarkan atau dibaharui oleh Pengarah bagi pihak PBN. Pemeriksaan Audit mendapati pembaharuan semua 12 lesen kecil bagi pengambilan batu batan telah diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri bagi suatu tempoh lebih daripada 6 bulan. Semua lesen kecil tersebut telah dibaharui selama antara 36 hingga 456 bulan daripada tarikh lesen kecil asal tamat. Semakan seterusnya mendapati tiada bukti arahan atau perakuan dikeluarkan oleh PBN bagi membolehkan lesen kecil dibaharui melebihi tempoh ditetapkan. Butiran lesen kecil yang terlibat adalah seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Lesen Kecil Dibaharui Melebihi Enam Bulan

Bil.	No. Lesen	Aktiviti / Batu Batan	Tahun Asal Lesen	Pembaharuan	
				Tempoh	Bulan
1.	KTA/MJG 30/73 (HSK/KM)	Kuari	1973	1974 – Dis. 2011	456
2.	KTA/MJG 6/85 (HSK/KM)	Kuari	1985	1986 – Dis. 2011	312
3.	21/97K (HSK/KM)	Tanah Merah	1997	1998 – Dis. 2011	168
4.	PPN.PK 1/75 (HSK/KM)	Kuari	1975	1976 - Dis. 2011	432
5.	PPN.PK 2/96 (HSK/KM)	Kuari	1996	1997 - Dis. 2011	180
6.	PPN.PK 29/99K (HSK/KM)	Kuari	1999	2000 – Dis. 2011	138
7.	PPN.PK 1/96K (HSK/KM)	Kuari	1996	1996 - Dis. 2011	192
8.	11/2000 (HSK/KM)	Kuari	2000	2001 – Dis. 2011	122
9.	26/92 (HSK/PK.S)	Kuari	1992	1993 – Dis. 2011	228
10.	PPN.PK2/2008	Pasir Sungai	2008	2009 – Dis. 2011	36
11.	9/2004K (HSK/HPk)	Pasir Sungai	2004	2005 – Dis. 2011	84
12.	8/2004K (HSK/HPk)	Pasir Sungai	2004	2005 – Dis. 2011	84

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- b. Selepas teguran Audit, mengikut maklum balas daripada PPN bertarikh 26 Januari 2012 pandangan dan ulasan daripada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diminta. Selain itu, kertas kerja telah disediakan dan akan dikemukakan kepada PBN untuk mendapatkan keputusan bagi tempoh usaha hasil batu batan.

2.4.1.2. Kadar Royalti Mengikut Kaedah-Kaedah Hutan 1988 Rendah

- a. Bayaran royalti pengambilan batu batan dari HSK di caj mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Hutan (KKH) 1988 (Pindaan 2009) iaitu menggunakan kadar mengikut unit setiap meter padu (M^3). Manakala bayaran royalti bagi pengeluaran batu batan di kawasan selain daripada HSK di caj mengikut kadar tan metrik sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Tanah Perak 1966 (PTP). Semakan Audit mendapati, secara perbandingan kadar royalti mengikut unit M^3 di Jabatan Perhutanan adalah berbeza dengan kadar yang dikenakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah. Kadar royalti batu batan mengikut kadar dalam KKH 1988 adalah lebih rendah berbanding kadar royalti batu batan yang dinyatakan dalam PTP. Sebagai contoh; kadar royalti pasir mengikut KKH 1988 adalah RM1.50 satu M^3 berbanding kadar royalti mengikut PTP adalah RM3.00 satu tan. Dengan menggunakan *conversion factor* satu M^3 bersamaan 1.764 tan, perbezaan kadar royalti mengikut KKH setiap M^3 pasir adalah RM3.79. Perbandingan kadar royalti mengikut KKH 1988 berbanding kadar royalti mengikut PTP adalah seperti **Jadual 2.4**. Perbandingan kadar hasil berkaitan aktiviti pengeluaran batu batan daripada kawasan HSK dengan kadar hasil hutan yang dikenakan oleh Negeri Selangor dan Johor menunjukkan kadar hasil hutan Negeri Perak adalah lebih rendah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.4
Perbezaan Kadar Royalti Mengikut KKH 1988 Berbanding PTP

Butiran Royalti (a)	Kadar Setiap Unit / Kuantiti			Perbezaan (e) (RM) (e)=(b)-(d)
	PTP		KKH	
	(RM/Tan Metrik) (b)	(RM/Meter Padu) (c)	(RM/Meter Padu) (d)	
Tanah				
Laterit	1.50 satu tan	2.65/ M^3	1.50/ M^3	(1.15)
Tanah gembur				
Tanah liat				
Pasir	3.00 satu tan	5.29/ M^3	1.50/ M^3	(3.79)
Batu kapur				
Batu granit	2.00 satu tan	3.53/ M^3	2.00/ M^3	(1.53)
Abuk granit				
Premix	1.00 satu tan	-	Tiada kadar	-
Buku doket	10.00 sebuah	-	3.00 sebuah	(7.00)

Nota: Formula pertukaran unit, 1 M^3 = 1.764 tan

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri

Jadual 2.5
Kadar Hasil Hutan Mengikut Negeri

Butiran	Kadar Hasil Mengikut Kaedah-Kaedah Hutan Negeri		
	Perak	Selangor	Johor
			Tempatan
Royalti Tanah	RM1.50 / M^3	RM2.00 / M^3	RM2.00/ M^3
Royalti Laterit	RM1.50 / M^3	RM2.00 / M^3	RM2.50/ M^3
Royalti Tanah gembur	RM1.50 / M^3	RM2.00 / M^3	RM3.50/ M^3
Royalti Tanah liat	RM1.50 / M^3	RM2.00 / M^3	RM3.50/ M^3
Royalti Pasir	RM1.50 / M^3	RM3.00 / M^3	RM3.50/ M^3
Royalti Batu kapur	RM2.00 / M^3	RM3.00 / M^3	RM3.50/ M^3

Butiran	Kadar Hasil Mengikut Kaedah-Kaedah Hutan Negeri		
	Perak	Selangor	Johor Tempatan
Royalti Batu granit	RM2.00 / M ³	RM3.00 / M ³	RM2.50/tan
Royalti Abuk granit	RM2.00 / M ³	RM3.00 / M ³	-
Royalti Batu marmar	RM30.00 / M ³	RM15.00 / M ³	RM5.20/m ³
Premium bahan batu	20% royalti	20% royalti	-
Ses Pembangunan	10% royalti	10% royalti	10% royalti
Lesen kecil (Batu batan)	RM200.00	RM2,000.00	RM150.00
Gantian lesen kecil (Batu batan)	RM200.00	RM1,000.00	-
Pembaharuan lesen kecil	RM100.00	RM500.00	RM50.00
Permit jalan	RM200.00/ kilometer@ sebahagian	RM500.00 sekilometer sekali	RM120.00 setahun
Permit penggunaan	RM400.00 setahun/ha	Tapak baru RM1,000.00 setahun/ha Tapak lama RM500.00 setahun/ha	RM120.00 setahun

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Selangor & Johor

- b. Kadar bayaran royalti di Jabatan Kerajaan Negeri hendaklah seragam dan diselaraskan supaya tidak timbul kekeliruan orang awam selain dapat meningkatkan hasil Kerajaan. Bagaimanapun setelah mendapat teguran Audit, **mengikut maklum balas daripada PPN bertarikh 26 Januari 2012**, pihak PPN telah mengemukakan kertas kerja untuk mesyuarat JKK Bil.2/2012 pada 25 April 2012 untuk menyelaraskan kadar royalti KKH selaras dengan kadar PTP bagi pertimbangan PBN. PBN telah bersetuju untuk menyelaraskan semua kadar royalti KKH mengikut kadar PTP. Penggunaan kadar cukai yang akan diselaraskan menggunakan kadar PTP akan meningkatkan lagi kutipan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM0.84 juta atau 76% bagi tempoh Januari hingga Mac 2012. Berdasarkan trend kutipan untuk Januari hingga Mac 2012, PPN menganggarkan jumlah kutipan hasil akan mencecah RM8 juta setahun berbanding sasaran awal RM3 juta.

Pada pendapat Audit, pembaharuan lesen kecil bagi suatu tempoh melebihi 6 bulan dari tarikh asal lesen kecil tamat hendaklah mendapat kelulusan atau perakuan PBN dan kadar royalti mengikut PTP. Tindakan mengemukakan kertas kerja pindaan royalti dan telah diluluskan oleh PBN telah meningkatkan hasil Kerajaan Negeri pada bulan Januari hingga Mac 2012 menunjukkan kecekapan PPN mengendalikan isu yang dibangkitkan oleh Pihak Audit.

2.4.2. Kutipan Hasil

Hasil pengeluaran batu batan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM12.21 juta terdiri daripada kutipan bayaran royalti, premium dan ses pembangunan pengeluaran batu batan. Jumlah ini mewakili 9.2% daripada keseluruhan kutipan hasil hutan Negeri Perak. Butiran kutipan seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Kutipan Hasil Batu Batan Negeri Perak Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Jumlah Hasil Batu Batan (RM juta)	Jumlah Hasil Hutan (RM juta)	Hasil Batu Batan Berbanding Hasil Hutan Negeri (%)
2009	3.50	30.70	11.4%
2010	3.76	51.03	7.4%
2011	4.95	50.84	9.7%
Jumlah	12.21	132.57	9.2%

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

2.4.2.1. Tiada Permit Jalan, Pendaftaran Jentera, Sub Lesen Dan Permit Penggunaan

- a. Mengikut Seksyen 28 APN 1984, tiada seorang pun boleh menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti di atas mana-mana tanah dalam kawasan HSK melainkan jika dia adalah pemegang suatu permit penggunaan. Kegagalan pelesen memohon dan mendapat kelulusan permit adalah suatu kesalahan di bawah APN 1984 dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya. Selain itu, para KKH 1988 pula menetapkan setiap pekerja dan jentera yang digunakan dalam kerja-kerja mengusahakan hasil hendaklah didaftarkan di bawah suatu sub lesen (Borang K) dan pendaftaran jentera (Borang F). Pemeriksaan Audit terhadap 12 pelesen yang diluluskan mengambil batu batan dalam kawasan HSK mendapati perkara berikut:
 - i. Tiga pelesen tiada permit jalan walaupun menggunakan jalan hutan sepanjang lebih kurang 10.3 kilometer di luar kawasan lesen kecil.
 - ii. Enam pelesen tiada permit penggunaan bagi mendirikan bangunan kongsi, pejabat, stor, kilang *premix* dan pondok pengawal serta menempatkan *stockpile* pasir atau batu seperti di **Gambar 2.1** dan **Gambar 2.2**.
 - iii. Empat pelesen tidak mendaftarkan jentera yang digunakan dalam kerja-kerja usaha hasil batu batan.
 - iv. Dua pelesen tidak mendaftarkan pekerjanya bagi membolehkan suatu sub lesen dikeluarkan.

Gambar 2.1
Rumah Kongsi Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Bukit Tapah, Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011

Gambar 2.2
Loji Membuat Premix Tanpa Permit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuari Kampung Padang Tembak, Lumut
Tarikh: 17 November 2011

- b. Ringkasan penemuan Audit mengikut kawasan lesen seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7

Kedudukan Pengambilan Permit Jalan, Pendaftaran Jentera, Sub Lesen Dan Permit Penggunaan

Bil	No. Lesen	Permit Jalan	Pendaftaran Jentera	Sub-Lesen	Permit Penggunaan
1.	PPN.Pk.26/92 (HSK/PK.S)	√	√	√	x
2.	KTA/MJG 30/73 (HSK/KM) KTA/MJG 6/85 (HSK/KM) PPN.Pk.21/97 (HSK/KM)	√	√	√	x
3.	PPN.Pk 1/75 K (HSK/KM) PPN.Pk 2/96 K (HSK/KM)	√	√	√	x
4.	PPN.Pk.1/96 K (HSK/KM)	T/B	x	√	x
5.	PPN.Pk.29/99 K (HSK/KM)	x	√	√	√
6.	PPN.Pk. 11/2000 K (HSK/KM)	x	√	√	√
7.	PPN.Pk. 2/2008 K (HSK/LM)	√	x	√	√
8.	PPN.Pk. 9/2004 K (HSK/HPK)	x	x	x	x
9.	PPN.Pk. 8/2004 K (HSK/HPK)	√	x	x	x

Nota: √ = Dipatuhi X = Tidak dipatuhi T/B = Tidak Berkenaan

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- c. PPN mengambil maklum perkara ini dan borang semakan yang merangkumi panjang jalan digunakan, binaan bangunan/infrastruktur, loji, kawasan dan kuantiti *stockpile*, jentera, pekerja dan sebagainya akan digunapakai. Penguatkuasaan borang semakan ini dapat memastikan pihak pelesen mematuhi peraturan usahasil, meningkatkan kecekapan pemantauan dan mengelakkan berlakunya ketirisan hasil selain memudahkan proses pelaporan oleh kakitangan di masa hadapan.
- d. Mengikut maklum balas daripada PPN bertarikh 26 Januari 2012, pemberhentian sementara operasi usahasil batu batan telah berkuat kuasa pada 30 Disember 2011 untuk semakan dan penyelarasaran. PHD telah membuat semakan di lapangan dan arahan kepada pelesen telah dikeluarkan untuk membuat permohonan permit-permit berkaitan. Permohonan permit daripada sebahagian pelesen telah diterima dan dalam proses mengeluarkan permit baru. Sebahagian kertas kerja telah diluluskan di

peringkat Jawatan Kuasa Kehutanan (JKK) serta sebahagiannya telah disediakan dan akan dikemukakan ke Mesyuarat JKK.

2.4.2.2. Kadar Conversion Factor Tidak Seragam

- a. Kaedah-kaedah Hutan 1988 menetapkan perkiraan royalti batu batan perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri dan adalah dikira berdasarkan pada kadar setiap meter padu (M^3). Pada peringkat pengeluaran batu batan di kuari, pengeluaran ditimbang menggunakan perkiraan dalam unit metrik tan. Bagi tujuan pengiraan royalti yang berasaskan kadar M^3 , pihak kuari menggunakan kaedah *conversion factor* bagi menukarkan kadar timbangan tan metrik kepada M^3 . Pemeriksaan Audit mendapati kadar *conversion factor* yang diguna pakai oleh kuari-kuari terlibat adalah tidak seragam dan berbeza-beza. Kadar *conversion factor* yang paling tinggi digunakan adalah 3 pelesen di kawasan Kampung Padang Tembak, berbanding dengan 6 pelesen lain di kawasan Manjung dan Bidor. Ketidakseragaman kadar *conversion factor* mengakibatkan pengiraan hasil royalti tidak tepat. Butiran perbezaan kadar *conversion factor* seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Conversion Factor Mengikut Pelesen

Bil.	Bahan Kuari	Kadar Conversion Factor Tan Metrik Ke M^3 / Rujukan Pelesen				
		PPN.Pk.1/ 75 K (HSK/KM)	PPN.Pk.1/ 96 K (HSK/KM)	PPN.Pk.2/96 K PPN.Pk.1/75 K) PPN.Pk.11/2000 K (HSK/KM)	KTA/MJG.6/ 85 KTA/MJG 30/73 PPN.Pk. 21/97 K (HSK/KM)	PPN.Pk.2 6/92 K (HSK/PK.S)
1.	<i>¾ Aggregates</i>	1.693	1.693	1.693	1.142	(1.4928)
2.	<i>⅔ Aggregates</i>	1.693	1.693	1.729	1.010	-
3.	<i>½ Aggregates</i>	-	-	1.700	1.050	-
4.	<i>1" Aggregates</i>	-	-	1.675	1.127	-
5.	<i>Crusher Run A</i>	1.764	1.764	1.752	1.284	(1.6784)
6.	<i>Crusher Run B</i>	1.764	1.764	1.756	1.284	-
7.	<i>Crusher Run C</i>	1.764	1.764	1.764	1.284	-
8.	<i>Quarry Waste</i>	1.764	1.764	1.640	1.197	(1.4732)
9.	<i>Sub Ballast /14mm</i>	1.764	1.764	-	-	-
10.	<i>6x9 Block</i>	1.807	1.807	1.807	1.390	-
11.	<i>Armour Rock</i>	1.807	1.807	-	1.807	-
12.	<i>Quarry Dust</i>	1.835	1.835	1.835	1.111	(1.4732)
13.	<i>Fines</i>	1.835	1.835	-	-	-
14.	<i>M.Sand</i>	1.835	1.835	-	-	-
15.	<i>Premix</i>	-	-	1.746	1.807	-

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- b. Selepas teguran Audit, pihak PPN memaklumkan satu *conversion factor* akan diseragamkan di semua kuari batu batan sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan BPH. Namun, PPN telah mengemukakan kertas kerja untuk mesyuarat JKK Bil. 2/2012 pada 25 April 2012 dan PBN telah bersetuju untuk menyelaras semula kadar royalti KKH mengikut kadar PTP. Selepas menyelaraskan kadar bayaran cukai berdasarkan PTP yang menggunakan unit metrik tan, ketirisan hasil akibat ralat

seperti ketidakseragaman penggunaan *conversion factor* dapat dielakkan pada masa hadapan.

2.4.3. Kawalan Operasi dan Pemantauan

2.4.3.1. Kawalan Pengambilan Dan Pengeluaran

a. Laporan Bulanan Tidak Disemak

Laporan pengeluaran disediakan oleh Pejabat Renjar bagi tempoh setiap 2 minggu. Laporan ini perlu disemak oleh pegawai BPH atau Pejabat Renjar dengan invois jualan atau laporan timbangan sebelum dikemukakan kepada PHD dan seterusnya dikemukakan kepada PPN. Semakan Audit mendapati tiada bukti laporan pengeluaran batu batan disemak dengan invois atau laporan timbangan yang disediakan oleh pihak syarikat. Menurut pegawai BPH atau Pejabat Renjar yang mengesahkan laporan tersebut, pengesahan laporan tersebut hanya berdasarkan jumlah pada doket. Laporan tersebut sepatutnya disemak bersama laporan timbangan bagi memastikan ketepatan jumlah yang dinyatakan dalam doket dan sebarang kekurangan dapat dikesan lebih awal dan tuntutan dibuat dengan syarikat. Selain itu, semakan Audit juga mendapati Pejabat Renjar Bruas, Renjar Lumut, Renjar Bidor, Renjar Kuala Trong dan Renjar Gerik tidak memohon laporan timbangan bagi aktiviti kuari dan invois jualan syarikat bagi pemindahan pasir untuk tujuan semakan dan simpanan. Untuk tujuan itu, PPN perlu mensyaratkan supaya setiap pelesen mengemukakan laporan penggunaan doket berserta laporan timbangan bulanan atau invois jualan kepada BPH atau PHD. Semakan silang dengan dokumen ini hendaklah dilakukan sebelum laporan bulanan di sah dan dikemukakan kepada PPN.

- b. Mengikut maklum balas daripada PPN bertarikh 26 Januari 2012, cadangan supaya pelesen mengemukakan laporan penggunaan doket berserta laporan timbangan bulanan atau invois jualan kepada BPH atau PHD akan diambil kira dalam syarat tambahan lesen. Bagi bulan Oktober hingga Disember 2011 tindakan telah diambil.**

2.4.3.2. Penyata Pengeluaran Bulanan Lewat Dikemukakan

- a. Penyata pengeluaran batu batan bulanan perlu dihantar ke PPN pada atau sebelum 10 hari bulan berikutnya dan disediakan untuk tempoh setiap dua minggu. Penyata ini amat penting bagi mengetahui sama ada deposit cukai pelesen mencukupi bagi menampung pelbagai bayaran hasil hutan dan pengemaskinian lejar deposit serta melaraskan deposit kepada hasil. Semakan Audit mendapati penyata pengeluaran batu batan untuk setiap 2 minggu lewat disedia dan dikemukakan kepada PPN. Berdasarkan rekod PPN, kelewatan mengemukakan penyata tersebut adalah antara 2 ke-66 hari dari tempoh sepatutnya. Selain kelewatan pihak syarikat membayar tambahan deposit cukai, kelewatan dalam menyediakan laporan pengeluaran juga**

dikenal pasti antara sebab pihak Jabatan tidak dapat mengesan baki deposit tidak mencukupi dan berbaki negatif. Semakan Audit seterusnya menunjukkan walaupun deposit cukai telah berbaki negatif pengeluaran batu batan tetap diteruskan. Pemindahan batu batan sepatutnya tidak dibenarkan selagi pihak syarikat tidak membayar tambahan deposit cukai. Butiran mengenai kelewatan seperti di **Jadual 2.9**. Manakala butiran mengenai contoh deposit yang mempunyai baki negatif adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.9

Penyata Pengeluaran Bulanan Lewat Dikemukakan Bagi Tahun 2011

Bil.	Rujukan Kelulusan Lesen (Pelesen)	Bilangan Kes Lewat	Tempoh Kelewatan	
			Dari (Hari)	Hingga (Hari)
1.	PPN.PK 21/97k (HSK/KM), KTA/MJG 6/85 (HSK/KM), 30/73 k (HSK/KM)	7	2	41
2.	PPN.PK 1/75 (HSK/KM), PPN.PK 2/96k (HSK/KM)	7	2	41
3.	PPN.PK.No. 29/99k	7	7	66
4.	11/2000 (HSK/KM)	7	2	41
5.	PPN.Pk 1/96k	4	9	53
6.	PPN.PK.26/92 k(PK.S)	7	7	48

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

Jadual 2.10

Baki Deposit Hasil Batu Batan Negatif

Bil.	No. Lesen	Pada Tarikh	Baki Deposit (RM)
1.	PPN.Pk. 2/2008K (HSK/LM)	30.06.2009	-556
	PPN.Pk. 2/2008K (HSK/LM)	11.1.2010	-814
	PPN.Pk. 2/2008K (HSK/LM)	12.1.2010	-2,356
	PPN.Pk. 2/2008K (HSK/LM)	13.1.2010	-3,010
2.	PPN.Pk. 26/92 K (PK.S)	31.12.2009	-127,218
	PPN.Pk. 26/92 K (PK.S)	31.12.2010	-35,087
	PPN.Pk. 26/92 K (PK.S)	April 2011	-8,120

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- b. Mengikut maklum balas daripada PPN bertarikh 26 Januari 2012, surat peringatan telah dikeluarkan kepada PHD agar mengemukakan penyata pengeluaran bulanan batu batan mengikut tempoh ditetapkan.

2.4.3.3. Kelemahan Pemantauan Fizikal Pengeluaran Pasir

- a. Semakan Audit terhadap 3 kawasan yang diluluskan lesen pengambilan dan pengeluaran pasir sungai menunjukkan wujud kelemahan kawalan secara fizikal semasa operasi pengeluaran pasir dilakukan. Adalah didapati seorang pegawai Jabatan Perhutanan ditugaskan untuk tujuan pemantauan semasa operasi mengambil dan mengeluarkan pasir dijalankan. Temu bual dengan Pengawas Hutan mendapati semasa pegawai tersebut keluar dari kawasan operasi pengeluaran pasir sama ada untuk urusan rasmi atau peribadi, tiada pegawai yang memantau aktiviti pengambilan pasir yang sedang berjalan. Doket ditinggalkan di pejabat syarikat.

Doket tersebut akan diambil semula sekembalinya ke pejabat tersebut. Situasi ini menunjukkan kelemahan pemantauan secara fizikal yang perlu diambil perhatian supaya sebarang ruang pemindahan pasir yang boleh mengakibatkan ketirisan hasil Kerajaan dapat dibendung. Semakan dengan invois jualan syarikat juga boleh dijadikan sebagai suatu kaedah kawalan dalaman dan mengesan pemindahan pasir tanpa membayar hasil kepada Kerajaan.

- b. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pegawai pengganti di BPH akan disediakan sekiranya pegawai bertugas mempunyai urusan lain.**

2.4.3.4. Kelewatan Kelulusan Pembaharuan Lesen Kecil

- a. Mengikut Seksyen 15(1) APN 1984, pengambilan hasil hutan dari HSK hanya boleh dilakukan dengan adanya lesen atau lesen kecil manakala Seksyen 30(3) Akta yang sama menghendaki permohonan membaharui lesen kecil dibuat tidak lewat dari 30 hari sebelum tamat tempoh lesen. Analisis Audit terhadap permohonan dan kelulusan pembaharuan 5 lesen kecil pengambilan batu batan bagi tempoh tahun 2009 hingga Jun 2011 mendapati 13 kes permohonan diluluskan antara 23 ke 208 hari selepas tarikh mula kuasa lesen kecil tersebut. Daripada kes tersebut, dua kes permohonan pembaharuan lesen kecil oleh pelesen lewat dikemukakan kepada PPN dalam tempoh 55 dan 116 hari selepas lesen tamat. Kelewatan meluluskan lesen kecil menunjukkan aspek ketidakcekapan pengurusan dalam memproses permohonan pelesen. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 2.11**.**

Jadual 2.11
Kelewatan Kelulusan Pembaharuan Lesen Kecil

Bil	Butiran Lesen	Lesen Kecil			
		Tempoh Kuat kuasa Lesen	Tarikh Mohon	Tarikh Lulus	Tempoh Kelewatan (Hari)
1.	PPN.Pk.26/92 K (HSK/PK.S)	1.1.2009-31.12.2009	24.2.2009	5.5.2009	125
2.	PPN.Pk.29/99 K (HSK/KM)	16.08.2008-15.6.2009	10.12.2008	13.3.2009	208
		16.6.2009- 15.12.2009	13.3.2009	21.7.2009	35
		16.12.2009- 15.6.2010	1.10.2009	17.3.2010	92
		16.6.2010- 15.12.2010	11.5.2010	28.7.2010	43
		16.12.2010- 15.6.2011	12.10.2010	19.5.2011	163
3.	PPN.Pk.1/96 K (HSK/KM)	10.1.2009- 31.12.2009	31.10.2008	23.1.2009	23
		1.1.2011- 30.6.2011	12.10.2010	5.4.2011	95
4.	PPN.Pk.9/2004 K (HSK/HPK)	1.1.2009-31.12.2009	9.10.2008	2.2.2009	30
		1.1.2010-30.6.2010	21.9.2009	18.2.2010	48
		1.1.2011-31.12.2011	1.12.2010	26.1.2011	26
5.	KTA/MJG 6/85 (HSK/KM)	1.1.2009 – 30.6.2009	22.10.2008	23.1.2009	23
		1.1.2010 – 31.3.2010	28.10.2009	25.2.2010	56

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- b. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, PHD telah mengeluarkan surat peringatan kepada pelesen untuk mengemukakan permohonan pembaharuan lesen 30 hari sebelum lesen tamat. Sebagai langkah penambahbaikan, PPN akan**

membangunkan satu program perisian untuk pengurusan pelesenan bahan batu agar dapat diperkemaskan lagi pada masa hadapan. Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri turut memberi komitmen dan kerjasama dalam membantu PPN dengan menyalurkan peruntukan tersebut.

2.4.3.5. Pematuhan Syarat Dan Kesan Operasi

Operasi pengambilan batu batan perlu dilaksanakan berdasarkan peraturan dan syarat ditetapkan. Pelesen hendaklah mematuhi syarat lesen kecil dan permit supaya kesan operasi terhadap alam sekitar dapat dikurangkan. Sungguhpun tiada isu-isu ketara terhadap alam sekitar, namun beberapa kelemahan ditemui dari aspek ketidakpatuhan perundangan, syarat-syarat lesen, permit dan syarat jabatan teknikal serta kesan operasi aktiviti pengambilan batu batan adalah seperti berikut:

a. Pencerobohan Kawasan HSK Untuk Aktiviti Berkaitan Kuari

- i. Mengikut Seksyen 32 APN 1984, sebarang pendudukan atau pelaksanaan aktiviti di atas HSK adalah dilarang melainkan diluluskan permit penggunaan. Manakala Seksyen 47 Akta yang sama pula menyatakan tiada seorang pun boleh memasuki mana-mana hutan tertutup kecuali seorang pegawai hutan, seseorang yang memegang permit dan mana-mana orang yang dibenarkan secara bertulis oleh PPN. Pemeriksaan Audit mendapati aktiviti penggunaan tanah secara haram di kawasan bersempadan dengan kawasan lesen kecil, permit penggunaan atau jalan bagi aktiviti kuari di HSK Bukit Tapah dan HSK Teluk Muruh. Kawasan HSK diceroboh dengan mendirikan bangunan kongsi pekerja, bengkel, loji pecah batu dan tambakan tanah seperti **Gambar 2.3** dan **Gambar 2.4**.

Gambar 2.3
Pencerobohan HSK Untuk *Crusher Plants*



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Teluk Muruh, Lumut
Tarikh: 14 Julai 2011

Gambar 2.4
Pencerobohan HSK Untuk Bengkel




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Bukit Tapah, Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011

- ii. Pemeriksaan Audit bersama Pengawas Hutan Renjar Bidor dengan menggunakan bacaan alat *Global Positioning System* (GPS) di 10 lokasi kawasan kuari HSK Bukit Tapah menunjukkan kedudukan beberapa gambaran imej seperti rumah

kongsi pekerja, bengkel dan kawasan tambakan adalah berada di luar kawasan yang dibenarkan dalam lesen kecil dan permit penggunaan. Kedudukan lokasi yang dicerobohi adalah luar 3 kotak yang berwarna seperti di **Gambar 2.5**.

Gambar 2.5
Koordinat Lokasi Bacaan GPS Di Kawasan HSK Bukit Tapah



Nota:	Lokasi	Koordinat Lokasi Berdasarkan Bacaan GPS
1.	Pejabat & Tempat Penimbang Bahan Batu	VD374576/WMR452658
2.	Tempat Set Generator	VD374628/WMR452638
3.	Kawasan Kilang Baru (Proses Tar/Premix)	VD374302/WMR452597
4.	Kawasan Kilang Lama (Proses Batu)	VD374801/WMR452560
5.	Bengkel Mesin & Jentera	VD375231/WMR452498
6.	Kawasan Pokok Mati (Tambakan)	VD375143/WMR452546
7.	Kawasan Usahasil	VD375360/WMR452301
8.	Kawasan Bekas Stor Bahan Letupan	VD375084/WMR452301
9.	Kawasan Tambakan	VD375173/WMR452337
10.	Tapak Kongsi	VD374536/WMR452725

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri

- iii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, sebahagian permit penggunaan telah diluluskan dan sebahagian lagi telah disediakan kertas kerja untuk diangkat ke Mesyuarat JKK pada 17 Julai 2012.

b. Tambakan Dan Kemusnahan Pokok

- i. Mengikut APN 1984, pendudukan atau pelaksanaan aktiviti di atas HSK adalah dilarang melainkan diluluskan lesen atau permit dan hanya dibenarkan di dalam

kawasan yang diluluskan sahaja. Selain itu, merosakkan apa-apa pokok hutan dengan apa cara sekalipun merupakan suatu kesalahan sebagaimana dinyatakan dalam Bahagian VII Akta yang sama. Kesalahan ini boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi 3 bulan atau keduanya. Pemeriksaan Audit mendapati 3 pengusaha kuari iaitu satu di kawasan HSK Bukit Tapah Bidor dan 2 di HSK Teluk Muruh, Lumut telah membuat tambakan tanah dan sisa kuari mengakibatkan pokok tumbang dan mati seperti di **Gambar 2.6** dan **Gambar 2.7**. Pemeriksaan seterusnya bersama Pengawas Hutan Renjar Bidor dan Lumut menunjukkan tambakan tanah dan sisa kuari dilakukan di luar kawasan sempadan lesen kecil dan permit penggunaan. Tambakan tanah di atas sisa kuari di kawasan HSK Bukit Tapah disahkan oleh Pegawai di Jabatan Perhutanan Daerah berada di luar kawasan lesen dan permit kedudukan lokasi ini melalui bacaan koordinat lokasi berdasarkan bacaan GPS seperti di **Gambar 2.6**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Koordinat GPS VD375173/WMR452337
HSK Bukit Tapah Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Koordinat GPS VD375143/WMR452546
HSK Bukit Tapah Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, tawaran kompaun sebanyak RM20,000 telah dikeluarkan dan telah dijelaskan oleh pelesen kerana melakukan kesalahan hutan. Kertas kerja telah diangkat ke Mesyuarat JKK Bil.2/2011 pada 31 Oktober 2011. Atas arahan PBN, kertas kerja yang lebih kemas dan komprehensif akan disediakan semula untuk dikemukakan ke Mesyuarat JKK pada 17 Julai 2012.

c. Pembinaan Bangunan Kekal Di Kawasan Permit Penggunaan

- i. Pada tahun 2007, Permit Penggunaan PPN.PK 20/2007 telah diluluskan kepada pengusaha pasir untuk membina rumah kongsi dan seunit bilik stor di kawasan pengambilan pasir Sungai Rui, Gerik. Mengikut syarat permit, pelesen tidak dibenarkan membina bangunan kekal dan dikehendaki memindahkan keluar semua bentuk bangunan apabila bangunan kongsi tidak digunakan lagi. Selain

itu, berdasarkan Buku Panduan Prosedur Jabatan Kerajaan Negeri berhubung pengambilan pasir sungai antara lain menetapkan apa juga binaan struktur tidak dibenarkan didirikan di dalam rizab sungai. Pemeriksaan Audit mendapati pelesen telah membina bangunan kekal di kawasan rizab sungai seperti di **Gambar 2.8**.



Gambar 2.8
Bangunan Kekal Dalam HSK Dan
Di Rizab Sungai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, tawaran kompaun sebanyak RM2,000 telah dikeluarkan dan telah dijelaskan oleh pelesen kerana melakukan melanggar syarat lesen (membina bangunan kekal).

d. **Tiada Binaan Lantai Bagi Set Generator**

- i. Mengikut syarat teknikal Buku Panduan Prosedur Jabatan Kerajaan Negeri berhubung pengambilan pasir sungai, pengusaha adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa pencemaran seperti tumpahan minyak ke sungai dan hendaklah mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasinya. Pemeriksaan Audit ke tapak kuari di kawasan HSK Bukit Tapah, Bidor mendapati sebuah set *generator* ditempatkan berhampiran sungai namun tiada binaan lantai simen serta benteng konkrit bagi menghalang tumpahan minyak mengalir ke tanah. Sungguhpun set *generator* ini berada dalam kawasan permit penggunaan namun tidak sepatutnya berada di tebing atau di atas rizab sungai kerana boleh mengakibatkan pencemaran sungai sekiranya berlaku tumpahan minyak. Lantai simen dan benteng konkrit juga hendaklah dibina bagi menghalang tumpahan minyak mengalir ke tanah dan seterusnya ke sungai. Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati ada kesan tumpahan minyak set *generator* ke tanah seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**. Pengusaha perlu memastikan bahawa pengurusan buangan ini mematuhi Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Gambar 2.9
Set Generator Di Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Bukit Tapah, Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011

Gambar 2.10
Tumpahan Minyak Ke Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Bukit Tapah, Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pelesen telah mengambil tindakan seperti mana disyorkan oleh pihak Audit.

e. Kerosakan Persekutaran Sungai

- i. Syarat tambahan lesen kecil bagi pengambilan pasir sungai, antaranya menetapkan; pokok-pokok di tepi sungai tidak boleh ditebang atau dirosakkan semasa kerja-kerja pengeluaran pasir dan tidak dibenarkan merosakkan tebing sungai berkenaan. Berdasarkan Buku Panduan Prosedur Jabatan Kerajaan Negeri berhubung pengambilan pasir sungai, antara lain mensyaratkan;
 - *Stockpile* pasir utama dan struktur mencuci pasir hendaklah berada sekurang-kurangnya 20 meter dari tebing sungai.
 - *Stockpile* pasir sementara dibenarkan berada 10 meter dari tebing sungai.
 - Semasa mengambil pasir dari *stockpile*, tidak dibenarkan membuat lubang atau mengorek di bawah aras tanah asal.
 - Semua pokok dan tumbuhan hendaklah dikekalkan dan sebarang penebangan di sekitar tebing hendaklah mendapat kebenaran.
- ii. Pemeriksaan Audit mendapati keadaan dan persekitaran di Sungai Rui, Gerik dan Sungai Temerlok, Taiping berhampiran kawasan pengambilan pasir sungai telah rosak akibat hakisan tebing, kemusnahan pokok-pokok dan tumbuhan di tebing sungai serta perubahan rupa bentuk permukaan tanah. Aktiviti pengambilan pasir ini juga secara langsung telah mengancam pokok dan tumbuh-tumbuhan lindungan tebing sungai, permukaan tanah yang terbuka kepada hakisan. Adalah diperhatikan kerosakan tersebut berpunca daripada operasi aktiviti pengambilan pasir sungai. Antaranya adalah seperti berikut:

- Struktur pam, kolam takungan/mendapan pasir dan *stockpile* berada di tebing atau kurang 10 meter dari tebing sungai seperti di **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12**.
- Pokok teduhan dan tumbuh-tumbuhan lindungan tebing sungai dimusnahkan seperti di **Gambar 2.13**.
- Kawasan *stockpile* dikorek melebihi aras bumi atau lantai hutan seperti **Gambar 2.14**.

Gambar 2.11
Stockpile Di Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui, Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 2.12
Kolam Takungan Pasir Dan Struktur Pam Di Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui, Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 2.13
Pokok Teduhan / Tumbuhan Lindungan Tebing Musnah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui, Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011

Gambar 2.14
Pengorekan Pasir Sungai Di Bawah Paras Lantai Hutan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Temerlok, Taiping
Tarikh: 23 Jun 2011

- Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pelesen telah mengambil tindakan seperti mana disyorkan oleh pihak Audit.

f. Kolam Perangkap Mendap Tidak Disediakan

- i. Kolam perangkap mendap dan sistem perparitan untuk menyalurkan air larian permukaan (*surface run-off*) dan pelepasan daripada basuhan di bahagian palong hendaklah disediakan. Kolam perangkap mendap adalah bertujuan bagi menakung kelodak daripada terus mengalir ke dalam sungai juga merupakan sebagai langkah kawalan dan pencegahan. Kolam tersebut hendaklah diselenggarakan dengan baik dan berkesan. Sebarang pelepasan daripada kolam perangkap mendap ini ke mana-mana alur air tidak boleh mengandungi pepejal terampai melebihi 100mg/l. Semakan Audit mendapati 2 pengusaha pasir di kedua-dua kawasan pengambilan pasir di Sungai Rui, Gerik tidak menyediakan kolam perangkap mendap bagi air lepasan cucian seperti di **Gambar 2.15**. Air keruh yang terhasil daripada aktiviti pengambilan dan pencucian pasir ini boleh mengakibatkan kualiti air di hilir sungai terjejas.



Gambar 2.15
Air Berkeladak Disalur Terus Ke Sungai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui, Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pelesen telah mengambil tindakan seperti mana disyorkan oleh pihak Audit.

g. Gangguan Kepada Kestabilan Tanah Dan Hakisan Tebing

- i. Sungai merupakan sumber alam yang perlu dipelihara dan berfungsi untuk mengalirkan air dan enapan dari kawasan tадahan ke lautan selain berperanan sebagai sumber bekalan air, jalan air untuk perhubungan dan pengangkutan, sumber makanan dan lain-lain lagi. Sebarang aktiviti di sungai mahupun persekitarannya hendaklah dijalankan berdasarkan Garis Panduan atau Manual dan syarat-syarat lain yang ditetapkan supaya impak terhadap tebing sungai tidak berlaku atau dikurangkan. Pelaksanaan aktiviti secara tidak teratur dan terkawal boleh mengakibatkan masalah seperti hakisan tanah, keruntuhan tebing sungai dan perubahan rupa bentuk aras muka bumi atau lantai hutan. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 sebanyak 3 pengusaha pasir sungai telah mendapat kelulusan mengambil dan memindahkan pasir di Sungai Rui, Gerik dan Sungai Temerlok, Taiping. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa lokasi tebing Sungai Rui di kawasan pengambilan pasir sungai diganggu dan menyebabkan tebing runtuh seperti di **Gambar 2.16** dan **Gambar 2.17** yang

berpunca daripada operasi pengambilan pasir tidak mengikut garis panduan ditetapkan.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui, Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sungai Rui, Gerik
Tarikh: 5 Julai 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pelesen telah mengambil tindakan seperti mana disyorkan oleh pihak Audit.

h. Jalan Keluar Masuk Tidak Diselenggara

- i. Antara syarat yang ditetapkan, pihak pengusaha hendaklah memastikan laluan atau jalan dari tempat pengambilan batu batan ke jalan raya awam dijaga dalam keadaan bersih dan tidak berhabuk pada setiap masa. Manakala Surat Kelulusan Pengkuarian antara lain menyatakan langkah-langkah kawalan debu dan habuk daripada aktiviti pengambilan batu batan adalah dengan menyembur air ke atas jalan masuk ke kuari dan jalan-jalan dalam kawasan kuari sekurang-kurang sekali sejam pada waktu bekerja dalam musim kemarau ataupun apabila jalan mulai berdebu. Semakan Audit mendapati jalan yang digunakan untuk keluar ke jalan utama dari kawasan kuari Kampong Batu 2, Pundut dan Kampong Padang Tembak, Teluk Muruh di Daerah Manjung tidak diselenggara sewajarnya. Situasi ini mengakibatkan berlakunya pencemaran debu dan habuk kerana laluan tersebut tidak disiram air serta permukaan jalan berpasir di persimpangan atau persekitaran laluan lori tidak dibersihkan atau diselenggarakan dengan sewajarnya. Keadaan permukaan jalan yang berpasir boleh membahayakan pengguna jalan raya dan terdedah kepada persekitaran yang tidak bersih seperti ditunjukkan di **Gambar 2.18**. Selain itu, didapati *washing bay* yang disediakan di laluan keluar kuari Kampong Padang Tembak, Teluk Muruh di Daerah Manjung tidak berfungsi seperti di **Gambar 2.19**.

Gambar 2.18
Permukaan Jalan Raya Berpasir Tidak Diselenggara



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kg. Padang Tembak Lumut
Tarikh : 20 September 2011

Gambar 2.19
Kolam Pencuci Tayar Tidak Berfungsi



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Kg. Padang Tembak Lumut
Tarikh : 19 Julai 2011

- ii. Mengikut maklum balas bertarikh 26 Januari 2012, PPN telah menghantar surat kepada pelesen untuk tindakan lanjut iaitu laluan masuk kawasan kuari hendaklah diturap dengan premix atau tar yang ditanggung sendiri oleh pengusaha kuari dan pemasangan penyembur air atau *washing bay* hendaklah dibuat mengikut kesesuaian operasi kuari bagi mengurangkan habuk-habuk berterbangan. Pemantauan secara berkala akan dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan pihak pelesen telah mengambil tindakan serta mematuhi arahan PPN.

i. Sempadan Lesen Kecil Tidak Diselenggara

- i. Manual Perhutanan menetapkan pemegang lesen hendaklah menanam batu sempadan daripada konkrit berukuran tidak kurang daripada 10 sentimeter x 10 sentimeter setinggi 2 meter di atas sempadan pada jarak setiap 100 meter di antara satu sama lain. Sempadan lesen hendaklah diselenggarakan oleh pemegang lesen supaya sentiasa bersih selebar tidak kurang daripada 2 meter. Pokok bercat merah dan batu tanda sempadan tidak boleh dirosakkan, ditolak atau ditebang dan jika batu sempadan rosak, pelesen hendaklah menggantikannya. Pemeriksaan Audit mendapati semua sempadan kawasan lesen kecil aktiviti pengambilan batu batan tidak diselenggarakan dengan sewajarnya. Batu konkrit berukuran mengikut ukuran ditetapkan sebagai tanda sempadan lesen tidak ditanam pada jarak setiap 100 meter. Bagi tanda sempadan yang telah hilang atau rosak tidak diganti semula manakala kawasan sempadan yang semak tidak dibersihkan seperti **Gambar 2.20** dan **Gambar 2.21**.

Gambar 2.20
Tiada Batu Sempadan Luar HSK / Sempadan Lesen



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Teluk Muruh, Kg. Padang Tembak, Lumut
Tarikh: 19 Julai 2011

Gambar 2.21
Sempadan Luar HSK / Sempadan Lesen Tidak Diselenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Teluk Muruh, Kg. Padang Tembak, Lumut
Tarikh: 14 Julai 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pelesen telah mengambil tindakan seperti mana disyorkan oleh pihak Audit.
- j. Industri Membuat *Premix* Dan Bancuhan Simen Tanpa Permit

- i. Sesuatu lesen dikeluarkan bagi membenarkan pengambilan hasil hutan daripada HSK manakala permit penggunaan pula bertujuan membenarkan seseorang menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah dalam kawasan HSK. Pemeriksaan Audit mendapati 2 kawasan lesen pengambilan batu batan di HSK Bukit Tapah, Bidor dan HSK Teluk Muruh, Lumut telah membina loji penukaran bentuk batu batan menjadi *premix* seperti di **Gambar 2.22** dan **Gambar 2.23**. Pemeriksaan seterusnya mendapati loji membuat *premix* ini dibina di kawasan lesen kecil HSK Teluk Muruh dan tiada permit penggunaan untuk penempatan *crusher plants* HSK Bukit Tapah, Bidor. Tiada bukti menunjukkan kebenaran membina loji penukaran bentuk batu batan menjadi *premix* diluluskan oleh pihak Jabatan Perhutanan malahan tiada kadar royalti berhubung item hasil hutan *premix* dan bancuhan konkrit dalam KKH 1988.

Gambar 2.22
Loji Penukaran Batu Batan Menjadi
Premix



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Teluk Muruh, Lumut
Tarikh: 17 November 2011

Gambar 2.23
Loji Penukaran Batu Batan Menjadi
Premix




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: HSK Bukit Tapah, Bidor
Tarikh: 9 Jun 2011

- ii. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, sebahagian kertas kerja telah diluluskan di peringkat Mesyuarat JKK serta sebahagiannya telah disediakan dan dikemukakan ke Mesyuarat JKK akan datang.

2.4.4. Pandangan Awam Mengenai Aktiviti Kuari

2.4.4.1. Jabatan Audit Negara telah menjalankan kaji selidik bertujuan mendapatkan pandangan awam mengenai aktiviti kuari yang telah beroperasi di kawasan penempatan mereka. Sebanyak 150 borang soal selidik diedarkan dan mendapat maklum balas daripada penduduk setempat sekitar kawasan Kampung Batu 2 Pundut dan Kampong Padang Tembak, Teluk Muruh, Lumut serta Kampong Sungai Batu Pantai Remis. Penduduk diminta untuk memberikan maklum balas mengenai penerimaan gangguan, jenis gangguan yang diterima, kesan pencemaran yang dihadapi dan cadangan terhadap aktiviti kuari. Parameter bagi jenis gangguan yang diterima ialah bunyi bising, habuk dan keselamatan seperti di **Carta 2.1**. Daripada maklum balas soal selidik Audit didapati 36% hingga 54% menyatakan wujud gangguan habuk, 22% hingga 34% gangguan bunyi bising, 15% hingga 27% gangguan keselamatan dan 3% hingga 16% gangguan gegaran. Ini menunjukkan responden memberi maklum balas habuk atau debu adalah tinggi berbanding dengan gangguan bunyi bising, keselamatan dan gegaran.


Carta 2.1
Maklum Balas Orang Awam Terhadap Jenis Gangguan Yang Diterima



Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.4.2. Selain itu, maklum balas diterima daripada responden mengenai cadangan tindakan patut diambil terhadap aktiviti pengambilan pasir. Dari segi peratusan, antara 37% hingga 62% mencadangkan supaya operasi di henti dan dipindahkan kawasan, 22% hingga 23% tukar laluan lori dan 33% hingga 41% mencadangkan penguatkuasaan. Butiran lanjut adalah seperti di **Carta 2.2**.

Carta 2.2
Cadangan Responden



Sumber: Jabatan Audit Negara

2.4.4.3. Maklum balas menunjukkan bahawa purata 47% responden mencadangkan agar dihentikan operasi kuari di kawasan tersebut kerana ia menjadi punca utama kerosakan dan pencemaran alam sekitar di kawasan penempatan mereka terutamanya kuari kawasan Kampong Padang Tembak, Teluk Muruh yang jaraknya hanya lebih kurang 100 meter dari kawasan penduduk seperti di **Gambar 2.24**. Sebanyak 22.5% responden

meminta agar laluan keluar masuk lori membawa batu batan diubah ke laluan lain supaya gangguan keselamatan dan pencemaran alam sekitar dapat dikurangkan. Manakala 37.3% menyarankan agar dipertingkatkan lagi operasi penguatkuasaan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengangkutan Jalan, dan Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pengusaha kuari mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.



Gambar 2.24
Kuari Berhampiran Dengan Kawasan Penempatan

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kg. Padang Tembak Teluk Muruh Lumut

Tarikh: 20 September 2011

2.4.4.4. Mengikut maklum balas PPN bertarikh 26 Januari 2012, pihak syarikat telah bersetuju untuk mengenal pasti kawasan dan memindahkan kuari dari kawasan Hutan Simpan Teluk Muruh ke kawasan Hutan Simpan Segari Melintang dalam tempoh 2 tahun.

2.5 SYOR AUDIT

Jabatan Perhutanan Negeri adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut;

2.5.1. Mengkaji semula kaedah-kaedah Hutan 1988 supaya penggunaan unit dan kadar royalti serta item batu batan yang perlu dikenakan royalti bersesuaian dengan perkembangan semasa dan seragam dengan kadar dalam peraturan lain seperti Peraturan Tanah Perak 1966.

2.5.2. Menambah baik prosedur kerja berhubung kawalan pemindahan batu batan sama ada kawalan fizikal mahupun kawalan dokumentasi seperti penggunaan doket, penyata bulanan dan laporan timbangan atau invois jualan syarikat diwujudkan.

2.5.3. Melakukan pemeriksaan dan mempertingkatkan penguatkuasaan ke kawasan lesen dan permit supaya aktiviti ini dijalankan mengikut syarat dan peraturan ditetapkan.

2.5.4. Mendapatkan pandangan teknikal dari Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Mineral Dan Geosains dan Jabatan Kerja Raya sebelum sesuatu lesen kecil diluluskan atau diperbaharui bagi memastikan syarat kerja-kerja di kuari dipatuhi serta memelihara alam sekitar.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG PEJABAT DAERAH DAN TANAH BATANG PADANG TAPAH

3. PENGURUSAN PERMOHONAN DAN PEMBERIMILIKAN TANAH

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung dan Pejabat Daerah Dan Tanah Batang Padang Tapah adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan permohonan dan pemberimilikan tanah serta kutipan cukai tanah dan hasil tanah yang lain bagi daerah masing-masing. Daerah Manjung dan Daerah Batang Padang Tapah masing-masing mempunyai keluasan 119,000 hektar dan 179,887 hektar. Mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, pemberimilikan tanah ditakrifkan sebagai pelupusan tanah Kerajaan Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun atau selamanya. Kuasa untuk melupuskan tanah oleh PBN boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian (PTG) dan Pentadbir Tanah. Mengikut Garis Panduan Kajian Pentadbiran Daerah Dan Tanah Dengan Tumpuan Kepada Urusan Tanah dalam pelaksanaan proses-proses utama urusan pentadbiran tanah yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi (KTPK) menyarankan penetapan norma tempoh masa iaitu 4 bulan bagi permohonan pelupusan tanah, 4 jam bagi pendaftaran hak milik, 4 bulan bagi pendaftaran hak milik kekal dan 2 minggu bagi ulasan Jabatan Teknikal.

3.1.2. Bagi tempoh tahun 2008 hingga Disember 2011 sebanyak 3,503 permohonan tanah telah diterima oleh Pejabat Tanah Manjung dan Pejabat Tanah Batang Padang Tapah. Premium tanah yang dikutip bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011 berjumlah RM84.98 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Bilangan Permohonan Tanah Diterima Dan Kutipan Premium Tanah
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Disember 2011

Aktiviti	Tahun								Jumlah	
	2008		2009		2010		2011			
	M	T	M	T	M	T	M	T*		
Permohonan Diterima (Bilangan)	581	127	336	252	755	386	798	268	3,503	
Premium Tanah Dikutip (RM Juta)	7.76	2.03	17.30	0.86	13.29	8.44	25.97	9.33	84.98	

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

* Statistik permohonan dan premium setakat Oktober 2011

3.1.3. Kajian seumpama ini pernah dilakukan di Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping Perak pada tahun 2006. Dalam kajian tersebut, pihak Audit telah menemui beberapa kelemahan

semasa pelaksanaan antaranya mengenai tempoh proses pemberimilikan lewat dibuat, bangunan didirikan tidak mematuhi syarat dan maklum balas jabatan teknikal lewat diterima. Sehubungan itu, pihak Audit telah mengesyorkan beberapa perkara antaranya menggunakan Strategi Perakuan Baru Urusan Pentadbir Tanah yang dikeluarkan oleh MAMPU sebagai penanda aras, mengatur lawatan fizikal ke tapak bersama jabatan teknikal dan pemantauan diambil tindakan sewajarnya. Perkara ini telah diambil tindakan oleh auditi.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada pengurusan permohonan dan pemberimilikan tanah telah dilaksanakan dengan teratur, cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek permohonan dan pemberimilikan tanah daripada kategori individu, agensi swasta, jabatan/agensi Kerajaan serta penduduk di kawasan penempatan semula bagi Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB) dan aspek pemantauannya bagi tempoh tahun 2008 hingga 2011. Analisis Audit berdasarkan permohonan yang diterima sehingga Oktober 2011. Permohonan tanah terdiri daripada permohonan baru dan permohonan membaharui tempoh pajakan. Pengauditan dijalankan dengan memeriksa fail permohonan, daftar permohonan, rekod kewangan, kertas cadangan, minit mesyuarat di Pejabat Tanah Manjung dan Pejabat Tanah Batang Padang Tapah. Lawatan ke lapangan diadakan bagi menilai pelaksanaan projek. Temu bual dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan permohonan dan pemberimilikan tanah juga diadakan untuk mendapatkan maklum balas pelaksanaan projek.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati secara umumnya prestasi penyelesaian permohonan dan pemberimilikan tanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kekurangan pencapaian terhadap pengendalian permohonan tanah seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Tempoh penyelesaian permohonan pemilikan tanah lewat melebihi 4 bulan.
- Kerja tanah telah dijalankan sebelum notis borang 5A dibayar.
- Perjanjian kontrak tidak dipatuhi.
- Tiada dokumen Pengisyiharan Pewartaan Pelupusan dan Perizaban.

- Pengurusan pemberimilikan Rancangan Perkampungan Tersusun belum selesai.
 - Pemantauan terhadap kemajuan memproses permohonan pemberimilikan tanah kurang memuaskan.

3.4.1. Prestasi Penyelesaian Permohonan Pemberimanilikan Rendah

3.4.1.1. Kaedah pemberimilikan tanah terbahagi kepada 2 cara iaitu pemberimilikan tanah secara dirancang dan pemberimilikan tanah secara tidak dirancang. Pemberimilikan tanah secara dirancang adalah tanah yang diberi milik atas permohonan secara pelawaan daripada Pejabat Tanah Daerah seperti Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dan Rancangan Tanah Berkelompok (RTB). Manakala pemberimilikan tanah secara tidak dirancang melibatkan permohonan daripada individu atau agensi untuk tujuan tapak pertanian, tapak rumah atau bangunan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.2.**

Jadual 3.2

Permohonan Tanah Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011

Jenis Permohonan	Tahun								Jumlah		Jumlah besar	
	2008		2009		2010		2011					
	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T		
Individu/agensi	522	67	295	84	367	148	239	139	1,423	438	1,861	
Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT)	44	55	22	151	293	228	281	128	640	562	1,202	
Rancangan Tanah Berkelompok (RTB)	15	5	19	17	95	10	243	1	372	33	405	
Jumlah	581	127	336	252	755	386	763	268	2,435	1,033	3,468	

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

3.4.1.2. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2011 sebanyak 2,435 permohonan secara individu, agensi, RPT dan RTB di Pejabat Tanah Manjung (PTM) telah diterima. Manakala sebanyak 1,033 permohonan pula telah diterima oleh Pejabat Tanah Batang Padang Tapah (PTBP). Daripada jumlah yang diterima oleh PTM hanya 672 permohonan atau 27.6% telah diluluskan, 119 permohonan atau 4.9% telah ditolak manakala 1,644 permohonan atau 67.5% masih belum selesai. Di PTBP pula, hanya 640 permohonan atau 62% yang diterima telah diluluskan, 60 permohonan atau 5.8% telah ditolak manakala 333 permohonan atau 32.2% masih belum selesai. Secara keseluruhannya jumlah permohonan belum selesai bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2011 adalah sebanyak 1,977 daripada 3,468 atau 57% pencapaiannya. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3

**Status Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011**

Status Permohonan	Tahun										Jumlah		Keseluruhan	
	2008		2009		2010		2011						Jumlah	%
	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T		
Terima	581	127	336	252	755	386	763	268	2,435	1,033	3,468	-		
Lulus	224	74	80	184	223	242	145	140	672	640	1,312	37.8		
Tolak/Batal	28	21	39	25	35	10	17	4	119	60	179	5.2		
Belum Selesai	329	32	217	43	497	134	601	124	1,644	333	1,977	57		

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

3.4.1.3. Antara punca permohonan belum selesai adalah kelewatan memproses permohonan dan pemberimilikan di semua peringkat iaitu pendaftaran permohonan, siasatan dan laporan tanah, surat ke Jabatan Teknikal dan ulasan Jabatan Teknikal.

3.4.1.4. Mengikut maklum balas PTG, bagi urusan pemberimilikan tanah sehingga akhir bulan Mei 2012, tunggakan permohonan pemberimilikan tanah bagi tahun 2003 hingga 2010 sebanyak 99.08% daripada jumlah keseluruhan fail sebanyak 100,384 fail (baki 923) telah diselesaikan. Usaha ini dijalankan dengan penubuhan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang melibatkan semua Jabatan Teknikal.

3.4.2. Proses Permohonan Pemberimilikan Tanah

3.4.2.1. Tempoh Memproses Permohonan Pemberimilikan Tanah Melebihi 4 Bulan

- a. Permohonan tanah yang diterima dengan lengkap direkodkan dalam Daftar Permohonan (RA) oleh Pentadbir Tanah Daerah. Mengikut KTN 1965 dan Manual Tanah Negara, proses permohonan pelupusan tanah melibatkan beberapa peringkat iaitu pendaftaran permohonan, siasatan dan penyediaan laporan tanah, laporan ulasan Jabatan Teknikal, keputusan oleh Jawatan Kuasa Pemilihan Tanah Daerah (JKPTD) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), penyampaian notis Borang 5A serta pembayaran dan pengeluaran hak milik sementara. Hak milik kekal dikeluarkan setelah Jabatan Ukur Dan Pemetaan selesai membuat pelan ukur (PU). Norma tempoh masa bagi pemprosesan pemberimilikan tanah adalah 4 bulan seperti mana ditetapkan dalam Strategi Baru Urusan Pentadbiran (SBUPT). Pejabat Tanah Manjung menerima pakai garis panduan yang dikeluarkan oleh MAMPU dan KTPK dan menetapkan norma tempoh masa untuk urusan permohonan pelupusan tanah adalah dalam tempoh 4 bulan. Manakala PTBP menetapkan tempoh masa 3 bulan untuk permohonan pelupusan tanah mengikut piagam pelanggan seperti mana Surat Arahan PTG Bil. 3/2011 yang dikeluarkan pada 24 Januari 2011.
- b. Semakan Audit terhadap 100 daripada 2,435 fail permohonan tanah yang didaftarkan di PTM bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2011 mendapat proses permohonan

tanah diselesaikan dalam tempoh antara 1 hingga 44 bulan. Hanya 5 daripada 100 permohonan diselesaikan dalam tempoh 4 bulan, 9 permohonan dalam tempoh 5 hingga 12 bulan, 21 permohonan dalam tempoh 13 hingga 24 bulan, 63 permohonan melebihi 24 bulan dan bakinya 2 permohonan masih dalam proses untuk kelulusan. Manakala di PTBP semakan fail terhadap 15 daripada 1,033 fail permohonan tanah bagi tempoh sama mendapat proses permohonan tanah diselesaikan dalam tempoh antara 1 hingga 34 bulan. Satu permohonan selesai dalam tempoh 4 bulan, 1 permohonan dalam tempoh 6 bulan, 8 permohonan dalam tempoh 13 hingga 24 bulan, 4 permohonan melebihi 24 bulan dan satu permohonan masih belum selesai. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4

**Tempoh Proses Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan Tanah
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011**

Pejabat	Tempoh Masa Proses Pelupusan Tanah (Bulan)				Jumlah
	1 - 4	5 - 12	13 - 24	25 - 44	
Pejabat Tanah Manjung	5	9	21	63	98
Pejabat Tanah Batang Padang Tapah	1	1	8	4	14

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

**3.4.2.2. Proses Pendaftaran Permohonan, Siasatan dan Laporan Siasatan Tanah,
Laporan Jabatan Teknikal Lewat Dilaksanakan**

Secara pentadbiran proses mendaftarkan permohonan tanah dibuat oleh Pembantu Tadbir Tanah. Selepas pendaftaran dibuat, Penolong Pegawai Tanah membuat siasatan dan menyediakan laporan siasatan tanah. Dalam masa sama, Pembantu Tadbir Tanah menghantar surat mengenai siasatan kesesuaian tanah ke Jabatan Teknikal seperti Majlis Daerah, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia. Semakan Audit mendapat keempat-empat peringkat proses lewat dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah dan Jabatan Teknikal antara 1 hingga 39 bulan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

**Tempoh Masa Proses Penyelesaian Permohonan Pemberimilikan Tanah
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011**

Bil.	Peringkat Proses	Bilangan Permohonan Mengikut Tempoh Masa (Bulan)								Jumlah		Keseluruhan	
		0 - 3		4 - 6		7 - 12		13 - 39		M	T		
		M	T	M	T	M	T	M	T				
1.	Pendaftaran Permohonan	51	15	39	0	1	0	0	0	91	15	106	
2.	Siasatan Dan Laporan Tanah	10	6	5	3	20	6	46	0	81	15	96	
3.	Surat Ke Jabatan Teknikal	34	TL	11	TL	9	TL	5	TL	59	TL	59	
4.	Ulasan Jabatan Teknikal	140	TL	2	TL	0	TL	0	TL	142	TL	142	

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

TL = Tiada Laporan

- a. Di PTM sebanyak 91 daripada 100 permohonan lewat didaftarkan. Sebanyak 51 permohonan telah didaftarkan dalam tempoh 1 hingga 3 bulan, 39 permohonan didaftarkan dalam tempoh 4 hingga 6 bulan dan terdapat satu permohonan telah didaftarkan dalam tempoh melebihi 6 bulan. Bagaimanapun, kesemua 15 fail permohonan yang disemak di PTBP didaftarkan dalam tempoh 1 bulan.
- b. Kelewatan ketara berlaku di peringkat siasatan dan penyediaan laporan tanah. Di PTM sebanyak 46 daripada 81 permohonan tanah telah disiasat dan disediakan laporan tanah dalam tempoh 13 hingga 39 bulan. Manakala 20 permohonan dalam tempoh 7 hingga 12 bulan, dan selebihnya sebanyak 15 permohonan disediakan dalam tempoh kurang daripada 6 bulan. Di PTBP sebanyak 15 permohonan dapat disiasat dan disediakan laporan tanah dalam tempoh 1 hingga 12 bulan.
- c. Di PTM 54 daripada 59 surat dihantar ke Jabatan Teknikal dalam tempoh antara 1 hingga 12 bulan. Bakinya sebanyak 5 surat dihantar dalam tempoh masa 13 hingga 39 bulan. Pejabat Tanah Batang Padang Tapah tidak menghantar surat ke Jabatan Teknikal bagi tujuan ulasan dan pandangan terhadap kesesuaian tanah kerana bagi proses pembaharuan tempoh pajakan untuk RPT tidak memerlukan laporan teknikal.
- d. Mengikut Perkara 13.1 Manual Kanun Tanah Negara menyatakan pihak Pentadbir Tanah boleh mengatur lawatan bersama Jabatan Teknikal untuk mempercepatkan penerimaan laporan dari Jabatan Teknikal. Tiada bukti menunjukkan lawatan tersebut telah dibuat bagi tujuan tersebut. Sebanyak 111 maklum balas yang diterima melebihi tempoh 2 minggu yang ditetapkan. Kelewatan tempoh tersebut adalah antara 1 hingga 112 hari selepas tempoh ditetapkan. Manakala bakinya sebanyak 14 tidak menerima maklum balas dari Jabatan tersebut. Namun begitu, daripada sampel Audit mendapati Majlis Daerah telah memberikan laporan dalam tempoh waktu ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tempoh Masa Menerima Laporan Daripada Jabatan Teknikal
Bagi Tempoh Tahun 2008 hingga Oktober 2011

Bil.	Jabatan Teknikal	Maklum Balas Tidak Diterima	Bilangan Maklum Balas Diterima Mengikut Tempoh (Hari)			
			15 - 30	31 - 60	> 61	Jumlah
1.	Majlis Daerah	-	2	-	-	2
2.	Jabatan Pertanian	4	7	22	10	39
3.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	5	19	12	7	38
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	5	16	5	-	21
5.	Jabatan Kerja Raya	-	2	-	-	2
6.	Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta	-	8	-	1	9
Jumlah		14	54	39	18	111

Sumber: Pejabat Tanah Manjung

- e. Temu bual antara pihak Audit dan Penolong Pegawai Tanah di PTM mendapati punca kelewatan mendaftar permohonan tanah, siasatan dan penyediaan laporan tanah dan penghantar surat ke Jabatan Teknikal disebabkan bebanan kerja sehari meliputi kawasan pentadbiran yang luas di samping bilangan permohonan yang banyak diterima. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati dalam tempoh kajian dijalankan tiada lawatan bersama Jabatan Teknikal dilakukan bagi mempercepatkan penerimaan laporan. Kesan daripada kelewatan tersebut menyebabkan permohonan pemberimilikan lewat dibentangkan dalam Mesyuarat JKPTD setiap bulan.
- f. Berdasarkan maklum balas PTBP bertarikh 18 Januari 2012 dan 28 Mei 2012, kelewatan proses siasatan dan penyediaan laporan tanah adalah kerana pertambahan bidang tugas Penolong Pegawai Tanah mengikut keperluan semasa serta beberapa perkara perlu diberikan keutamaan berdasarkan arahan dari semasa ke semasa dan juga kurangnya pemantauan oleh pihak pengurusan. Tiada maklum balas daripada PTM.

3.4.2.3. Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah Dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Lewat Membuat Keputusan

- a. Kuasa untuk meluluskan atau menolak permohonan terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri. Mengikut Seksyen 13 KTN, kuasa tersebut boleh diwakilkan kepada Pengarah Negeri atau Pentadbir Tanah melalui pewartaan. Selaras dengan Seksyen tersebut, MMK Bil. 1546 bertarikh 28 Mei 2008 dan MMK Bil. 1574 bertarikh 25 Februari 2009 telah melantik Pentadbir Tanah Daerah sebagai Pengerusi dan Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) dan Penolong Pegawai Daerah bertindak sebagai Setiausaha dalam JKPTD. Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah terdiri daripada semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Wakil Ahli Parlimen kawasan berkenaan. Tujuan JKPTD ditubuhkan untuk memperakukan dan meluluskan permohonan tanah untuk kediaman/bangunan individu termasuk bagi RPT dan RTB di peringkat daerah.
- b. Manakala MMK bertanggungjawab untuk meluluskan permohonan tanah dari jenis pertanian, industri dan juga RPT dan RTB di peringkat awal perancangan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak juga telah menetapkan bahawa mesyuarat JKPTD hendaklah diadakan sekali sebulan bagi mempercepatkan proses permohonan tanah yang hendak dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian untuk dibawa ke MMK dan juga kelulusan di peringkat daerah. Semakan Audit mendapati JKPTD dan MMK membuat keputusan dalam tempoh antara 8 hari hingga 31 bulan selepas laporan tanah diterima. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7**Tempoh Masa Keputusan JKPTD Dan MMK Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011**

Bil.	Peringkat Proses	Bilangan Permohonan Mengikut Tempoh Masa (Bulan)								Jumlah Pemohon	
		0 - 3		4 - 6		7 - 12		13 - 31			
		M	T	M	T	M	T	M	T	M	T
1.	Keputusan JKPTD	17	5	5	4	11	1	11	5	44	15
2.	Keputusan MMK	23	0	13	0	1	0	0	0	37	0

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati JKPTD lewat memperakui dan meluluskan permohonan tanah untuk kediaman atau bangunan termasuk bagi RPT dan RTB. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

- Di PTM, sebanyak 22 daripada 44 permohonan telah diputuskan melalui Mesyuarat JKPTD dalam tempoh 1 hingga 6 bulan, 11 permohonan dalam tempoh 7 hingga 12 bulan dan bakinya 11 permohonan dalam masa melebihi 13 bulan. Semakan Audit mendapati tempoh masa keputusan JKPTD diambil selepas laporan tanah diterima antara 1 hingga 31 bulan. Bagi 37 permohonan, MMK membuat keputusan dalam tempoh 2 hingga 8 bulan selepas menerima surat dari Pejabat Tanah Daerah.
- Di PTBP, sebanyak 9 permohonan telah diputuskan melalui Mesyuarat JKPTD dalam tempoh 8 hari hingga 6 bulan dan bakinya 6 permohonan dalam tempoh 7 hingga 29 bulan. Tempoh masa keputusan JKPTD diambil selepas ulasan Jabatan Teknikal atau siasatan dan laporan tanah diterima antara 8 hari hingga 29 bulan.
- Semakan lanjut mendapati punca kelewatan keputusan dibuat oleh JKPTD adalah disebabkan mesyuarat bulanan tidak dijalankan sepenuhnya untuk memperakukan permohonan tersebut. Bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2011, JKPTD Manjung dan Batang Padang Tapah hanya bermesyuarat sebanyak masing-masing 29 dan 23 kali berbanding 42 kali sepatutnya. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8**Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Tanah Daerah Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011**

Tahun	Bilangan Mesyuarat Sepatutnya		Bilangan Mesyuarat Dijalankan	
	M	T	M	T
2008	12	12	4	2
2009	12	12	6	3
2010	12	12	10	10
2011	10	10	9	8
Jumlah	46	46	29	23

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

- iv. Mengikut penjelasan Pegawai PTM kekurangan bilangan mesyuarat pada tahun 2008 dan 2009 adalah kerana berlaku peralihan kuasa Kerajaan Negeri Perak menyebabkan Ahli JKPTD turut berubah. Begitu juga, mesyuarat tidak dapat diadakan mengikut jadual disebabkan ahli JKPTD yang terdiri daripada ADUN dan Wakil Ahli Parlimen tidak dapat hadir pada masa ditetapkan kerana mereka menghadiri mesyuarat atau atur cara rasmi yang lain.
- v. Mengikut maklum balas PTBP bertarikh 18 Januari 2012 dan 28 Mei 2012, mesyuarat JKPTD sepatutnya diadakan sebanyak 2 kali sebulan. Pada tahun 2011, mesyuarat telah diadakan sebanyak 11 kali. Kelewatan mengadakan mesyuarat kerana maklumat permohonan tidak lengkap dan perlu disiasat semula serta faktorkekangan masa menyebabkan mesyuarat tidak dapat dilaksanakan.

3.4.2.4. Notis Borang 5A Lewat Dikeluarkan

Mengikut KTN 81(2), pemohon hendaklah mendepositkan jumlah wang mengikut tempoh yang dinyatakan dalam notis Borang 5A. Jika pemohon gagal mengemukakan bayaran dalam tempoh ditetapkan, permohonan tersebut disifatkan sebagai telah ditarik balik. Mengikut Perkara 7(1) Peraturan-Peraturan Tanah Perak (PTP) tempoh masa bayaran notis Borang 5A adalah 3 bulan dan Pentadbir Tanah boleh memberi tambahan masa tetapi tidak melebihi 6 bulan daripada tempoh notis Borang 5A. Notis Borang 5A adalah bayaran tuntutan mengikut kadar yang telah ditetapkan meliputi cukai bagi tahun pertama, premium, bayaran pendaftaran tanah, tanda sempadan, penyediaan dan pendaftaran suratan hak milik sementara dan suratan hak milik kekal dan bayaran draf. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pejabat Tanah Manjung telah mengeluarkan 87 notis Borang 5A bagi tempoh tahun 2008 hingga Oktober 2011. Sebanyak 3 notis Borang 5A tidak dapat ditentukan tempoh dikeluarkan kerana tiada catatan tarikh kelulusan. Sebanyak 47 notis Borang 5A dikeluarkan dalam tempoh 1 hari hingga 3 bulan, 31 dikeluarkan dalam tempoh 4 hingga 12 bulan dan bakinya 6 dikeluarkan melebihi tempoh melebihi 13 bulan. Di PTBP, sebanyak 15 notis Borang 5A dikeluarkan dalam tempoh 6 hari hingga 4 bulan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Tempoh Masa Mengeluarkan Notis Borang 5A
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011

Peringkat Proses	Bilangan Notis Borang 5A Mengikut Tempoh Masa (Bulan)								Jumlah Notis Borang 5A	
	0 - 3		4 - 6		7 - 12		>13			
	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T
Notis Borang 5A	47	14	18	1	13	0	6	0	84	15
									3*	

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Manjung T = Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

(*) = Tidak dapat ditentukan tempoh dikeluarkan

- b. Di PTM sebanyak 7 permohonan yang telah diluluskan masih belum dikeluarkan notis Borang 5A dalam tempoh antara 1 hingga 29 bulan seperti di **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10

Notis Borang 5A Belum Dikeluarkan Bagi Daerah Manjung Setakat Ogos 2011

Bil.	No. Fail	Daftar Permohonan Tanah		Tarikh Kelulusan MMKN	Kelewatan (Bulan)
		No.	Tarikh		
1.	A2/170/07-5	156/2007	13.12.2007	09.11.2010	10
2.	A2/5/08-3	3/2008	26.02.2008	25.03.2009	29
3.	A2/8/08-3	6/2008	14.03.2008	21.01.2010	19
4.	A2/109/08-5	109/2008	Tiada	07.12.2009	21
5.	A2/43/09-3	24/2009	12.11.2009	21.01.2010	19
6.	A2/173/10-5	187/2010	02.07.2010	21.07.2011	1
7.	A2/89/08-5	88/2008	03.03.2008	08.02.2010	18

Sumber: Pejabat Tanah Manjung

3.4.2.5. Notis Borang 5A Belum Dijelaskan

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui MMK telah meluluskan Tanah Kerajaan seluas 833.25 ekar kepada 2 syarikat swasta dan 1 anak syarikat Kerajaan Negeri untuk tujuan Skim Perumahan Bercampur Dan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) di Segari Lumut pada 27 September 2006. Bagi tujuan memajukan projek tersebut, ketiga-tiga syarikat melalui perjanjian telah bersetuju melantik sebuah syarikat daripada 2 syarikat swasta tersebut sebagai pemaju. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Pemaju gagal mengemukakan bayaran permulaan untuk tanah seluas 24.08 ekar seperti ditetapkan dalam notis Borang 5A berjumlah RM1.57 juta bertarikh 16 Julai 2010 dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kelulusan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.51 juta adalah bayaran premium. Bagaimanapun, Pemaju telah membuat rayuan pengurangan bayaran premium kali pertama kepada Pengarah Tanah Galian pada 26 Julai 2010. Permohonan diluluskan daripada RM1.51 juta kepada RM1.21 juta. Manakala rayuan kali kedua pula telah diluluskan pengurangan kadar premium daripada RM1.21 juta kepada RM0.60 juta. Namun, premium tersebut berserta bayaran awal berjumlah RM0.06 juta seperti dinyatakan dalam notis Borang 5A bertarikh 9 Ogos 2011 masih belum dijelaskan. Bagaimanapun, pemohon telah melakukan kerja-kerja di tapak seperti membersihkan kawasan, memacang dan menambah sebahagian daripada tanah yang dipohon. Tiada tindakan dikenakan terhadap pemaju tersebut.
- b. Lawatan Audit ke lokasi tapak projek perumahan pada 8 Ogos 2011 mendapati kerja-kerja menambak tanah untuk tapak perumahan dan RPT seperti di **Gambar 3.1** telah dijalankan oleh pemaju tersebut. Begitu juga kawasan seluas 337.27 ekar yang diluluskan kepada sebuah syarikat pula telah pun dibuat kerja-kerja tanah untuk dijadikan kawasan ternakan udang seperti di **Gambar 3.2** sedangkan notis Borang 5A belum dikeluarkan oleh PTG. Semasa lawatan Audit, pihak Audit dimaklumkan bahawa aktiviti di kawasan tersebut telah diberhentikan.

Gambar 3.1
Kerja Penambakan Di Lot Perumahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Segari Lumut Perak
Tarikh : 8 Ogos 2011

Gambar 3.2
Kawasan Paya Bakau Yang Dibuat Kerja Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi : Segari Lumut Perak
Tarikh : 8 Ogos 2011

- c. Mengikut maklum balas PTG, pemaju telah membuat pembayaran Notis 5A pada 17 Oktober 2011. Pihak PTG sedang di dalam proses untuk mendaftarkan hak milik bagi Fasa 1 sebanyak 277 hak milik.

3.4.2.6. Dokumen Hak Milik Sementara Lewat Disediakan

Pendaftaran Dokumen Hak Milik Tanah merupakan proses terakhir pemberimanilikan tanah. Dokumen hak milik sementara didaftarkan selepas semua bayaran hasil tanah telah dijelaskan. Manakala, sebelum hak milik kekal didaftarkan tanah perlu diukur, tiang konkrit tanda sempadan ditanam di atasnya dan juga pelan tanah diperakukan oleh Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri. Pentadbir Tanah tidak menetapkan tempoh masa untuk mengeluarkan hak milik sementara selepas bayaran notis Borang 5A dijelaskan. Semakan Audit mendapati dokumen hak milik sementara lewat dikeluarkan antara 1 hingga 24 bulan seperti di **Jadual 3.11**. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

Jadual 3.11
Tempoh Masa Pengeluaran Hak Milik Sementara
Bagi Tempoh Tahun 2008 Hingga Oktober 2011

Bil.	Peringkat Proses	Bilangan Permohonan Mengikut Tempoh Masa (Bulan)								Jumlah Pemohon	
		0 - 3		4 - 6		7 - 12		>13			
		M	T	M	T	M	T	M	T	M	T
1.	Hak Milik Sementara	46	7	5	3	3	4	20	0	74	14

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Catatan: M = Pejabat Tanah Daerah Manjung T = Pejabat Tanah Daerah Batang Padang Tapah

- a. Di PTM, sebanyak 87 notis Borang 5A dikeluarkan. Sebanyak 74 permohonan tanah telah dikeluarkan hak milik sementara dan 13 permohonan belum dikeluarkan hak milik sementara walaupun bayaran telah dibuat.
- b. Manakala di PTBP, semakan terhadap 15 permohonan tanah individu dan agensi mendapati 14 permohonan tanah telah dikeluarkan hak milik sementara dan bakinya

1 permohonan di peringkat pembayaran notis Borang 5A. Tempoh masa proses permohonan tanah diambil dari tarikh permohonan diterima sehingga hak milik sementara dikeluarkan antara 1 hingga 34 bulan. Hak milik kekal masih belum dikeluarkan kerana Jabatan Ukur Dan Pemetaan masih belum mengeluarkan pelan ukur (PU).

- c. Mengikut maklum balas, PTG telah melaksanakan Inovasi Pendaftaran Hak Milik Sementara Dalam Tempoh 1 Hari. Satu Surat Arahan PTG Bil. 5/2011 bertarikh 14 April 2011 telah dikeluarkan kepada seluruh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Negeri Perak untuk melaksanakan pendaftaran hak milik sementara dalam tempoh 1 hari untuk dipatuhi oleh semua PDT. Bagaimanapun, bagi hak milik skim perumahan yang melibatkan secara *bundle*, ianya diproses dalam tempoh 5 hari. Juga dimaklumkan tentang kekosongan perjawatan pegawai jika diisi dapat meningkat mutu sistem penyampaian yang baik.

Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan tanah adalah kurang memuaskan kerana tempoh memproses permohonan lewat melebihi tempoh 4 bulan sepatimana disarankan oleh MAMPU.

3.4.3. Pemberimilikan Tidak Mengikut Peraturan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1253 bertarikh 12 Mei 1993 telah meluluskan Rancangan Perkampungan Tersusun Dato' Sri Kamarudin II (RPT) Mukim Bidor, Batang Padang seluas kira-kira 24.83 ekar. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1496 bertarikh 26 April 2006 telah bersetuju melantik sebuah Syarikat sebagai pemaju untuk melaksanakan kerja-kerja pembangunan di sebahagian kawasan RPT tersebut secara penswastaan yang melibatkan 250 lot dengan agihan 150 lot atau 60% untuk Syarikat dan bakinya 100 lot atau 40% untuk Kerajaan Negeri peruntukkan kepada pemohon yang memohon tanah dengan kos pembangunan RM6,000 satu lot. Pelantikan ini tertakluk kepada syarat bahawa Syarikat hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam seperti menyediakan kerja-kerja ukur keliling dan pelan topo, menyediakan pelan susun atur dan pelan permohonan ukur (PU), kerja-kerja tanah, jalan tar, sistem perparitan dan longkang, bekalan air dan *water reticulation* dan bekalan elektrik mengikut pelan-pelan susun atur yang telah diluluskan tanpa sebarang bayaran kepada Kerajaan. Syarikat juga dikehendaki menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam dalam tempoh 3 tahun. Sekiranya syarikat gagal menyiapkan kerja-kerja infrastruktur dan kemudahan awam selepas tempoh tersebut penamatan perjanjian hendaklah dibuat. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

3.4.3.1. Perjanjian Kontrak Tidak Dipatuhi

- a. Syarikat gagal menyediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan tanah lot yang diperuntukkan kepada Kerajaan dan Syarikat seperti ditetapkan dalam perjanjian tersebut. Pentadbir Tanah mewakili pihak Kerajaan tidak

mengambil tindakan untuk menamatkan perjanjian tersebut. Sebaliknya, sebanyak 96 daripada 150 Lot yang diperuntukkan kepada Syarikat tersebut telah diberikan hak milik kepada Syarikat lain oleh Pentadbir Tanah tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri walaupun perjanjian dengan Syarikat yang asal masih tidak ditamatkan. Malahan, Pentadbir Tanah tidak mengikat perjanjian dengan Syarikat yang berikutnya untuk membangunkan tanah tersebut.

- b. Lawatan Audit pada 4 Oktober 2011 ke tapak projek RPT mendapati kawasan lot-lot yang diperuntukkan kepada Kerajaan tidak disediakan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam. Manakala, kawasan lombong seperti di **Gambar 3.3** tidak ditambak untuk dijadikan kawasan lapang seperti mana dinyatakan dalam pelan susun atur yang telah diluluskan. Bagaimanapun, sebahagian lot-lot yang telah diberi milik kepada Syarikat yang berikutnya telah pun didirikan rumah seperti di **Gambar 3.4**.

Gambar 3.3
Tiada Kemudahan Awam Dan Infrastruktur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Dato' Sri Kamaruddin II Tamb. Bidor
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 3.4
Lot Milik Syarikat Didirikan Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Dato' Sri Kamaruddin II Tamb. Bidor
Tarikh: 4 Oktober 2011

- c. Mengikut maklum balas PTBP bertarikh 18 Januari 2012 dan 28 Mei 2012, Syarikat akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan awam untuk lot-lot yang terlibat dengan bayaran kos pembangunan. Bagi lot setinggan pula adalah memadai dengan kemudahan infrastruktur dan awam yang sedia ada tanpa sebarang tambahan. Perjanjian kontrak tidak ditamatkan kerana persetujuan bersama telah dicapai supaya tiada tambahan kemudahan infrastruktur dan awam untuk lot setinggan. Pemberian hak milik kepada Syarikat lain dibuat kerana ia dilantik sebagai ejen pemasaran bagi pihak pemaju dan alternatif pertukaran nama hak milik kepada pembeli. Dengan ini akan meningkatkan hasil melalui bayaran premium dan cukai tanah. Manakala perjanjian kontrak dengan Syarikat tersebut tidak dibuat kerana persetujuan bersama telah dicapai bagi menyerah hak milik agihan kuota pemaju sahaja.

3.4.3.2. Tiada Dokumen Pengisyiharan Pewartaan Pelupusan dan Perizaban

- a. Mengikut KTN 62(1) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bolehlah dengan pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah Kerajaan untuk apa-apa maksud awam. KTN 64(2) pula menyatakan apabila dicadangkan untuk membatalkan apa-apa perizaban maka notis cadangan itu hendaklah disiarkan dalam Warta bersekali dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana satu siasatan akan dibuat oleh Pengarah Negeri. Pada tahun 2006 PBN telah meluluskan pembatalan Tanah Rizab Melayu dan Hutan Simpan Kekal di Daerah Manjung dan Daerah Batang Padang untuk dijadikan Tanah Kerajaan bagi tujuan Skim Pembangunan Bercampur dan Rancangan Kampung Tersusun (RPT) seperti di **Jadual 3.12**.

Jadual 3.12
RPT Yang Dilaksanakan Secara Penswastaan

Bil.	Nama RPT	Kelulusan MMKN / Tarikh	Keluasan (ekar)
1.	Kg. Sungai Batu Mukim Pengkalan Bharu, Manjung	Bil. 1506 / 04.10.2006	171.19
2.	Temoh Stesen II Mukim Chenderiang, Batang Padang Tapah	Bil. 4(1/08) / 21.01.2008 *	102.76

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

Nota: (*) Kelulusan Melalui Jawatankuasa Pemilihan Pemaju Di Peringkat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak

- b. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pengisyiharan warta pembatalan bagi pelupusan Tanah Rizab Melayu di Sungai Batu Mukim Pengkalan Bharu dan Temoh Stesen II Mukim Chenderiang telah dikeluarkan. Selain itu, MMK Bil. 1505 bertarikh 27 September 2006 telah meluluskan perizaban kawasan seluas 1,500 ekar di Wilayah Hutan Simpan Segari Melintang, Mukim Lumut sebagai Tanah Rizab Melayu di bawah Seksyen 39(i) Enakmen Rizab Melayu bagi mengantikan pelupusan Tanah Rizab Melayu di Batu Tiga Segari Mukim Lumut Manjung. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan pengisyiharan warta pembatalan bagi Hutan Simpanan Kekal telah dikeluarkan.
- c. Lawatan Audit ke 2 lokasi RPT mendapati aktiviti kerja-kerja tanah seperti penambakan tapak, penyediaan parit dan longkang sedang dijalankan seperti di **Gambar 3.5** hingga **Gambar 3.6**.

Gambar 3.5
Kerja Membersihkan Dan Penambakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Kg. Sungai Batu, Pengkalan Bharu
Tarikh: 8 Ogos 2011

Gambar 3.6
Kerja Merata Dan Membersihkan Tanah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Temoh Station II
Tarikh: 5 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, pemberimilikan 96 lot kepada sebuah Syarikat kedua tidak sewajarnya berlaku kerana perjanjian kontrak dibuat antara pihak Kerajaan dengan Syarikat yang asal masih ditamatkan kontraknya. Begitu juga dokumen atau pengisytiharan pewartaan pembatalan dan perizaban perlu dikeluarkan bagi menentukan kedudukan Tanah Rizab Melayu dan Hutan Simpan Kekal.

3.4.4. Pemberimilikan Rancangan Perkampungan Tersusun

Mengikut dasar Kerajaan Negeri Perak tujuan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) dilaksanakan adalah untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai tanah dan rumah sendiri untuk mendapat penempatan. Selaras dengan matlamat setinggan sifar menjelang tahun 2012, setiap daerah dikehendaki melaksanakan RPT bagi mencapai matlamat tersebut. Mengikut kelulusan MMK, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) memberi kebenaran kepada Pegawai Daerah selaku Pentadbir Tanah Daerah melalui Mesyuarat JKPTD untuk menerima, meluluskan dan menolak permohonan yang diterima di daerahnya. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

3.4.4.1. Pencapaian Pemberimilikan RPT

- a. Rancangan Perkampungan Tersusun diwujudkan berdasarkan permohonan penduduk tempatan ataupun rancangan Kerajaan yang diluluskan oleh PBN. Sehingga bulan Oktober 2011 sebanyak 1,202 permohonan untuk memiliki RPT di Daerah Manjung dan Batang Padang telah diluluskan oleh PBN. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 640 permohonan telah diluluskan di Daerah Manjung dan 562 permohonan di Daerah Batang Padang. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.13**.

Jadual 3.13

**Bilangan Permohonan Tanah Rancangan Perkampungan Tersusun
Bagi Tahun 2008 Hingga Oktober 2011**

Daerah	Tahun				Jumlah
	2008	2009	2010	2011	
Manjung	44	22	293	281	640
Batang Padang	55	151	228	128	562
Jumlah	99	173	521	409	1,202

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang

- b. Bagi menampung keperluan permohonan tersebut, sehingga Oktober 2011 sebanyak 47 RPT telah diwujudkan di Daerah Manjung sejak tahun 1962 manakala di Daerah Batang Padang Tapah sebanyak 52 RPT telah dilaksanakan sejak tahun 1971. Daripada jumlah tersebut sebanyak 36 RPT atau 76.6% selesai dilaksanakan di Daerah Manjung dan 42 RPT atau 80.8% selesai dilaksanakan di Daerah Batang Padang Tapah. Manakala selebihnya sama ada masih dalam pelaksanaan, belum laksana, terbatal dan bermasalah. Kedudukan RPT yang dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 3.14**.

Jadual 3.14

Kedudukan RPT Yang Telah Dilaksanakan Sehingga Oktober 2011

Daerah	RPT Dilaksanakan					Jumlah
	Selesai	Dalam Pelaksanaan	Belum Laksana	Batal	Kawasan Bermasalah	
Manjung	36	6	1	0	4	47
Batang Padang Tapah	42	6	1	3	0	52

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

- c. Semakan Audit mendapati pelaksanaan RPT masih di peringkat pelaksanaan dan belum dilaksanakan. Kelewatan pelaksanaan tersebut disebabkan masalah lot masih kosong atau belum diberi milik. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti berikut:

i. **Lot Masih Kosong/Belum Diberi Milik**

- Sehingga Oktober 2011, terdapat 21 daripada 99 RPT atau 21.2% belum selesai sepenuhnya pemberimilikan lot tanah di Daerah Manjung dan Daerah Batang Padang Tapah. Daripada 21 RPT tersebut, terdapat 10 RPT yang mempunyai lot tanah masih kosong berjumlah 752 lot masing-masing 414 lot di Daerah Manjung dan 338 lot di Daerah Batang Padang Tapah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.15**.

Jadual 3.15
Bilangan Lot RPT Yang Kosong Sehingga Oktober 2011

Daerah	Mukim	Nama RPT	Kelulusan MMKN Bil./Tarikh	Bil. Lot Lulus	Jumlah Lot Kosong
Manjung	Pengkalan Baru	Nelayan Panchor	933/12.09.1979	250	171
	Pengkalan Baru	Tanjung Burung	1061/4.12.1984	807	129
	Lumut	Lumut Kiri	1214/10.09.1991	85	85
	Sitiawan	Lubuk Pusing Changkat Kruing	1115/29.04.1987	77	29
	Sitiawan	Sitiawan 2	1409//17.07.2001	8.75 ekar	8.75 ekar
Jumlah					414
Batang Padang Tapah	Chenderiang	Lubok Mas Tambahan	1232/04.03.1992	28	11
	Batang Padang Tapah	Bt. 2 Jalan Bidor Tapah Tambahan	1350/6.10.1999	50	37
	Chenderiang	Muhibah SMTD	1362/24.05.2000	105	7
	Chenderiang	Sek Temoh	1529/19.09.2007	137	137
	Batang Padang Tapah	Tronoh Mine	1529/19.09.2000	176	146
Jumlah					338
Jumlah Besar					752

Sumber: Pejabat Tanah Manjung & Batang Padang Tapah

- Semakan Audit mendapati pemberimilikan ke atas lot kosong tidak dapat dibuat kerana beberapa sebab antaranya lot masih berair dan berpaya dan juga tiada kemudahan infrastruktur terhadap lot-lot tersebut. Selain itu, terdapat lot-lot yang masih di peringkat pemilihan dan pengesahan peserta. Sebahagian masalah pemilihan ini berlarutan sejak tahun 1987 hingga ke tarikh pengauditan masih belum selesai terutamanya RPT Lumut Kiri yang masih belum diberikan hak milik semenjak diluluskan oleh MMK pada tahun 1991. Lawatan Audit ke beberapa RPT telah dilakukan antara bulan Ogos hingga Oktober 2011 mendapati keadaan tanah-tanah yang diluluskan untuk RPT adalah seperti di **Gambar 3.7** hingga **Gambar 3.15**.

Gambar 3.7
Lot Berair Dan Berpaya Di RPT



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Nelayan Panchor, Pengkalan Bharu
Tarikh: 8 Ogos 2011

Gambar 3.8
Lot Berair Dan Berpaya Di RPT




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Tanjung Burong, Pengkalan Bharu
Tarikh: 8 Ogos 2011

Gambar 3.9
Lot Kosong Yang Belum Diberikan Hak Milik




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Lumut Kiri, Manjung
Tarikh: 16 November 2011

Gambar 3.11
Lot Kosong Diduduki Setinggan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Batu 2, Bidor/Tapah Tambahan
Tarikh: 5 OKtober 2011

Gambar 3.13
Kawasan Dicerobohi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapak RPT Setiawan 2
Tarikh: 8 Ogos 2011

Gambar 3.10
Lot Kosong Telah Diceroboh Untuk Tanaman Kelapa Sawit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Lubuk Pusing, Manjung
Tarikh: 16 November 2011

Gambar 3.12
Lot Didirikan Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Muhibah SMTD
Tarikh: 5 OKtober 2011

Gambar 3.14
Lot RPT Diduduki Setinggan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Sek. Temoh
Tarikh: 5 Oktober 2011



Gambar 3.15
Lot Dicerobohi Dan Ditanam
Kelapa Sawit

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Tronoh Mine
Tarikh: 5 Oktober 2011

- Berdasarkan maklum balas PTBP bertarikh 18 Januari 2012 dan 28 Mei 2012, pemilihan peserta dibuat berdasarkan permohonan secara individu, melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) serta organisasi tertentu. Tindakan sedang diambil untuk mendapatkan maklumat berkaitan setinggan *in-situ* di RPT berkenaan untuk disenaraikan sebagai peserta RPT dan diputuskan dalam mesyuarat JKPTD.

ii. Lot Diberikan Hak Milik Tidak Didirikan Rumah

- Mengikut KTN 116(1)(a), mana-mana tanah beri milik tertakluk menurut kuasa mana-mana peruntukan Akta ini kepada kategori “bangunan”, syarat-syarat tersirat menyatakan hendaklah didirikan sebuah bangunan sesuai bagi maksudnya. Semakan Audit mendapati terdapat 3 RPT melibatkan 937 lot di Daerah Batang Padang Tapah yang diluluskan sejak tahun 1991 dan telah diberi milik tetapi masih belum didirikan rumah sepenuhnya. Lawatan Audit ke-3 RPT tersebut pada bulan Oktober 2011 mendapati hanya 77 daripada 937 lot atau 8.2% telah didirikan rumah dan 860 lot masih belum didirikan rumah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.16**.

Jadual 3.16
Lot RPT Diberi Milik Tiada Didirikan Rumah

Mukim	Nama RPT	Kelulusan MMKN Bil./Tarikh	Bil. Lot Telah Diberi Milik	Bil. Lot Didirikan Rumah	Bil. Lot Belum Didirikan Rumah
Sungkai	Kg. Bikam	1221/14.04.1991	178	3	175
Chenderiang	Lubok Mas Tambahan	04.03.1992	28	4	24
Sungkai	A.A.Tin Tambahan	02.12.1992	731	70	661
Jumlah			937	77	860

Sumber: Pejabat Tanah Batang Padang Tapah

- Diperhatikan dalam lawatan tersebut bahawa kemudahan asas seperti jalan, elektrik dan perparitan masih belum dilengkapi sepenuhnya di RPT tersebut seperti di **Gambar 3.16** hingga **Gambar 3.18**.

Gambar 3.16
Lot Bermilik Didirikan Hanya Sebuah Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Kg. Bikam
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 3.17
Lot Diberikan Hak Milik Tiada Didirikan Rumah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Lubok Mas Tambahan
Tarikh: 5 Oktober 2011



Gambar 3.18
Lot Diberikan Hak Milik Tiada Didirikan Rumah

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT A.A. Tin Tambahan
Tarikh: 4 Oktober 2011

- Berdasarkan maklum balas PTBP bertarikh 18 Januari 2012 dan 28 Mei 2012, Pentadbir Tanah terikat dengan peruntukan dalam KTN Seksyen 352 yang menyatakan tentang penyerahan balik dan memberi hak milik oleh PBN. Manakala, Seksyen 116 pula memperuntukkan syarat tersirat yang menyentuh tanah yang tertakluk kepada kategori “bangunan” atas tanah yang telah diberi milik. Namun, perlaksanaan serta pendekatan atas peruntukan tidak begitu jelas serta tiada penekanan untuk perlaksanaannya.

Pada pendapat Audit, pengurusan permohonan tanah untuk RPT adalah memuaskan dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pengurusan pemberimilikan lot tanah tidak memuaskan kerana masih terdapat lot tanah belum diberi milik walaupun telah lama mendapat kelulusan MMK. Malahan lot-lot yang telah diberi milik masih tidak didirikan rumah kerana tiada kemudahan asas dan lot tanah telah dicerobohi.

3.4.4. Pemantauan

Pentadbir Tanah Daerah (PTD) selaku agensi pelaksana bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dan mengkaji keberkesanan permohonan pemberimilikan tanah di daerahnya bagi memastikan objektif pemberimilikan tersebut tercapai dan rakyat menikmati kemudahan tersebut. Pentadbir Tanah Daerah juga memastikan peruntukan undang-undang yang terdapat dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan Peraturan Tanah Perak 1966 dipatuhi sepenuhnya. Pemantauan di lapangan hendaklah dilakukan secara berkala oleh PTD bagi melihat kemajuan projek secara fizikal. Selain itu, Pentadbir Tanah Daerah juga memantau aspek kewangan bagi memastikan Kerajaan Negeri dapat mengutip hasil negeri dengan sewajarnya. Pentadbir Tanah Daerah juga perlu memastikan maklumat yang terdapat di Daftar Permohonan Tanah sentiasa dikemas kini bagi memastikan permohonan dan pemberi milikan tanah dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan agar rakyat dapat dinikmatinya. Semakan Audit mendapati mekanisme pemantauan telah diwujudkan di peringkat PTD namun masih terdapat kelemahan seperti berikut:

3.4.4.1. Laporan Kemajuan Pengurusan Tanah Daerah Tidak Disediakan

- a. Mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1 Tahun 1990 telah menetapkan supaya Pentadbir-Pentadbir Tanah menyediakan dan mengemukakan Laporan Kemajuan Pengurusan Tanah sebulan sekali kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri (PTG) pada minggu pertama bulan berikutnya. Di samping itu, ianya memudahkan Pentadbir-Pentadbir Tanah menganalisis data-data yang dikumpulkan dan menentukan pencapaian prestasi kerja pegawai-pegawai dan kakitangan khasnya dan pentadbiran tanah daerah. Semakan Audit mendapati Pentadbir Tanah Batang Padang tidak menyediakan Laporan Kemajuan Pengurusan Tanah Daerah seperti kehendak pekeliling tersebut.
- b. Mengikut maklum balas PTBP, di peringkat awalnya laporan ada disediakan dan dihantar ke PTG. Kemudiannya, laporan tersebut tidak disediakan kerana mengikut keutamaan tugas dan penekanan perlu diberikan dalam penyediaan Laporan Penyelesaian Tuggakan Permohonan Tanah, Laporan Setinggan Sifar 2012 dan Laporan RPT Pemaju (Setinggan) serta mesyuarat lain yang berkaitan.

3.4.4.2. Mesyuarat Pagi Di Peringkat Pentadbir Tanah Daerah

- a. Pentadbir Tanah Daerah Batang Padang telah menetapkan mesyuarat pagi yang dilaksanakan untuk sekali seminggu atau 4 kali sebulan. Perkara yang dibincangkan adalah berkaitan prestasi proses pemberimilikan tanah di peringkat laporan tanah, pecah bahagian, pecah sempadan, tukar syarat, tunggakan hak milik sementara kepada hak milik kekal, geran baru dan laporan penguatkuasaan tanah serta masalah setinggan sifar. Selain itu, berkaitan dengan kutipan hasil, prestasi perbelanjaan dan aduan awam. Semakan Audit mendapati pada tahun 2011, sebanyak 38 mesyuarat pagi telah dijalankan antara bulan Januari hingga November

2011. Bagaimanapun, berdasarkan 5 kali Mesyuarat Pagi antara 14 Oktober 2011 hingga 11 November 2011 mendapati mesyuarat ada membincangkan tentang permohonan dan pemberimilikan tanah namun tiada dinyatakan tentang punca-punca kelewatan proses permohonan, pemberimilikan dan tindakan yang patut diambil bagi mengatasi masalah kelewatan tersebut.

- b. Berdasarkan maklum balas PTBP bertarikh 18 Januari 2012 dan 28 Mei 2012, mesyuarat pagi tiada dibangkitkan secara terperinci sebab-sebab kelewatan permohonan tanah dan cara penyelesaiannya kerana keahlian mesyuarat melibatkan semua Bahagian.

3.4.4.3. Mesyuarat Penyelesaian Tuggakan Urusan Tanah Negeri Perak Di Peringkat PTG Bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah Dan Penolong Pegawai Daerah

Mesyuarat ini diadakan secara berkala pada setiap bulan untuk memantapkan proses pentadbiran tanah negeri dalam menyelesaikan tunggakan urusan tanah yang merangkumi pemberimilikan tanah, hak milik serata, penukaran hak milik sementara kepada hak milik tetap, kutipan cukai tanah, dan urusan kemajuan tanah. Semakan Audit mendapati mesyuarat ini telah diadakan sebanyak 12 kali setahun atau 36 kali sejak tahun 2008 hingga 2010. Manakala pada tahun 2011 pula, telah diadakan mesyuarat sebanyak 8 kali bagi tempoh antara Januari hingga Oktober 2011.

Pada Pendapat Audit, pemantauan terhadap kemajuan proses permohonan pemberimilikan tanah di peringkat Pejabat Tanah Manjung dan Pejabat Tanah Batang Padang Tapah adalah kurang memuaskan kerana masalah kelewatan penyelesaian permohonan masih berlarutan sejak sekian lama.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan permohonan pemberimilikan tanah kepada rakyat dibuat secara lebih berkesan adalah disyorkan supaya Pentadbir Tanah Pejabat Tanah Manjung dan Pejabat Tanah Batang Padang Tapah mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Mengkaji semula mekanisme sedia ada seperti kaedah pelaksanaan dan pemantauan supaya masalah kelewatan memproses permohonan dan pemberimilikan tanah dapat diselesaikan dalam tempoh sewajarnya untuk kepentingan rakyat.

3.5.2. Berusaha untuk meningkatkan kecekapan pegawai bawahannya dengan cara memberi latihan yang secukupnya atau bersedia dengan pegawai pelapis dalam rantai perkhidmatan berkaitan hal ehwal tanah. Dalam masa yang sama perlu ada pegawai *Subject Matter Expert (SME)* tentang pentadbiran dan perundangan tanah.

**MAJLIS DAERAH TAPAH
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

4. PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Majlis Daerah Tapah (MDT), Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM) merupakan 3 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). PBT bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan kawasan operasi di kawasan di bawah pentadbirannya. Tujuan perolehan dan pengurusan aset oleh PBT adalah untuk memastikan fungsi objektif, misi dan visi yang telah ditetapkan mencapai matlamatnya.

4.1.2. Kajian terhadap perolehan dan pengurusan aset pernah dijalankan dan dilapor dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2009. Dalam kajian yang lepas, 6 PBT telah dilawati dan diaudit yang terdiri daripada 4 Majlis Perbandaran iaitu Taiping, Manjung, Kuala Kangsar dan Teluk Intan serta 2 Majlis Daerah iaitu Kampar dan Perak Tengah. Beberapa kelemahan telah dikenal pasti dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh 6 PBT berkaitan. Antara kelemahan yang dilaporkan ialah projek pembinaan lewat disiapkan, projek terbengkalai, kemudahan/bangunan yang siap dibina tidak digunakan, peralatan yang dibeli tidak digunakan, bangunan terbiar tidak disenggarakan, peralatan tidak dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor, pembayaran tidak mengikut peraturan, pengurusan kontrak penyewaan tidak memuaskan dan pelupusan aset yang rosak tidak dilakukan. Pada tahun 2011, kajian yang sama dijalankan semula untuk menilai sejauh mana keberkesanan berterusan hasil daripada kajian tersebut.

4.1.3. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, peruntukan perolehan aset yang diluluskan bagi MDT, MDBG dan MDTM yang diaudit berjumlah RM7.68 juta, manakala perbelanjaan sebenar berjumlah RM3.27 juta. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah meluluskan peruntukan dalam tempoh tersebut sejumlah RM4.55 juta dan daripada jumlah tersebut sejumlah RM3.92 juta telah dibelanjakan. Aset-aset yang diperolehi oleh 3 PBT berkenaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 antaranya adalah bangunan, alat kelengkapan pejabat, kenderaan, komputer, gerai perniagaan dan peralatan atau mesin. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan untuk perolehan aset adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Perolehan Aset Bagi 3 PBT Untuk Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Sumber	Tahun						Jumlah	
		2009		2010		2011			
		Lulus	Belanja	Lulus	Belanja	Lulus	Belanja		
		(RM Juta)		(RM Juta)		(RM Juta)		(RM Juta)	
1.	Majlis	2.54	1.47	2.05	1.14	3.09	0.66	7.68	
2.	Persekutuan	2.43	2.43	1.55	1.49	0.57	0.00	4.55	
	Jumlah	4.97	3.90	3.60	2.63	3.66	0.66	12.23	
								7.19	

Sumber: MDT, MDBG, MDTM

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan perolehan dan aset PBT dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan perolehan dan aset dari tahun 2009 hingga 2011. Pemilihan sampel sekurang-kurangnya 10% daripada setiap jenis perolehan aset yang dipilih untuk pengauditan meliputi Majlis Daerah Tapah, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Tanjung Malim. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perolehan dan pengurusan aset. Temu bual dan perbincangan turut diadakan dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan tugas perolehan dan pengurusan aset. Pemeriksaan fizikal juga dilakukan terhadap sampel aset yang dipilih.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pelaksanaan pengurusan perolehan dan aset adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kemudahan yang disediakan tidak boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.
- Projek pembinaan lewat disiapkan.
- Kemudahan dan bangunan yang siap dibina tidak digunakan.
- Bangunan terbiar tidak disenggarakan.
- Pengurusan kontrak penyewaan tidak memuaskan.
- Pelupusan terhadap aset yang rosak tidak dilakukan.

4.4.1. Perolehan Aset

Perancangan mengenai perolehan dan penggantian aset perlu dibuat dari segi jenis dan kuantitinya dengan mengambil kira keperluan semasa, bilangan aset yang sedia ada, bilangan aset yang perlu diganti dan bilangan aset tambahan yang diperlukan. Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan perolehan aset melalui tender, sebut harga dan lantikan terus. Pemeriksaan Audit mendapati perolehan aset oleh 3 PBT yang diaudit telah dilaksanakan mengikut perancangan, prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Maklumat lanjut berhubung perbelanjaan perolehan aset oleh 3 PBT berkenaan bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2

Perbelanjaan Perolehan Aset Oleh 3 PBT Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	PBT	Jumlah Perbelanjaan Perolehan Aset (RM Juta)			Jumlah (RM Juta)
		Lantikan Terus	Sebut Harga	Tender	
1.	Majlis Daerah Tapah	0.35	0	3.32	3.67
2.	Majlis Daerah Batu Gajah	0.85	0.12	0	0.97
3.	Majlis Daerah Tanjung Malim	0.84	0.48	1.23	2.55
Jumlah		2.04	0.60	4.55	7.19

Sumber: MDT, MDBG, MDTM

4.4.2. Prestasi Pelaksanaan Projek

4.4.2.1. Projek Pembinaan Lewat Disiapkan

- a. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 4 projek pembinaan yang melibatkan kos berjumlah RM14.16 juta dilaksanakan oleh 3 PBT yang dilawati. Dua projek iaitu Pasar Baru Tapah dan Bangunan MDTM adalah projek sambungan yang dimulakan pada tahun 2006. Semakan Audit mendapati 3 daripada 4 projek tidak disiapkan mengikut jadual asal kontrak dengan kelewatan antara 47 hingga 774 hari. Semakan selanjutnya mendapati Projek Pasar Baru Tapah oleh MDT lewat disiapkan selama 197 hari. Projek ini memperolehi 5 kali Perakuan Kelewatan Dan Lanjutan Masa (PKLM) dan denda lewat yang dikenakan terhadap kontraktor berjumlah RM227,308. Manakala Projek Dewan Komuniti Chenderiang juga oleh MDT telah disiapkan dengan kelewatan 47 hari dengan memperolehi satu kali PKLM. Satu lagi projek iaitu Bangunan Majlis Daerah Tanjung Malim oleh MDTM memperolehi 5 kali PKLM dan disiapkan dengan kelewatan 774 hari. Bagaimanapun, denda lewat yang dianggarkan berjumlah RM10,043 tidak dikenakan terhadap kontraktor Projek Dewan Komuniti Chenderiang setelah pihak MDT mempertimbangkan permohonan lanjutan masa dan meluluskannya tanpa denda. Manakala bagi Projek Bangunan Majlis Daerah Tanjung Malim juga tidak dikenakan denda yang dianggarkan berjumlah RM752,924 setelah pihak MDTM membatalkan lanjutan masa berdenda dan meluluskannya kepada lanjutan masa tanpa denda. Hanya projek pembinaan 8 Unit Kiosk Untuk Gerai Jualan Di Jalan Gopeng, Batu Gajah bernilai RM0.16 juta di

bawah tanggungjawab Majlis Daerah Batu Gajah yang berjaya disiapkan dalam tempoh kontrak. Butiran bagi projek yang lewat disiapkan adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Tiga Projek Lewat Siap

Bil.	Nama Projek	Tarikh Sebenar Siap Projek	Tarikh Sijil		Denda		
			Perakuan Kerja Tidak Siap	Perakuan Siap Kerja	Tempoh Kelewatan (Hari)	Kadar (Hari)	Jumlah Dikenakan (RM)
1.	Dewan Komuniti Chenderiang, Tapah	30.3.2011	tiada	7.4.2011	47	213.69	10,043
2.	Pasar Baru Tapah Jalan Temoh, Tapah	1.7.2010	23.12.2009	14.10.2011	197	1,153.85	227,308
3.	Bangunan Majlis Daerah Tanjung Malim, Behrang, Tg. Malim	15.8.2009	30.11.2007	15.6.2011	774	972.77	752,924

Sumber: MDT, MDTM

- b.** Mengikut maklum balas daripada 3 PBT berkenaan bertarikh 22 Jun 2012, antara sebab-sebab projek lewat disiapkan adalah kerana keadaan cuaca iaitu hujan, kelewatan mendapatkan kelulusan pelan, uji kaji tanah yang dijalankan, kenaikan harga bahan binaan seperti besi, kerja-kerja tambahan atas permintaan pihak Majlis berkaitan dan masalah kewangan yang dihadapi kontraktor utama. Selanjutnya akibat dari kerja-kerja tambahan yang terpaksa dibuat oleh kontraktor, kos projek telah meningkat. Kos Projek Pasar Awam Baru Tapah meningkat sejumlah RM0.81 juta atau 16.7% daripada kos asal projek RM4.85 juta kepada RM5.66 juta. Manakala kos Projek Bangunan Majlis Daerah Tanjung Malim juga meningkat sejumlah RM1.98 juta atau 36.2% daripada kos asal RM5.47 juta kepada RM7.45 juta.

4.4.2.2. Projek Tiada Perakuan Siap Kerja

- a.** Projek Pembinaan Dewan Serba Guna Trolak, Tanjung Malim dibangunkan oleh sebuah Syarikat. Berdasarkan rekod, projek ini perlu disiapkan pada 30 Jun 2007 dengan kos sejumlah RM0.44 juta menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan pada 5 November 2007. Setakat bulan Disember 2007, MDTM telah menjelaskan sejumlah RM430,577 kepada kontraktor. Dewan ini dibina dengan tujuan untuk membolehkan aktiviti masyarakat setempat dilaksanakan seperti bermain badminton, perhimpunan, majlis keramaian dan sebagainya. Mengikut pegawai MDTM, dewan ini telah digunakan mulai tahun 2008. Pihak Audit difahamkan kontraktor berkenaan tidak dapat dikesan sehingga kini. Dewan Komuniti Trolak tersebut adalah seperti di **Gambar 4.1**.



**Gambar 4.1
Tiada Perakuan Siap Kerja**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serbaguna Trolak,
Tanjong Malim
Tarikh: 5 Oktober 2011

- b. Selepas teguran Audit, mengikut maklum balas bertarikh 22 Jun 2012, pihak MDTM telah mendapatkan pandangan dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perak (PUU) berhubung Sijil Perakuan Siap Kerja dan baki harga kontrak berjumlah RM6,273. Selaras dengan pandangan PUU, perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Penuh MDTM Bil. 3/2012 dan setelah diperakui dan diluluskan, pihak MDTM telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja pada 17 Januari 2012. Manakala baki harga kontrak berjumlah RM6,273 dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut seperti yang dinyatakan di Seksyen 10 dan 10A Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Akta 370).

Pada pendapat Audit, kurangnya pemantauan oleh pihak Majlis terhadap pembinaan Dewan Serba Guna Trolak menyebabkan kontraktor tidak dapat dikesan dan Sijil Perakuan Siap Kerja tidak dapat dikeluarkan.

4.4.3. Aset Tidak Digunakan

Lawatan Audit ke 2 PBT mendapati ada bangunan dan peralatan yang tidak digunakan sebagaimana objektif perolehan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.4.3.1. Dewan Serba Guna Taman Anggerik Terbiar

- a. Majlis Daerah Batu Gajah telah membina sebuah dewan serba guna di Taman Anggerik, Batu Gajah pada tahun 2002 dengan kos sejumlah RM0.18 juta. Pemeriksaan Audit terhadap rekod sewaan MDBG mendapati bagi tempoh bulan Julai 2005 hingga Mei 2010 hasil sewaan yang sepatutnya diterima berjumlah RM4,862. Bagaimanapun, hasil sewaan terkumpul yang direkodkan hanya RM787. Kadar sewa yang dikenakan adalah antara RM80 hingga RM600 mengikut tujuan atau jenis penggunaan sama ada untuk tujuan rasmi atau persendirian. Pemeriksaan selanjutnya mendapati dewan tersebut tidak mendapat sambutan untuk disewa kerana keadaan fizikal dewan yang tidak diselenggarakan dengan sempurna oleh pihak MDBG. Lawatan Audit pada 18 Ogos 2011 mendapati keadaan dewan adalah terbiar dan tidak terurus di mana tembok konkrit pagar di belakang bangunan dewan telah runtuh, rumput terbiar panjang di sekeliling bangunan dewan dan terdapat 3

pintu dewan telah rosak serta tertanggal. Selain itu, pihak Audit mendapati kos dewan ini tidak diambil kira dalam penyata kewangan MDBG sejak tahun 2002 dan ia juga tidak disenaraikan sebagai aset MDBG. Gambar dewan tersebut adalah seperti di **Gambar 4.2** dan **Gambar 4.3**.

Gambar 4.2
Pintu Rosak Dan Tertanggal



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Taman Anggerik,
Batu Gajah
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 4.3
Tembok Konkrit Pagar Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Serba Guna Taman Anggerik,
Batu Gajah
Tarikh: 18 Ogos 2011

- b. Selepas teguran Audit, mengikut maklum balas bertarikh 22 Jun 2012, pihak MDBG telah melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan pada 7 Februari 2012 iaitu pembaikan terhadap kerosakan di dewan yang melibatkan kos berjumlah RM17,660. MDBG juga telah memperakukur dewan ini sebagai aset dalam Mesyuarat Penuh MDBG Bil.11/2011 pada 30 November 2011 serta pelarasian terhadap kos dewan ini telah diambil kira dalam Penyata Kewangan Tahun 2011.

4.4.3.2. Dewan Badminton Terbiar

- a. Majlis Daerah Batu Gajah telah menerima sebuah dewan badminton di Jalan Gopeng daripada seorang pengusaha pelancongan pada tahun 1999 untuk diselenggarakan dan digunakan. Lawatan Audit pada 11 Ogos 2011 mendapati dewan tersebut tidak digunakan oleh pihak MDBG sejak ia diterima dan tiada penyenggaraan yang dilakukan terhadapnya. Akibat kurangnya pemantauan, dewan tersebut terdedah kepada aktiviti vandalisme. Gambar dewan adalah seperti di **Gambar 4.4** dan **Gambar 4.5**.

Gambar 4.4
Dewan Badminton Terbiar
Dan Kotor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Badminton, Jalan Gopeng,
Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 4.5
Aktiviti Vandalisme
Di Dewan Badminton



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Badminton, Jalan Gopeng,
Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

- b. Mengikut maklum balas daripada MDBG bertarikh 22 Jun 2012, pihaknya hanya melakukan penyenggaraan kecil iaitu memasang jeriji pintu dewan pada tahun 1999 yang melibatkan kos sejumlah RM1,682 serta membekalkan peralatan gelanggang badminton dengan kos RM632. Walaupun bangunan dewan tersebut telah diserah kepada MDBG, namun ia masih berada di atas tanah Kerajaan Negeri. Pada tahun 2006, MDBG telah memohon ke Pejabat Tanah dan Galian Perak untuk mendapatkan tanah tersebut secara bermilik. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Kinta Bil. 3/2011 pada 29 April 2011 mengarahkan Jabatan Kerja Raya untuk membuat semakan status keselamatan bangunan sama ada kerja-kerja baik pulih wajar dilakukan atau sebaliknya. Selanjutnya, Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah Kinta Bil. 4/2012 pada 3 Mei 2012 telah mencadangkan kepada MDBG untuk mencari pemaju bagi memajukan dewan tersebut.

4.4.3.3. Penimbang Lori Terbiar Dan Tidak Digunakan

- a. Pada tahun 2003, sejumlah RM250,000 telah dibelanjakan melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf Tapak Pelupusan Sampah/Sisa Pepejal di Jalan Tanjung Tualang Batu Gajah, antaranya pembekalan alat penimbang lori dan kontena. Lawatan Audit pada 22 September 2011 mendapati penimbang lori rosak sejak bulan Jun 2008 dan tiada tindakan diambil untuk membaikinya. Kesan daripada kerosakan tersebut, berat sampah yang dibawa masuk oleh lori-lori swasta ke tapak pelupusan tersebut tidak ditimbang beratnya. Caj anggaran sahaja yang dikenakan setiap kali pembuangan sampah. Bagi tempoh tahun 2009 hingga Disember 2011 anggaran berat sampah yang dicaj oleh Majlis adalah sebanyak 1,721 tan dengan dikenakan caj RM25 satu tan. Jumlah terimaan hasil bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM43,025. **Gambar 4.6** dan **Gambar 4.7** adalah penimbang lori yang terbiar rosak dan komputer penimbang lori.

Gambar 4.6
Penimbang Lori Terbiar Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tanjung Tualang, Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tanjung Tualang, Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011



Gambar 4.7
Komputer Penimbang Lori

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Tanjung Tualang, Batu Gajah
Tarikh: 20 September 2011

- b. Mengikut maklum balas daripada MDBG bertarikh 22 Jun 2012, pihaknya telah menerima peruntukan sejumlah RM30,000 daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf kemudahan tapak pelupusan sampah tersebut. Bagaimanapun, selepas penyenggaraan dilakukan terhadap software komputer bagi penimbang lori di jambatan timbang berkenaan, pihaknya mendapati 4 plet utama software tersebut telah rosak dan melibatkan kos yang tinggi iaitu sejumlah RM27,000 untuk membaikinya. Semakan telah dibuat pada 10 Mei 2012 dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan dimaklumkan pihak kontraktor telah dilantik dan akan memulakan kerja-kerja menaik taraf tapak pelupusan sampah tersebut pada 1 Jun 2012 dengan kos RM16.89 juta yang mana jambatan timbang sedia ada tidak akan digunakan lagi dan akan dilupuskan.

4.4.3.4. Pasar Taman Bernam Tidak Digunakan

- a. Pada tahun 2001, MDTM telah membina sebuah pasar awam dengan kos RM0.40 juta di Taman Bernam, Tanjung Malim. Pembinaan pasar ini menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Pada peringkat awalnya seramai 12 orang penyewa telah menyewa pasar tersebut pada tahun 2002. Lawatan Audit pada 4 Oktober 2011 mendapati pasar tersebut tidak digunakan langsung, difahamkan sejak tahun 2003 sebagaimana tujuan ia dibina tetapi sebaliknya telah dijadikan stor


simpanan barang lama dan kedai dobi. Antara sebab pasar tersebut tidak mendapat sambutan orang ramai ialah kerana kebanyakan penduduk Taman Bernam merupakan penuntut/siswa Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. Tiada kenderaan atau pengangkutan awam yang melalui jalan ke pasar awam tersebut dan kedudukan pasar adalah jauh dari jalan utama di Tanjung Malim. Temu bual Audit dengan pegawai Unit Penilaian dan Sewaan menjelaskan bahawa pada bulan Julai 2011 seorang pengusaha telah memohon untuk menyewa sebahagian dari tapak pasar tersebut untuk dijadikan gerai makanan dan minuman. Bagaimanapun, pengusaha tersebut telah menggunakan keseluruhan bangunan pasar tersebut sebagai stor simpanan barang lama. Semakan selanjutnya mendapati tiada sebarang kelulusan MDTM yang dikeluarkan sehingga tarikh pengauditan kepada pengusaha tersebut dan juga tiada sebarang tindakan yang diambil terhadap pencerobohan/penggunaan pasar tanpa kebenaran. **Gambar 4.8** hingga **Gambar 4.11** adalah gambar pasar awam berkenaan.

Gambar 4.8
Pasar Awam Taman Bernam
Diguna Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Malim
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 4.9
Pasar Awam Taman Bernam
Diguna Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Malim
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 4.10
Pasar Awam Taman Bernam
Diguna Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Malim
Tarikh: 4 Oktober 2011

Gambar 4.11
Pasar Awam Taman Bernam
Diguna Tanpa Kebenaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanjung Malim
Tarikh: 4 Oktober 2011

- b. Mengikut maklum balas daripada MDTM bertarikh 22 Jun 2012, kelembapan pembangunan Bandar Proton menyebabkan pasar ini kurang mendapat sambutan di mana tujuan asal pembinaannya adalah untuk merancakkan kepesatan Bandar Tanjung Malim dan *Proton City*. Namun begitu, pada 1 Januari 2012, pihak MDTM telah menawarkan pasar tersebut kepada penyewa baru secara pakej keseluruhan dengan sewaan RM500 sebulan bagi menjalankan perniagaan membaiki perabot, kanopi dan untuk stor menyimpan barang.

Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap bangunan, premis dan peralatan adalah tidak memuaskan kerana ia tidak digunakan dan terbiar rosak tanpa penyenggaraan.

4.4.4. Penyewaan Premis

4.4.4.1. Lot Gerai Makan Tiada Penyewa

- a. Majlis Daerah Batu Gajah telah membina 2 buah Pasar Awam 2 tingkat untuk menempatkan gerai makan, gerai sayur dan gerai ikan di Batu Gajah dan Tanjung Tualang. Pasar Awam Batu Gajah (PABG) siap dibina pada tahun 2005 dengan kos RM0.87 juta manakala Pasar Awam Tanjung Tualang (PATT) pula pada tahun 2001 dengan kos RM0.88 juta. Lawatan Audit ke pasar-pasar tersebut mendapati 10 lot gerai PABG dan 42 lot gerai PATT yang berada di tingkat atas bagi kedua-dua premis tidak mempunyai penyewa sejak siap dibina. 52 lot gerai tersebut adalah khusus untuk gerai makan. Mengikut pegawai MDBG, perkara ini berlaku kerana tiada sambutan daripada masyarakat setempat walaupun pelbagai promosi telah dijalankan. Mengikut perkiraan Audit, sehingga bulan Disember 2011 MDBG telah kerugian hasil sewaan berjumlah RM40,320 bagi tempoh kosong selama 72 bulan bagi gerai makan PABG. Manakala bagi gerai makan PATT pula, MDBG kerugian RM327,600 untuk tempoh kosong selama 120 bulan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Gambar 4.12** hingga **Gambar 4.15** menunjukkan Pasar Awam Batu Gajah dan Pasar Awam Tanjung Tualang.

Jadual 4.4
Kerugian Hasil Sewaan Bagi Tempoh Kosong

Bil.	Jenis Gerai	Kadar Sewaan Bulanan (RM)	Tempoh Kosong (Bulan)	Jumlah (RM)
1.	10 Lot Gerai Makan Pasar Awam Batu Gajah	56	72 (Januari 2006 hingga Disember 2011)	40,320
2.	42 Lot Gerai Makan Pasar Awam Tanjung Tualang	65	120 (Januari 2002 hingga Disember 2011)	327,600
Jumlah				367,920

Sumber: MDBG

Gambar 4.12
Pasar Awam Batu Gajah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 4.14
Pasar Awam Batu Gajah
Tiada Penyewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: 10 Lot Pasar Awam Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 4.13
Pasar Awam Tanjung Tualang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Awam Tanjung Tualang
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 4.15
Pasar Awam Tanjung Tualang
Tiada Penyewa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: 42 Lot Pasar Awam Tanjung Tualang
Tarikh: 11 Ogos 2011

- b. Mengikut maklum balas daripada MDBG bertarikh 22 Jun 2012, pelbagai promosi telah dilakukan dan sehingga kini tidak mendapat sambutan daripada orang ramai untuk menyewa premis tersebut. Penukaran status akan dilakukan sekiranya ada pihak yang berminat untuk menyewa keseluruhan premis tersebut. MDBG akan terus meningkatkan usaha untuk mempromosikan premis melalui kaedah seperti iklan kekosongan dan mengenal pasti potensi perniagaan berdasarkan kajian/keperluan masyarakat setempat. MDBG dalam satu Mesyuarat Khas membincangkan Draf Laporan Ketua Audit Negara 2011 pada 18 Jun 2012 yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua MDBG telah memutuskan sebagai penyelesaian kepada isu ini dan telah bersetuju untuk menukar gerai tersebut kepada stor Majlis.

4.4.4.2. Tunggakan Sewa Yang Tinggi

- a. Tiga PBT telah menyewakan aset seperti dewan, rumah rehat, kedai dan gerai-gerai kepada orang awam bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Pemeriksaan Audit mendapati setakat 31 Disember 2011, 3 PBT mempunyai tunggakan sewa berjumlah

RM1.64 juta. **Jadual 4.5** menunjukkan kedudukan tunggakan sewa bagi 3 PBT setakat 31 Disember 2011.

Jadual 4.5

Tunggakan Sewa Bagi 3 PBT Setakat 31 Disember 2011

Bil.	PBT	Tunggakan Sewa (Masih Beroperasi) (RM Juta)	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Tunggakan Sewa (Telah Diberhentikan Operasi) (RM Juta)	Tempoh Tunggakan (Bulan)	Jumlah (RM Juta)
1.	Majlis Daerah Tapah	0.43	1 hingga 167	0.39	1 hingga 160	0.82
2.	Majlis Daerah Batu Gajah	0.05	1 hingga 16	0.27	1 hingga 71	0.32
3.	Majlis Daerah Tanjung Malim	0.08	1 hingga 49	0.42	1 hingga 92	0.50
Jumlah		0.56		1.08		1.64

Sumber: MDT, MDBG, MDTM

- b. Tunggakan sewa bagi penyewa yang masih beroperasi adalah berjumlah RM0.56 juta bagi tempoh tunggakan antara 1 hingga 167 bulan manakala tunggakan bagi penyewa yang telah diberhentikan operasi pula adalah berjumlah RM1.08 juta iaitu bagi tempoh tunggakan antara 1 hingga 160 bulan. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada 3 PBT berkenaan bertarikh 22 Jun 2012**, antara tindakan yang diambil bagi mengurangkan tunggakan sewa aset yang tinggi adalah seperti berikut:
 - i. Pihak MDT telah menukuasakan satu jawatankuasa *Task Force* yang diketuai oleh Pegawai Undang-undang pada 4 Ogos 2011. Antara usaha yang dibuat ialah menjalankan kutipan bergerak dari pintu ke pintu, mendapatkan khidmat peguam, menjalankan semakan pembersihan data penyewa lama di dalam sistem untuk tujuan hapus kira, menukuasakan Unit Khas Tunggakan dan menggunakan kaedah bayaran ansuran serta perjumpaan di antara Pegawai Undang-undang dan penyewa berhutang. Dalam tempoh bulan Ogos hingga Disember 2011, pihak MDT telah berjaya mengurangkan tunggakan dengan mengutip sejumlah RM138,000.
 - ii. Pihak MDBG telah mengeluarkan Notis ke atas akaun tertunggak melebihi 2 bulan di mana penyewa dikehendaki menyelesaiannya dalam tempoh 14 hari serta satu pelan tindakan diambil seperti memotong bekalan air terhadap 35 premis sejak bulan November 2011 hingga 13 Januari 2012.
 - iii. Pihak MDTM pula menggunakan kaedah bayaran secara ansuran kepada penyewa yang aktif dan semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengesahkan penyewa tertunggak bagi penyewa yang tidak lagi aktif.

4.4.4.3. Perjanjian Pajakan Bagi Rumah Rehat Tapah Tidak Diperbaharui

- a. Majlis Daerah Tapah telah memberi pajakan Rumah Rehat Tapah (RRT) kepada sebuah Syarikat dengan kadar sewa RM3,200 sebulan mulai 1 Februari 2008 hingga 1 Februari 2010. Bagi tempoh tersebut, satu perjanjian pajakan ada ditandatangani antara pihak MDT dan Syarikat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perjanjian pajakan tidak diperbaharui bagi tempoh 1 Februari 2010 hingga 1 Februari 2012. Jumlah pajakan sewa yang sepatutnya diterima bagi tempoh 1 Februari 2008 hingga Disember 2011 adalah berjumlah RM150,400 namun Syarikat hanya membayar RM80,000 dan mempunyai baki tertunggak berjumlah RM70,400. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.6**. Temu bual Audit dengan pihak Syarikat tersebut mendapati pemajak enggan menjelaskan bayaran kepada MDT kerana telah banyak melakukan kerja membaik pulih RRT menggunakan peruntukan sendiri seperti kerja-kerja pembalik kerosakan, pengubahsuaian bilik dan mengecat. Semakan selanjutnya mendapati tiada tindakan diambil oleh pihak MDT untuk mengutip tunggakan sewa.

Jadual 4.6

Tunggakan Sewa Rumah Rehat Tapah

Tahun	Sewa Sepatutnya Diterima MDT (RM)	Sewa Yang Telah Dibayar Pemajak (RM)	Tunggakan Sewa Pada 31 Disember (RM)
2008	35,200	0	35,200
2009	38,400	22,400	51,200
2010	38,400	32,000	57,600
2011	38,400	25,600	70,400
Jumlah	150,400	80,000	

Sumber: MDT

- b. Mengikut maklum balas daripada MDT bertarikh 22 Jun 2012, perjanjian telah ditandatangani antara MDT dan syarikat yang memajak Rumah Rehat Tapah pada 1 Februari 2012. Pihak syarikat juga telah menyelesaikan baki bayaran tunggakan sewaan pada 18 Januari 2012 berjumlah RM27,500 setelah dikontrakkan dengan kos pembalik dan penyenggaraan yang ditanggung oleh syarikat tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyewaan bangunan dan premis PBT adalah kurang memuaskan kerana mempunyai tunggakan sewa yang tinggi dan terbiar tanpa penyewa.

4.4.5. Penyenggaraan Aset

Penyenggaraan aset bertujuan untuk memastikan aset dapat berfungsi dengan lancar, selamat, memanjangkan jangka hayat, meningkatkan keupayaan serta mengurangkan kerosakan. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 sejumlah RM4.61 juta telah dibelanjakan oleh 3 PBT bagi tujuan penyenggaraan aset. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7**Kos Penyenggaraan Aset Oleh 3 PBT Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga Disember 2011**

Bil.	PBT	Tahun			Jumlah Kos Penyenggaraan (RM Juta)
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
1.	Majlis Daerah Tapah	0.86	0.94	0.34	2.14
2.	Majlis Daerah Batu Gajah	0.49	0.69	0.49	1.67
3.	Majlis Daerah Tanjung Malim	0.22	0.36	0.22	0.80
Jumlah		1.57	1.99	1.05	4.61

Sumber: MDT, MDBG, MDTM

4.4.5.1. Kos Penyenggaraan Lori Sampah Tinggi

- a. Lori sampah yang digunakan oleh 2 PBT iaitu MDBG dan MDTM diperolehi sekitar tahun 1980-an dan 1990-an. Lori-lori ini memerlukan penyenggaraan serta pembaikan yang ketara. Semakan Audit mendapati kos penyenggaraan terhadap 6 lori sampah untuk tempoh 3 tahun sahaja iaitu bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 adalah tinggi dan satu daripadanya telah melebihi kos perolehan asal. Sehingga tarikh pengauditan, pihak MDT masih belum mengemukakan kos penyenggaraan terhadap lori-lori sampah di bawah jagaannya. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011, MDBG dan MDTM telah membelanjakan sejumlah RM542,731 untuk menyenggara 6 lori sampah. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8**Kos Penyenggaraan 6 Lori Sampah Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011**

Bil.	PBT/No. Kenderaan	Kos Perolehan (RM)	Tahun			Jumlah Kos Penyenggaraan (RM)	
			Kos Penyenggaraan				
			2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)		
Majlis Daerah Batu Gajah							
1.	ABF 9316	48,598	29,188	53,874	7,556	90,618	
2.	ABQ 6196	76,516	10,566	48,572	16,095	75,233	
3.	ABW 954	104,600	14,469	34,866	17,575	66,910	
4.	ACF 4995	101,100	37,790	39,256	13,516	90,562	
Majlis Daerah Tanjung Malim							
1.	WKS 6463	264,000	67,018	31,301	43,559	141,878	
2.	ACG 4881	105,800	31,975	13,210	32,345	77,530	
Jumlah		700,614	191,006	221,079	130,646	542,731	

Sumber: MDBG, MDTM

- b. Mengikut maklum balas daripada 2 PBT berkenaan bertarikh 22 Jun 2012, kos penyenggaraan tinggi berpunca daripada usia kenderaan antara 10 hingga 25 tahun. Pihak MDBG telah mengemukakan permohonan pinjaman pembelian lori sampah kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk tindakan selanjutnya. MDBG juga telah menswastakan perkhidmatan pungutan dan pengangkutan sampah selama 2 tahun mulai 1 Jun 2012 hingga 31 Mei 2014 bagi 3 zon. Manakala pihak MDTM juga menjelaskan bahawa faktor usia lori sampah melebihi 20 tahun. Tindakan penyelesaian yang diambil oleh pihak MDTM ialah menyediakan kertas kerja bagi memohon

pinjaman pembelian lori kepada Kerajaan Negeri. MDTM juga telah mengemukakan surat permohonan ke Jabatan Kerja Raya pada 21 Mei 2012 bagi mendapatkan perakuan pelupusan.

4.4.5.2. Program Penyenggaraan Berjadual Tidak Disediakan

Pemeriksaan Audit mendapati 3 PBT tidak menyediakan satu program penyenggaraan berjadual yang merupakan penyenggaraan pencegahan untuk setiap aset yang memerlukan penyenggaraan. Penyenggaraan hanya dilakukan terhadap mana-mana aset yang memerlukan penyenggaraan segera dan apabila aduan kerosakan diterima serta bagi aset yang telah mencapai tempoh penyenggaraan. Pihak Audit difahamkan, 3 PBT tidak melantik mana-mana syarikat atau bengkel sebagai panel bagi tujuan penyenggaraan sebaliknya aset akan dihantar ke bengkel atau syarikat yang difikirkan boleh menjalankan pemberaan. **Mengikut maklum balas daripada 3 PBT berkenaan bertarikh 22 Jun 2012, pihaknya sedang menyediakan program penyenggaraan berjadual untuk aset-aset yang memerlukan penyenggaraan.**

4.4.5.3. Kenderaan Rosak Belum Lupus

Semakan Audit mendapati sebanyak 17 kenderaan seperti lori sampah, van dan traktor yang telah rosak terbiar, tidak dapat diguna dan tidak ekonomi untuk dibaiki masih disimpan di MDT, MDBG dan MDTM. Sehingga pengauditan selesai dijalankan, tindakan pelupusan masih belum diambil terhadap kenderaan tersebut. Kelewatan melupuskan aset ini akan menyebabkan nilai pelupusannya semakin berkurangan dan aktiviti pengurusan tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana tiada penggantian aset yang baru. **Mengikut maklum balas yang diterima daripada 3 PBT berkenaan bertarikh 22 Jun 2012, tindakan sewajarnya sedang diambil untuk melupuskan kenderaan-kenderaan yang telah rosak dan terbiar.** Butiran lanjut mengenai kenderaan yang rosak dan belum dilupuskan adalah seperti di **Jadual 4.9** dan **Gambar 4.16** hingga **Gambar 4.21**.

Jadual 4.9
Kenderaan Rosak Belum Lupus

Bil.	Jenis Kenderaan/ No. Pendaftaran	Tahun Beli	Tahun Rosak	Kos Beli (RM)	Kos Senggaraan Setakat Tarikh Rosak (RM)
Majlis Daerah Tapah					
1.	ABQ 7303 - Lori Kompaktor	1990	2010	83,639	245,799
2.	ABU 6331 - Lori Kompaktor	1990	2010	83,639	249,079
3.	ACK 5394 - Lori Kompaktor	1993	2010	106,000	279,899
4.	AAT 4859 - Lori Kompaktor	1982	1998	31,403	209,789
5.	ABU 6332 - Lori Kompaktor	1990	1997	83,639	277,698
Majlis Daerah Batu Gajah					
6.	ABU 2474 - Lori Zetor	1990	2009	49,988	5,458
7.	AEM 5918 - Traktor Caterpillar	2002	2009	KPKT	134,025
8.	WKT 7361 - Lori BMC	2003	2009	KPKT	96,250
9.	ABU 7243 - Lori Isuzu	1990	2009	76,516	86,251

Bil.	Jenis Kenderaan/ No. Pendaftaran	Tahun Beli	Tahun Rosak	Kos Beli (RM)	Kos Senggaraan Setakat Tarikh Rosak (RM)
Majlis Daerah Tanjung Malim					
10.	AER 8004 - Ford Transit	2002	2011	71,745	59,270
11.	AEM 7010 - Bulldozer Caterpillar	2001	2008	320,000	200,000
12.	WJU 9731 - Excavator Komatsu	2001	2010	295,000	200,000
13.	ABU 5623 - Lori Kargo Isuzu	1993	2010	77,378	93,134
14.	AAR 3178 - Lori Rigid	1982	2008	27,687	21,166
15.	ABF 3422 - Lori Rigid	1985	2010	90,000	74,580
16.	ABH 7689 - Back Hoe	1986	2008	61,394	29,821
17.	AAN 5670 - Lori Rigid	1981	2008	27,687	16,786

Sumber: MDT, MDBG dan MDTM

Gambar 4.16
Lori Isuzu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Tapah
Tarikh: 23 Ogos 2011

Gambar 4.17
Lori Kompaktor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Tapah
Tarikh: 23 Ogos 2011

Gambar 4.18
Lori Isuzu dan Lori BMC



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

Gambar 4.19
Bulldozer Caterpillar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Batu Gajah
Tarikh: 11 Ogos 2011

**Gambar 4.20
Lori Rigid**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Tanjung Malim
Tarikh: 5 Oktober 2011

**Gambar 4.21
Van Ford Transit**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Majlis Daerah Tanjung Malim
Tarikh: 5 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan di 3 PBT adalah kurang memuaskan kerana kos penyenggaraan aset yang tinggi dan tiada program penyenggaraan berjadual selain daripada tindakan pelupusan tidak diambil dengan segera.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan keberkesanan terhadap perolehan dan pengurusan aset, Majlis Daerah Tapah, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Tanjung Malim perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, PBT berkenaan adalah disyorkan mengambil langkah berikut untuk menambah baik perolehan dan pengurusan asetnya.

4.5.1. Membuat pemantauan terhadap projek pembinaan supaya siap mengikut jadual dan bagi mengelakkan kelewatan serta peningkatan kos.

4.5.2. Memastikan kemudahan dan bangunan yang dibina boleh dimanfaatkan oleh orang awam dan disenggarakan dengan baik.

4.5.3. Mengutip tunggakan sewa dan memastikan penyewa mematuhi segala syarat yang terkandung dalam perjanjian sewaan.

4.5.4. Membuat pelupusan bagi aset yang didapati rosak dan usang bagi membolehkan penggantian aset baru.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

5. PEMBINAAN DAN PENGURUSAN TASKA PERMATA KAKITANGAN AWAM NEGERI PERAK

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Dasar Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA) bertujuan untuk mengembangkan potensi setiap anak PERMATA negara bagi pembangunan potensi modal insan yang seimbang, menyediakan asuhan dan didikan yang berkualiti bagi merangsang perkembangan awal kanak-kanak, menyediakan kemudahan infrastruktur dan persekitaran pembelajaran yang kondusif, menggalakkan penglibatan dan hubungan yang teguh antara ibu bapa, kerajaan dan pengurusan TASKA serta meningkatkan kesedaran awam terhadap keperluan memberikan pendidikan awal kanak-kanak. Pada tahun 2009 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak secara percuma bagi anak-anak kakitangan awam Negeri Perak.

5.1.2. TASKA PERMATA yang pertama dibuka di Perak adalah TASKA PERMATA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) iaitu pada tahun 2009. Sehingga kini, terdapat 10 buah TASKA PERMATA di Perak iaitu di Kuala Kangsar, Perak Tengah, Batang Padang, Kinta, Kampar, Manjung, Hulu Perak, Taiping, Hilir Perak dan Kerian di mana seramai 221 kanak-kanak telah menerima manfaat di TASKA tersebut. Pada peringkat awal pelaksanaan TASKA PERMATA iaitu bagi tempoh bulan November 2010 hingga Disember 2010 Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan PERMATA Jabatan Perdana Menteri telah menyalurkan sejumlah RM169,310 bagi membiayai gaji pendidik TASKA. Mulai tahun 2011 Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan sejumlah RM3.3 juta bagi perbelanjaan operasi dan gaji bagi 10 TASKA PERMATA.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pembinaan dan pengurusan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan dan pengurusan TASKA PERMATA bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Semakan Audit dijalankan di TASKA PERMATA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan TASKA PERMATA di Daerah Kuala Kangsar, Manjung dan Taiping. Agensi pelaksana projek tersebut ialah Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

dan Pejabat Tanah dan Daerah. Semakan Audit meliputi pemeriksaan dokumen, lawatan fizikal ke daerah yang dipilih serta analisis terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat SUK dan Pejabat Daerah Dan Tanah. Selain itu temu bual dengan pegawai terlibat dan pendidik turut dilakukan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya pembinaan dan pengurusan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Spesifikasi komponen pembinaan projek tidak disediakan dengan terperinci.
- Bantuan alat pembelajaran TASKA PERMATA tidak diterima sepenuhnya.
- Pembantu Pengurusan Murid tidak terlatih.
- Prestasi sasaran pengisian kanak-kanak kurang memuaskan.
- Kelemahan aspek pemantauan oleh Pejabat SUK.

5.4.1. Prestasi Pembinaan Bangunan TASKA

5.4.1.1. Pada tahun 2009 TASKA PERMATA Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah dinaikkan taraf dengan kos sebanyak RM78,000 menggunakan peruntukan PERMATA Jabatan Perdana Menteri. Mulai tahun 2010 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM3 juta untuk pembinaan 10 buah TASKA PERMATA di Negeri Perak. Pejabat Daerah Dan Tanah bagi setiap daerah telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi pembangunan TASKA di daerah. Setiap daerah menerima peruntukan sejumlah RM300,000 bagi membina bangunan baru atau membuat pengubahsuaian bangunan sedia ada untuk dijadikan TASKA PERMATA. Secara keseluruhannya Kerajaan Negeri telah berjaya membina 10 bangunan TASKA PERMATA dan mencapai sasarannya pada tahun 2010. Semua TASKA telah mula beroperasi pada tahun 2011.

5.4.1.2. Pembangunan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri menggunakan modul Pusat Anak PERMATA Negara Jabatan Perdana Menteri. Pelan atau reka bentuk bangunan diubahsuai, dinaikkan taraf atau dibina perlu memenuhi kesesuaian fizikal kanak-kanak seperti ketinggian singki, tandas atau lain-lain kemudahan. Bangunan yang dibina atau diubahsuai hendaklah terletak dalam kawasan lingkungan 5km dari kawasan pejabat perlu memenuhi ciri-ciri keselamatan mengikut kehendak Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Bomba. Pejabat Daerah Dan Tanah bertanggungjawab membuat perolehan bagi membina atau mengubahsuai bangunan. Pelan reka bentuk yang

seragam dan selaras dengan nilai peruntukan telah disediakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan SUK, berdasarkan kepada pelan bangunan Pusat Anak PERMATA Negara Bercham, Perak (*benchmark*) yang telah diubahsuai berdasarkan peruntukan yang diperoleh iaitu meliputi bangunan TASKA, landskap dan permainan luar. Senarai komponen projek yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti **Jadual 5.1**. Pada keseluruhannya pembinaan 3 buah TASKA yang dilawati telah memenuhi komponen projek pembinaan yang ditetapkan.

Jadual 5.1
Komponen Projek Pembangunan TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak

Pembahagian Ruang Dalaman	Keluasan (Kaki persegi)
Ruang Pejabat	109
Bilik Air	98
Dapur	223
Ruang Makan	452
Ruang Membaca	148
Ruang Muzik	67
Stor	153
Bilik Tahun 2	210
Bilik Tahun 3	167
Bilik Tahun 4	182
Luas Keseluruhan	3,200

Sumber: Pejabat SUK

5.4.1.3. Adalah didapati sebanyak 8 TASKA adalah bangunan baru manakala 2 TASKA iaitu di Hilir Perak dan Kerian adalah kuarters kerajaan yang diubahsuai. Pihak Audit mendapati hanya 2 TASKA Permata dibina di dalam kawasan Pejabat Daerah Dan Tanah iaitu TASKA PERMATA Daerah Kampar dan Manjung, manakala 8 bangunan TASKA yang lain terletak di luar kawasan Pejabat Daerah Dan Tanah tetapi masih dalam lingkungan 5km dari kawasan pejabat. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek bagi TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar, Manjung dan Taiping adalah seperti berikut:

a. Bon Pelaksanaan

Kontraktor perlu mengemukakan bon pelaksanaan berjumlah 5% daripada harga kontrak dalam bentuk Jaminan Bank atau Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). Sekiranya kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan potongan sejumlah 10% akan dibuat daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai 5% harga kontrak. Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung tidak menuntut WJP berjumlah RM14,500 daripada kontraktor bagi pembinaan TASKA PERMATA berjumlah RM290,000. Berdasarkan maklum balas, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung telah terlepas pandang dalam proses bayaran disebabkan tiada penyelarasan antara Bahagian Teknikal dan Bahagian Kewangan.

b. Bayaran Denda Lewat

Bayaran Denda Lewat (LAD) dikenakan terhadap kontraktor sekiranya projek gagal disiapkan pada tarikh sebenar yang ditetapkan. Semakan Audit di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar, Manjung dan Taiping mendapati tempoh siap kerja pembinaan TASKA di daerah tersebut adalah lewat daripada tarikh yang ditetapkan walaupun lanjutan masa telah diberi. Bayaran denda lewat telah dikenakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar dan Taiping kepada kontraktor. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung tidak menyatakan perkara tersebut dalam tawaran sebut harga dan dengan itu tiada denda lewat dikenakan walaupun projek telah lewat disiapkan selama 47 hari. Projek tersebut siap sepenuhnya pada 10 Disember 2010 walaupun telah diberi tempoh lanjutan masa sehingga 25 Oktober 2010. Berdasarkan kepada kontrak denda lewat yang dikenakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar iaitu RM50.66 sehari, denda lewat yang boleh dikenakan kepada kontraktor tersebut adalah dianggarkan berjumlah RM2,381.

c. Kerja Tidak Dilaksanakan Sepenuhnya

- i. Berdasarkan lukisan kerja 1 unit *wall exhaust fan* perlu disediakan di ruang dapur. Semakan Audit mendapati item tersebut tidak disediakan oleh kontraktor di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar. Bagaimanapun, bayaran telah dibuat sepenuhnya kepada kontraktor. Lokasi *wall exhaust fan* perlu disediakan seperti di **Gambar 5.1**. Setelah mendapat teguran Audit, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar telah mengarahkan kontraktor berkenaan mengambil tindakan menyediakan *wall exaust fan* tetapi lokasinya ditukarkan ke siling seperti di **Gambar 5.2** disebabkan proses pemecahan dinding bata akan menyebabkan keseluruhan TASKA berhabuk.

Gambar 5.1
Lokasi *Wall Exhaust Fan* Perlu Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.2
Lokasi Baru *Wall Exaust Fan*
Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 9 Mac 2012

- ii. Berdasarkan spesifikasi kontrak sebanyak 3 batang tiang bendera dari jenis *stainless steel* perlu dibekalkan. Pemeriksaan Audit mendapati hanya 2 batang tiang bendera dibekalkan seperti **Gambar 5.3**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Januari 2012, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar telah terlepas pandang dalam pemeriksaan kerja dan akan membuat pelarasaran kepada tambahan kisi-kisi logam pada pagar TASKA.



Gambar 5.3
Tiang Bendera Kurang Dibekalkan Oleh Kontraktor

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar

Tarikh: 18 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan kontrak pembinaan TASKA adalah kurang memuaskan kerana aspek penting dalam pengurusan kontrak seperti bon pelaksanaan, bayaran denda lewat, arahan perubahan kerja dan spesifikasi komponen pembinaan yang terperinci tidak disediakan.

d. Pembinaan Tidak Sesuai/Tidak Berkualiti

- i. Berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Fizikal yang disediakan oleh PERMATA Negara Jabatan Perdana Menteri (JPM), singki kanak-kanak perlu dibina dengan ketinggian 3 kaki dari lantai. Semakan Audit mendapati Bahagian Khidmat Pengurusan SUK ada menyediakan spesifikasi pembangunan TASKA dan pelan bagi pembinaan tersebut tetapi spesifikasi dan pelan tidak disediakan dengan terperinci menyebabkan kemudahan yang disediakan tidak bersesuaian dengan fizikal kanak-kanak. Pemeriksaan Audit mendapati ketinggian singki di 3 TASKA PERMATA yang dilawati adalah kurang sesuai bagi kegunaan kanak-kanak. Ketinggian singki yang dibina di ruang makan bagi TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar ialah 2 kaki 4 inci, TASKA PERMATA Daerah Manjung 2 kaki dan TASKA PERMATA Daerah Taiping 2 kaki 7 inci. Bagi mengatasi masalah ini TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar menggunakan bongkah kayu berukuran 210 inci x 16 inci x 8 inci bernilai RM650 dan TASKA PERMATA Daerah Taiping menggunakan *platform* bertangga berukuran 36 inci x 15 inci bernilai RM540 bagi memudahkan kanak-kanak menggunakan singki tersebut. Ini telah melibatkan kos tambahan kepada pembinaan singki. Manakala di TASKA PERMATA Daerah Manjung pula didapati singki yang dibina di ruang makan mempunyai ketinggian 2 kaki dan mempunyai *concrete slab* yang

menyukarkan kanak-kanak untuk menggunakannya. Kedudukan ketinggian singki adalah seperti di **Gambar 5.4** hingga **Gambar 5.7**.

Gambar 5.4
Bongkah Kayu Untuk Kegunaan Kanak-Kanak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.5
Kanak-Kanak Menjengket Menggunakan Singki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.6
Platform Bertangga Untuk Kegunaan Kanak-Kanak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 5.7
Pembinaan Singki Yang Kurang Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Manjung
Tarikh: 29 September 2011

- ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Januari 2012, pembinaan TASKA PERMATA tidak ada spesifikasi kerja terperinci terutama berkaitan ketinggian singki kanak-kanak. Bagi mengatasi masalah tersebut bongkah kayu atau *platform* bertangga telah digunakan.
- iii. Kerb jalan yang dipasang di bahu jalan masuk ke TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar adalah tidak berkualiti seperti di **Gambar 5.8** dan **Gambar 5.9**. Berdasarkan maklum balas pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar bertarikh 16 Januari 2012, kerja senggara bahu jalan telah dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) kerana kerosakan kerb jalan

disebabkan oleh lori sampah MPKK yang melalui kawasan tersebut. Pembaikan yang telah dilaksanakan seperti di **Gambar 5.10**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011




Gambar 5.10
Kerb Yang Telah Di Senggara

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 2 Mac 2012

- iv. Kontraktor telah membina kolam mandi untuk kanak-kanak TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar bernilai RM12,000. Pembinaan kolam ini tidak memuaskan kerana terdapat beberapa komponen yang disediakan sudah tidak berfungsi dan berkarat seperti pili air dan penutup *outlet*. Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Januari 2012, pili air tidak berfungsi disebabkan sistem pam tidak dibina dan disediakan. Manakala bagi besi paip berkarat di dasar kolam tindakan untuk menutup bahagian berkarat tersebut akan diambil. Penutup *outlet* yang tidak berfungsi telah dibaiki oleh kontraktor seperti di **Gambar 5.11** hingga **Gambar 5.13**.

Gambar 5.11
Lubang Air Yang Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.12
Besi Paip Berkarat Di Dasar Kolam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011



Gambar 5.13
Penutup Outlet Yang Tidak Berfungsi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

- v. Pembinaan pagar bertujuan menjaga keselamatan iaitu melindungi kawasan persekitaran. Pemeriksaan Audit di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar mendapati pagar yang dibina tidak mempunyai tembok batu (*ground beam*) di bahagian bawah. Ketiadaan tembok tersebut menyebabkan haiwan seperti kucing dan anjing boleh memasuki kawasan TASKA. Semakan Audit terhadap lukisan kerja pembinaan pagar mendapati pembinaan tembok batu tidak dimasukkan di dalam spesifikasi pembinaan. Bagaimana pun, lawatan Audit di TASKA PERMATA Daerah Taiping mendapati pembinaan pagar adalah baik. Ini boleh menghalang binatang daripada masuk ke dalam kawasan TASKA seperti di **Gambar 5.14** hingga **Gambar 5.16**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 16 Januari 2012, perkara tersebut tidak dimasukkan dalam spesifikasi kerja kerana peruntukan tidak mencukupi. Peruntukan tambahan telah dipohon pada bulan Februari 2012 berjumlah RM10,600 bagi tujuan tersebut.

Gambar 5.14
Keadaan Pagar Yang Tidak Mempunyai
Tembok Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.15
Keadaan Pagar Yang Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011



Gambar 5.16
Pagar Yang Ditanam Di *Ground Beam*

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

- vi. Permukaan lantai bilik air di TASKA PERMATA Daerah Manjung tidak rata menyebabkan air bertakung di bahagian hadapan pintu masuk. Bagi mengelakkan kanak-kanak tergelincir dan jatuh ketika mandi, pihak TASKA meletakkan pelapik lantai PVC seperti di **Gambar 5.17**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Januari 2012, pihak kontraktor akan mengambil tindakan membuat pembaikan terhadap permukaan lantai. Lawatan Audit pada bulan Mac 2012 mendapati permukaan lantai masih belum dibaiki dan pihak pengurusan TASKA telah mengambil tindakan untuk tidak menggunakan tandas tersebut sehingga dibaiki.



Gambar 5.17
Air Bertakung Di Hadapan Pintu Masuk Tandas

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Manjung
Tarikh: 29 September 2011

- vii. Di TASKA PERMATA Daerah Taiping didapati longkang tidak dibina sehingga ke longkang utama bagi pengaliran air. Ini menyebabkan air kotor bertakung di bahagian luar pagar TASKA seperti di **Gambar 5.18** dan **Gambar 5.19**. Selepas mendapat teguran Audit, berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Februari 2012, kerja-kerja pembinaan longkang telah dilaksanakan pada bulan Februari 2012 seperti di **Gambar 5.20**.



Gambar 5.18
Keadaan Air Bertakung

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 5.19
Panjang Longkang Yang Tidak Sesuai Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 5.20
Longkang Yang Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 15 Mac 2012

- viii. TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping menggunakan pintu besi gelongsor sebagai pintu utama TASKA tetapi didapati pintu besi gelongsor di

TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar adalah kurang sesuai kerana jarak selang besi yang luas dan memudahkan haiwan seperti kucing dan anjing untuk masuk ke kawasan TASKA berbanding dengan pembinaan pintu besi gelongsor di TASKA PERMATA Daerah Taiping yang jarak besi lebih rapat dan menyukarkan haiwan untuk masuk seperti di **Gambar 5.21** dan **Gambar 5.22**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 15 Mei 2012, kontraktor telah mengambil tindakan dengan memasang *metal plate* pada bahagian pagar seperti di **Gambar 5.23**.



Gambar 5.21
Pintu Besi Gelongsor Yang Sesuai

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 5.22
Pintu Besi Gelongsor Yang Tidak Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.23
Pintu Besi Gelongsor Yang Dipasang Metal Plate



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 2 April 2012

Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan TASKA adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerja-kerja yang tidak sesuai, tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan kemasan kerja kurang berkualiti.

5.4.1.4. Pencapaian Sasaran Pengisian Kanak-kanak

- Secara keseluruhannya pengisian kanak-kanak di TASKA berbanding sasaran adalah memuaskan iaitu 11 TASKA telah mengisi seramai 221 orang kanak-kanak atau 69.1% berbanding sasaran seramai 320 kanak-kanak yang ditetapkan. TASKA

PERMATA Pejabat SUK berjaya mencapai sasaran pengisian kanak-kanak sepenuhnya berbanding pencapaian TASKA PERMATA di daerah. Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran kanak-kanak yang perlu dicapai di daerah adalah seramai 300 orang dan berumur 2 hingga 4 tahun bagi 10 TASKA. Sehingga bulan Disember 2011 pengisian kanak-kanak TASKA di peringkat daerah adalah seramai 201 orang atau 67% daripada jumlah sasaran yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar, Manjung dan Taiping mendapati pengisian kanak-kanak adalah antara 53.3% hingga 83.3%. Bilangan kanak-kanak di TASKA PERMATA Pejabat SUK dan 10 TASKA PERMATA di daerah adalah seperti di **Jadual 5.2**.

Jadual 5.2

**Bilangan Kanak-kanak TASKA PERMATA Kakitangan Awam Negeri Perak
Sehingga Bulan Disember 2011**

Bil.	TASKA PERMATA	Kapasiti Bilangan Kanak-kanak (Orang)	Bilangan Kanak-kanak Sebenar Diisi (Orang)	Peratus Pengisian (%)
1.	Pejabat SUK	20	20	100
2.	Kuala Kangsar	30	25	83.3
3.	Perak Tengah	30	22	73.3
4.	Batang Padang	30	21	70
5.	Kinta	30	23	76.7
6.	Kampar	30	20	66.7
7.	Manjung	30	18	60
8.	Hulu Perak	30	15	50
9.	Taiping	30	16	53.3
10.	Hilir Perak	30	23	76.7
11.	Kerian	30	18	60
Jumlah		320	221	69.1

Sumber: Rekod Pejabat SUK

- b. Adalah didapati antara faktor yang menyebabkan pengisian kanak-kanak TASKA tidak mencapai sasaran yang ditetapkan adalah seperti berikut:

i. Promosi Tidak Menyeluruh


TASKA PERMATA di Daerah Manjung dan Taiping mempunyai bilangan kanak-kanak yang kurang kerana aktiviti promosi tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Pihak Audit mendapati promosi dilakukan melalui notis yang dipamerkan di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Manakala TASKA PERMATA Daerah Taiping, promosi dilaksanakan dengan hanya mengedarkan borang pengambilan kanak-kanak di sekitar pejabat berhampiran. Berdasarkan maklum balas, promosi telah dilaksanakan dengan mengedarkan risalah berkaitan ke jabatan kerajaan berdekatan. Bilangan kanak-kanak turut bertambah pada kemasukan bulan Januari 2012. Lawatan susulan di 4 TASKA mendapati bilangan pengisian kanak-kanak sehingga bulan Mac 2012 adalah seramai 110 orang berbanding kapasiti pengisian seramai 120 orang. Mulai

bulan Januari 2012, TASKA PERMATA Pejabat SUK telah menambah bilangan pengisian kanak-kanak daripada 20 kepada 30 kanak-kanak.

ii. Lokasi Tidak Strategik

- Lokasi yang strategik turut menjadi faktor utama untuk menggalakkan ibu bapa menghantar anak ke TASKA yang telah disediakan. Ini adalah selaras dengan tujuan pembinaan TASKA iaitu bagi memudahkan kakitangan awam Negeri untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan semasa bekerja. Semakan Audit mendapati TASKA PERMATA Daerah Taiping terletak di lorong Taman Tasik berhampiran kuarters lama yang telah uzur dan tidak diduduki dan tapak bekas kuarters milik Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping seperti di **Gambar 5.24** dan **Gambar 5.25**. Selain itu, lokasi tersebut menjadi tempat tumpuan penagih dadah kerana terletak berhampiran bangunan lama dan terbiar. Bangunan TASKA pernah di pecah masuk, berlaku kecurian dan gangguan seksual terhadap tenaga pengajar. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak selamat yang menyebabkan ibu bapa tidak berminat untuk menghantar anak ke TASKA tersebut.
- Pihak Audit dimaklumkan kuarters lama yang terdapat di sekitar kawasan TASKA adalah di dalam proses pelupusan melalui Jawatankuasa Pelupusan Bangunan Kerajaan. Pemilihan tapak TASKA ini adalah berdasarkan perancangan dalam RMKe-10. Tapak ini dirancang untuk pembinaan kompleks Pejabat Daerah dan Penghulu Daerah Larut Matang dan Selama tetapi pada tahun 2011 tapak tersebut telah diluluskan kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri yang kemudiannya dijual kepada pihak swasta.

Gambar 5.24
Tapak Kuarters Lama Di Bahagian Kiri
TASKA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 5.25
Tapak Kuarters Lama Di Bahagian Kanan
TASKA



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

iii. Pendapatan Isi Rumah Kurang RM3,000

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2008 menetapkan bahawa pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja adalah diberi kepada pegawai perkhidmatan awam yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan. Semakan Audit mendapati seramai 31 pemohon atau 40.8% mempunyai pendapatan isi rumah melebihi RM3,000 tetapi permohonannya diterima. Selain itu terdapat maklumat pekerjaan serta pendapatan ibu bapa yang tidak lengkap juga masih diterima. Pihak Audit dimaklumkan kelonggaran syarat tersebut dibuat bagi memastikan TASKA tersebut dapat beroperasi serta dapat mengelakkan kekurangan kanak-kanak. Faktor pendapatan di bawah RM3,000 sebulan juga menyebabkan kekurangan pengambilan kanak-kanak. Kebanyakan pemohon adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan yang berpendapatan melebihi RM3,000 sebulan. **Mengikut maklum balas pihak SUK bertarikh 9 Februari 2012, pihaknya telah menyediakan kertas cadangan yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 16 Mei 2012 untuk meminda syarat kemasukan kanak-kanak bagi membolehkan keluarga yang berpendapatan melebihi RM5,000 dapat menghantar anak-anak mereka ke TASKA.** Semakan Audit terhadap pendapatan isi rumah (ibu bapa) kanak-kanak TASKA adalah seperti di **Jadual 5.3**.

**Jadual 5.3
Tahap Kelayakan Pendapatan Isi Rumah (Ibu Bapa) Kanak-kanak TASKA**

TASKA	Bilangan Kanak-kanak	Pendapatan Melebihi RM3,000
TASKA PERMATA Pejabat SUK	20	11
TASKA PERMATA Kuala Kangsar	25	8
TASKA PERMATA Manjung	15	8
TASKA PERMATA Taiping	16	4
Jumlah	76	31

Sumber: Pejabat SUK & Pejabat Daerah Dan Tanah

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian sasaran pengisian kanak-kanak adalah kurang memuaskan disebabkan promosi yang tidak menyeluruh, lokasi yang kurang sesuai dan had kadar pendapatan pemohon yang ditetapkan.

5.4.2. Pengurusan TASKA

Pengurusan TASKA yang teratur dan cekap dari aspek kewangan dan operasi dapat memastikan ia dapat beroperasi dengan berkesan. Semakan Audit terhadap pengurusan TASKA adalah seperti berikut:

5.4.2.1. Latihan Tenaga Pendidik

- a. Pendidik yang terlatih dan berkelayakan sekurang-kurangnya di peringkat Diploma dalam bidang perkembangan dan pendidikan awal kanak-kanak merupakan faktor

penting yang menyumbang kepada kejayaan program pendidikan awal kanak-kanak. Oleh itu, pendidik perlu menjalani latihan yang berkaitan supaya berkeupayaan untuk mengendalikan pengurusan, asuhan dan pembelajaran kanak-kanak. Nisbah antara pendidik dan bilangan kanak-kanak adalah 1:4 iaitu seorang pendidik menjaga 4 kanak-kanak. Perjawatan yang diluluskan bagi setiap TASKA PERMATA adalah 8 orang iaitu seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidik Siswazah Gred DG41, 3 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27 dan 4 Pembantu Pengurusan Murid Gred N17. Semakan Audit mendapati perjawatan bagi Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (S27) (Pendidik) dan Pembantu Pengurusan Murid (N17) telah diisi tetapi jawatan bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidik Siswazah (DG41) ditangguhkan pengambilannya disebabkan masalah kewangan. Sehingga 30 Disember 2011, jumlah Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat yang diisi di semua TASKA PERMATA ialah 30 orang dan Pembantu Pengurusan Murid seramai 40 orang. Semakan Audit selanjutnya mendapati nisbah pendidik berbanding kanak-kanak di TASKA yang dilawati adalah antara 1:2 dan 1:4 seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Nisbah Pendidik Berbanding Kanak-kanak

TASKA PERMATA	Bilangan Kanak-kanak	Bilangan Pendidik	Nisbah
Pejabat SUK	20	7	1:3
Kuala Kangsar	25	7	1:4
Manjung	18	7	1:3
Taiping	16	7	1:2

Sumber: Rekod Pejabat SUK Dan Pejabat Daerah Dan Tanah

- b. TASKA PERMATA Pejabat SUK, Manjung dan Taiping mempunyai nisbah yang rendah berbanding nisbah yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas, mulai bulan Januari 2012, berlaku pertambahan bilangan pelajar seramai 30 orang berbanding 7 orang pendidik dengan nisbah 1:4 di TASKA PERMATA Pejabat SUK. Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung dan Taiping telah mengambil tindakan untuk mengisi kekosongan kanak-kanak TASKA bagi pengambilan tahun 2012 masing-masing berjumlah 29 dan 28 orang kanak-kanak.
- c. Bagi maksud tersebut Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM75,000 untuk program latihan bagi memastikan semua pendidik mendapat latihan yang bersesuaian. Semakan Audit mendapati seramai 30 Pendidik telah menghadiri Kursus Pendidik TASKA PERMATA Negara di Universiti Putra Malaysia selama 4 minggu serta latihan amali di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di seluruh negeri selama 2 minggu.
- d. Selain itu, seramai 40 Pembantu Pengurusan Murid (N17) tidak diberikan sebarang latihan. Latihan yang bersesuaian adalah penting diberikan kepada semua kakitangan TASKA bagi memastikan pengurusan TASKA dapat dilaksanakan dengan berkesan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Februari 2012, latihan akan**

diberikan kepada Pembantu Pengurusan Murid (N17) secara berperingkat berdasarkan kemampuan kewangan Jabatan.

5.4.2.2. Kemudahan Peralatan TASKA PERMATA

Berdasarkan garis panduan penyediaan peralatan yang dikeluarkan oleh PERMATA, kemudahan dan peralatan pembelajaran perlu diselaraskan dengan keperluan aktiviti pembelajaran. Ini bertujuan bagi membolehkan pendidik melaksanakan kurikulum secara berkesan dan mencapai hasil pembelajaran. Antara peralatan TASKA yang perlu disediakan adalah seperti peralatan pembelajaran, peralatan dapur, peralatan elektrik/elektronik, peralatan perabot dan peralatan pejabat. Pemeriksaan Audit terhadap kemudahan peralatan yang disediakan adalah seperti berikut:

a. Tiada Perancangan Kemudahan Peralatan

Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan awal mengenai peruntukan untuk membiayai kemudahan peralatan TASKA bagi memastikan TASKA yang dibina dapat beroperasi sepenuhnya. Pada tahun 2010 Kerajaan Negeri telah memohon bantuan peralatan daripada Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak, Jabatan Perdana Menteri. Semakan Audit mendapati kemudahan peralatan yang diberikan ke TASKA adalah seperti peralatan pembelajaran, peralatan dapur dan peralatan perabot. Perolehan bagi peralatan elektrik/elektronik dibuat oleh pihak pejabat seperti televisyen, pemain cakera padat dan ketuhar gelombang mikro. Bagi mengatasi masalah ini pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM20,000 bagi setiap daerah bagi tujuan pembelian peralatan. Peralatan yang dibeli adalah pinggan mangkuk, cawan, sudu, garpu, alas tidur (tilam atau *comforter*) alat tulis, peralatan kebersihan, cerek elektrik, meja, kerusi, tikar dan cecair mandian.

b. Kemudahan Peralatan Perabot

Peralatan perabot seperti kerusi dan meja makan dan katil berserta tilam adalah penting bagi memberikan suasana yang kondusif dan selesa kepada pendidik dan kanak-kanak untuk makan dan berehat. Lawatan Audit di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping mendapati TASKA tersebut masih belum menerima bantuan peralatan daripada Jabatan Perdana Menteri sejak mula beroperasi antara bulan Februari hingga Mei 2011. Kelewatan TASKA menerima bantuan tersebut menyebabkan suasana pembelajaran dan aktiviti harian kanak-kanak tidak dapat berjalan lancar sepertimana di TASKA yang telah menerima bantuan peralatan. Lawatan susulan Audit pada bulan Mac 2012 mendapati TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping telah pun menerima bantuan peralatan iaitu katil, kerusi dan meja makan seperti di **Gambar 5.26** hingga **Gambar 5.29**.

Gambar 5.26
Sebelum Menerima Bantuan
Kanak-kanak Tidur Di Atas Lantai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

Gambar 5.28
Keadaan Ruang Makan Tanpa Meja
Dan Kerusi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.27
Bantuan Peralatan Yang Telah Diterima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 15 Mac 2012

Gambar 5.29
Kemudahan Peralatan Di Ruang Makan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 2 Mac 2012

c. Kemudahan Peralatan Pembelajaran

- Kemudahan serta peralatan pembelajaran yang sesuai perlu disediakan bagi membolehkan pendidik melaksanakan kurikulum secara berkesan dan mencapai hasil pembelajaran yang disasarkan. Peralatan tersebut hendaklah disesuaikan dengan aktiviti pembelajaran seperti yang dinyatakan kurikulum kebangsaan. Semakan Audit mendapati TASKA yang tidak mempunyai alat bantuan pembelajaran menjalankan aktiviti pembelajaran mengikut kesesuaian masing-masing seperti aktiviti mengira tanpa alat bantuan peralatan manipulatif dan aktiviti menyanyi tanpa alat bantuan muzik dan sebagainya seperti di **Gambar 5.30**. Lawatan susulan Audit pada bulan Mac 2012 mendapati TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping telah pun menerima bantuan peralatan pembelajaran seperti peralatan muzik (*loceng, maracas dan tamborine*), peralatan manipulatif (*playard* dan bola berwarna serta manik besar), peralatan kognitif (model badan manusia, model gigi dan glob), peralatan main peranan

(patung sarung tangan, pakaian beragam dan model buah-buahan), peralatan fizikal dan sukan (gelung, *weplay softgym* dan alat permainan luaran), bahan bahasa dan literasi (cantuman ABC, bahan bacaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan peralatan seni (cat air dan tanah liat) seperti di **Gambar 5.31**.

Gambar 5.30
Proses Pembelajaran Tanpa Bantuan Peralatan Pembelajaran



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.31
Alat Bantuan Pembelajaran Yang Telah Diterima



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 2 Mac 2012

- ii. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Februari 2012, peruntukan yang terhad menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa meminta bantuan peralatan daripada JPM. Kelewatian bantuan peralatan di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping disebabkan masalah yang berlaku di peringkat PERMATA JPM dengan pihak pembekal.

Pada pendapat Audit, kemudahan peralatan TASKA perlulah diberi keutamaan bagi membolehkan proses pembelajaran dapat berjalan dengan sempurna.

5.4.2.3. Keselamatan Bangunan, Persekutaran Dan Kanak-kanak

Merujuk kepada Kurikulum PERMATA Negara persekitaran TASKA perlu mempunyai ciri-ciri keselamatan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Keselamatan boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan atau persekitaran di mana seseorang itu dapat menjalankan aktiviti harian dan lain-lain aktiviti dengan selamat, tidak merbahaya kepada kesihatan dan tiada risiko kemalangan. Pemeriksaan Audit terhadap ciri-ciri keselamatan di TASKA mendapati perkara berikut:

a. Peralatan Bantuan Kecemasan

Berdasarkan Piawaian Pelaksanaan Prosedur Pusat Anak PERMATA Negara (*SOP*) langkah-langkah keselamatan seperti menyediakan alat pemadam api dan latihan pencegahan kebakaran perlu dilakukan sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Semakan Audit mendapati TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping

tidak menyediakan alat pemadam api sebagai langkah keselamatan sekiranya berlaku kebakaran. Selain itu TASKA PERMATA Pejabat SUK dan Taiping sahaja telah melaksanakan latihan kebakaran. Berdasarkan maklum balas, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar dan Taiping telah menyediakan alat pemadam api. Manakala bagi latihan kebakaran TASKA PERMATA Daerah Manjung dan Kuala Kangsar akan mengambil tindakan untuk melaksanakan latihan kebakaran.

b. Keselamatan Bangunan Dan Persekutaran

Keselamatan bangunan dan kawasan persekitaran perlu diberikan perhatian bagi memastikan bangunan dan persekitarannya berada dalam keadaan selamat. Antara langkah keselamatan yang perlu diambil adalah seperti memasang jeriji besi di setiap tingkap dan pintu TASKA, menyediakan pagar serta perkhidmatan kawalan keselamatan di kawasan yang memerlukan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar tidak memasang jeriji besi di setiap tingkap dan pintu berbanding di TASKA lain. Ketiadaan jeriji besi di tingkap dan pintu seperti di **Gambar 5.32** dan **Gambar 5.33** memudahkan TASKA di ceroboh. Pihak Audit dimaklumkan permohonan peruntukan berjumlah RM12,300 bagi membina jeriji telah dimohon pada bulan Februari 2012.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

- ii. TASKA PERMATA Daerah Manjung tidak mempunyai pagar kerana terletak di dalam kawasan Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung. TASKA tersebut juga terletak berhampiran dengan tempat parkir kereta awam dan ini membahayakan keselamatan kanak-kanak semasa aktiviti luar dilakukan seperti di **Gambar 5.34** dan **Gambar 5.35**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 17 Januari 2012, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung bersetuju dengan teguran Audit dan akan meminta peruntukan bagi tujuan tersebut.

Gambar 5.34
Lokasi TASKA Berhampiran Pakir Awam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Manjung
Tarikh: 29 September 2011

Gambar 5.35
Tempat Permainan Di Kawasan Laluan Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Manjung
Tarikh: 29 September 2011

c. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Dua daripada 4 TASKA yang dilawati terletak di luar kawasan Pejabat Daerah Dan Tanah iaitu TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar dan Taiping. Hanya TASKA PERMATA Daerah Taiping menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan. Ini disebabkan lokasi TASKA yang terletak di bahagian belakang bangunan dan agak terpencil. Lokasi ini menjadi faktor tumpuan penagih dadah. Pihak Audit dimaklumkan TASKA juga pernah dicerobohi dan berlaku kecurian. Perkhidmatan kawalan keselamatan hanya disediakan mulai jam 4 petang sehingga 8.00 pagi sahaja. Kawalan keselamatan tidak disediakan sewaktu TASKA mula beroperasi iaitu antara jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Keadaan ini boleh menjelaskan keselamatan di TASKA tersebut. Manakala di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar tidak menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 28 Mei 2012**, Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping telah menempatkan Pembantu Rendah Am pada masa TASKA beroperasi untuk menjaga kawasan dan bertanggungjawab mengawal bangunan. Manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar memaklumkan akan mengambil tindakan untuk menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan.

5.4.2.4. Perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasaki

- Merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 176.1(c), kontrak formal bagi semua perolehan atau perkhidmatan bermasa hendaklah diadakan walaupun nilai perolehannya kurang daripada RM50,000. Merujuk kepada peruntukan mengurus TASKA tahun 2011 kadar bagi sajian makanan setiap kanak-kanak yang ditetapkan berjumlah RM8 seorang. Semakan Audit terhadap perkhidmatan bekalan makanan adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5**Perkhidmatan Bekalan Makanan TASKA PERMATA Bagi Tahun 2011**

TASKA PERMATA	Bilangan Kanak-kanak	Kaedah Perolehan	Kadar Satu Kepala (RM)
Pejabat SUK Perak	25	Pesanan Tempatan	10
Kuala Kangsar	25	Sebut Harga (Kontrak formal)	7
Manjung	15	Pesanan Tempatan	8
Taiping	16	Pesanan Tempatan	8

Sumber: Pejabat SUK Dan Pejabat Daerah Dan Tanah

- b. Pemeriksaan Audit mendapati TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar ada menyediakan satu kontrak formal bekalan makanan bermasak bagi tempoh 1 tahun atau 23 hari bekalan dalam sebulan dengan nilai kontrak RM48,300. Manakala bagi TASKA PERMATA Pejabat SUK, Manjung dan Taiping tempoh bekalan dikira mengikut hari bekerja dalam sebulan. Kontrak formal perlu disediakan bagi memastikan kepentingan kerajaan terpelihara dan memudahkan pihak pengurusan untuk memantau serta mengambil tindakan terhadap pihak pembekal jika ada berlaku perlanggaran syarat kontrak. Semakan Audit mendapati TASKA PERMATA Pejabat SUK membayar RM10 bagi setiap kanak-kanak untuk bekalan makanan. Kadar tersebut adalah melebihi dari kadar yang ditetapkan iaitu sejumlah RM8 seorang. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Februari 2012, kaedah perolehan dan kadar sedia ada akan dikaji semula berdasarkan keperluan semasa.**
- c. Makanan yang berkhasiat penting untuk kanak-kanak kerana ia membekalkan nutrien untuk perkembangan dan pertumbuhan, membekalkan tenaga untuk aktiviti fizikal dan mental serta membantu dalam mengekalkan ketahanan badan terhadap jangkitan. Pilihan gabungan makanan setiap hari berpandukan piramid makanan adalah penting bagi memastikan perkembangan kanak-kanak. Piramid makanan bagi kanak-kanak dan pra-sekolah yang dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6**Bilangan Hidangan Sehari Kanak-Kanak Berumur 2 hingga 6 Tahun**

Aras Mengikut Piramid	Jenis Makanan	Keperluan Hidangan
Aras 1	Bijirin Dan Ubi-ubian	Lebih Banyak
Aras 2	Buah Dan Sayur	Lebih
Aras 3	Ikan/Ayam/Daging/Kekacang/Susu Dan Hasil Tenua	Sederhana
Aras 4	Lemak/Minyak Dan Kumpulan Gula	Kurang

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

- d. Berdasarkan Piawaian Pelaksanaan Prosedur Pusat Anak PERMATA Negara (SOP) pendidik/pembantu perlu memantau dan memastikan makanan yang diberi kepada kanak-kanak adalah seimbang dan berkhasiat. Semakan Audit terhadap menu hidangan yang disediakan di 4 buah TASKA PERMATA mendapati menu hidangan bagi 3 buah TASKA iaitu TASKA PERMATA Pejabat SUK, Kuala Kangsar dan

Manjung disediakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan masing-masing kecuali TASKA PERMATA Daerah Taiping disediakan oleh Pendidik. Kekerapan hidangan diberikan antara 3 hingga 4 kali sehari iaitu sarapan pagi, snek pagi, makan tengah hari dan minum petang. TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar memberikan hidangan 3 kali sehari tanpa snek pagi berbanding TASKA lain. Snek pagi adalah dari jenis buah-buahan yang diberikan sebelum waktu makan tengah hari. TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar memasukkan hidangan buah-buahan di dalam menu makan tengah hari. Semakan Audit terhadap jenis hidangan bagi tempoh sebulan yang diberikan bagi kanak-kanak di 4 buah TASKA PERMATA adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7

Jenis Hidangan Bagi Tempoh Sebulan Di TASKA PERMATA

TASKA PERMATA	Jenis Hidangan Mengikut Aras Piramid			
	Sarapan Pagi	Snek Pagi	Makan Tengah Hari	Minum Petang
Pejabat SUK	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 2	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 1,3 dan 4
Kuala Kangsar	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Tiada	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 1,3 dan 4
Manjung	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 2	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 1,3 dan 4
Taiping	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 2	Kombinasi Aras 1 Hingga 4	Aras 1,3 dan 4

Sumber: Pejabat SUK Dan Pejabat Daerah Dan Tanah

- e. Secara keseluruhannya menu yang disediakan adalah bersesuaian dengan keperluan hidangan harian bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun. Lawatan Audit di TASKA mendapati menu yang disediakan adalah seperti **Gambar 5.36** dan **Gambar 5.37**.

Gambar 5.36
Menu Makan Tengahari



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Pejabat SUK
Tarikh: 3 Ogos 2011

Gambar 5.37
Kanak-kanak Sedang Menikmati Snek Pagi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Taiping
Tarikh: 11 Oktober 2011

- f. Selain itu, Pendidik juga mengajar kanak-kanak adap sebelum makan, semasa makan dan selepas makan. Bagi kanak-kanak yang belum mahir untuk makan sendiri akan dibantu oleh Pendidik.

Pada pendapat Audit, pengurusan TASKA adalah kurang memuaskan terutamanya daripada aspek perancangan terhadap peruntukan kos operasi dan perjawatan, keselamatan bangunan dan kemudahan peralatan.

5.4.3. Penyenggaraan TASKA

Pengurusan dan penyenggaraan bangunan, aset dan kawasan persekitaran yang cekap dapat memastikan aset Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan baik, mudah digunakan dan tidak mudah rosak serta kos operasi yang optimum. Persekutaran tempat kanak-kanak bermain perlulah bebas daripada sebarang kotoran (najis dan serangga). Lawatan Audit mendapati taman permainan kanak-kanak dan kolam pasir di TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar berada dalam keadaan yang tidak memuaskan dan dicemari najis haiwan seperti di **Gambar 5.38** hingga **Gambar 5.40**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Februari 2012, kerja-kerja penyenggaraan kemudahan telah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Kangsar.

Gambar 5.38
Kolam Pasir Yang Tidak Terurus



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Gambar 5.39
Kolam Pasir Yang Dicemari Najis Haiwan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011



Gambar 5.40
Taman Permainan Kanak-kanak Yang Tidak Di senggara

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: TASKA PERMATA Daerah Kuala Kangsar
Tarikh: 18 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan TASKA adalah kurang memuaskan terutama daripada aspek kebersihan persekitaran dan penyenggaraan kemudahan.

5.4.4. Pemantauan Terhadap Kanak-kanak TASKA

a. Laporan Pentaksiran

Merujuk kepada Kurikulum PERMATA Negara pendidik perlu menyediakan laporan pentaksiran. Laporan ini berkaitan dengan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak. Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada pentadbir, pakar rujuk dan ibu bapa kanak-kanak dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk tindakan susulan yang sewajarnya. Laporan ini boleh digunakan bagi merancang aktiviti dan mempertingkatkan kebolehan dan perkembangan kanak-kanak. Semakan Audit mendapati laporan tersebut tidak disediakan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 9 Februari 2012, TASKA PERMATA SUK ada melaksanakan pemantauan dan penilaian kanak-kanak setiap bulan. Namun begitu laporan pentaksiran tidak disediakan. Mulai tahun 2012 pendidik akan menyediakan laporan tersebut. Pejabat Daerah Dan Tanah Taiping, Kuala Kangsar dan Manjung juga akan mengambil tindakan yang sama untuk menyediakan laporan tersebut.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan pemantauan TASKA peringkat Daerah adalah kurang memuaskan kerana pihak pengurusan tidak membuat pemantauan sewajarnya.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang adalah disyorkan supaya Pejabat SUK dan Pejabat Daerah Dan Tanah mengambil tindakan berikut:

5.5.1. Aktiviti promosi yang menyeluruh supaya maklumat berkaitan TASKA dapat disebarluaskan kepada penjawat awam bagi memastikan bilangan kanak-kanak yang maksimum diisi supaya objektif pembinaan dapat dicapai dan tenaga pendidik dapat digunakan sepenuhnya.

5.5.2. Latihan secara menyeluruh diberi kepada semua kakitangan TASKA.

5.5.3. Kaedah pengurusan dan penyenggaraan TASKA perlu dilaksanakan secara terancang bagi memastikan pengurusan, persekitaran serta keselamatan aset dan pendidik/kanak-kanak.

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI

6. PENGURUSAN PENGENDALIAN KES MAL DAN JENAYAH

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Mahkamah Syariah Negeri Perak (Mahkamah Syariah) telah ditubuhkan berdasarkan Seksyen 42(1);(2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 1992 mengikut Warta Kerajaan Negeri Perak Jilid. 40 Nombor 8 bertarikh 11 April 1995. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (Jabatan) telah mempunyai pentadbirannya sendiri mulai 1 Mei 1995 yang diterajui oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Perak dan dibantu oleh seorang Pendaftar dan 128 kakitangan lain. Fungsi utama Jabatan ini adalah untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes-kes yang dibawa ke mahkamah syariah mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang, memutus, menguatkuasakan dan melaksanakan perintah berasaskan hukum syarak dan undang-undang bertulis, menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil dan berkesan, menerima, mendengar dan memutuskan permohonan pembahagian Harta Pusaka. Jabatan juga bertanggungjawab membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi bagi menangani kes-kes yang dibawa ke mahkamah supaya diselesaikan dengan segera.

6.1.2. Mahkamah Syariah Negeri Perak terdiri daripada sebuah Mahkamah Rayuan Syariah di Ipoh, enam Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan 9 Mahkamah Rendah Syariah (MRS) di setiap daerah. Bidang kuasa MTS yang tertakluk di bawah Enakmen Undang-undang keluarga Islam Perak 2004 iaitu mengendali Kes Mal dan Jenayah. Mahkamah Tinggi Syariah dalam bidang kuasa Mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding berhubung kes Mal orang Islam berkaitan poligami, pernikahan, perceraian, fasakh, faraq, perihal berkaitan harta, nafkah, wasiat, pewarisan dan sebagainya. Di bawah bidang kuasa Jenayah pula, MTS bertanggungjawab membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam seperti persetubuhan luar nikah, khalwat, sumbang mahram, poligami tanpa kebenaran, minum arak dan sebagainya. Bidang kuasa MRS pula tertakluk di bawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak 2004. Mahkamah Rendah Syariah dalam bidang kuasa Mal mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang MTS diberi kuasa untuk mendengar dan memutuskannya, jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi RM100,000 atau tidak dapat dianggarkan dengan wang.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengendalian kes syariah telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan untuk menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada pengurusan pengendalian Kes Mal dan Jenayah di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Ipoh bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Dokumen berkaitan bagi tahun sebelumnya juga disemak mengikut keperluan. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan dan analisis terhadap data dan maklumat yang terkandung dalam laporan, minit mesyuarat, rekod, fail dan dokumen berkaitan dengan pengendalian kes syariah. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan Jabatan juga dilakukan. Sebanyak 80 borang soal selidik telah diedarkan kepada orang awam yang berurusan dengan Jabatan untuk menilai kualiti perkhidmatan pengurusan pengendalian kes Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Sampel pengauditan adalah terdiri daripada 77 fail kes yang tertangguh.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2011 mendapati pada keseluruhannya, pengendalian kes Syariah di Mahkamah Syariah Ipoh adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kelemahan dalam sistem e-Syariah Versi 1 yang dibangunkan sejak tahun 2004 tidak mencapai tahap yang sebenarnya mengikut seperti yang dirancang
- Prestasi penyelesaian kes tidak mencapai sasaran manual kualiti.
- Kes tidak selesai mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Prestasi Majlis Sulh tidak membantu dalam pengurangan kes serta faktor-faktor dalam dan luaran yang menyebabkan penangguhan kes berlanjutan.
- Buku rekod tidak disediakan serta pemantauan dan perkhidmatan yang tidak memuaskan hati pelanggan.

6.4.1. Pengurusan Kes Melalui Sistem e-Syariah

6.4.1.1. E-Syariah merupakan satu sistem pengurusan kes bersepadu yang dibangunkan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) untuk mengintegrasikan semua proses terlibat dalam pengendalian kes-kes Mahkamah Syariah. Objektif e-Syariah adalah untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Mahkamah Syariah, mempertingkatkan keberkesanan JKSM dalam menyelaras dan memantau agensi-agensi di bawahnya, meningkatkan produktiviti dan keberkesanan pengurusan Mahkamah Syariah di seluruh Negara dan memartabatkan syiar Islam melalui penggunaan ICT. Melalui pautan sesawang, sistem ini menyediakan kemudahan Pendaftaran Kes, Penjadualan Perbicaraan, Kutipan dan Pengeluaran Resit, Carian Maklumat Kes, Merekodkan Keputusan Penghakiman, Statistik dan Laporan serta Penyelenggaraan Sistem. Unit Pangkalan Data menyimpan maklumat kes-kes yang difailkan sebagai rujukan dan semakan supaya pertindihan kes antara negeri-negeri dielakkan dan pengiraan Faraid dapat dibuat secara elektronik.

6.4.1.2. Mulai tahun 2004, Jabatan telah menggunakan pakai e-Syariah Versi I dalam mengendalikan kes-kes Mahkamah Syariah walaupun 14 modul dibangunkan tetapi hanya 3 modul yang digunakan sepenuhnya iaitu modul pendaftaran kes, faraid, kutipan dan pengeluaran resit. Dengan penggunaan e-Syariah tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Jabatan sepatutnya menjadi lebih mudah dan cepat dalam menjana laporan-laporan berkaitan bagi pemantauan perjalanan kes-kes. Pihak JKSM mendapat terdapat kelemahan dalam penggunaan e-Syariah Versi I. Oleh itu JKSM telah mengambil langkah untuk menaiktaraf sistem dengan melaksanakan e-Syariah Versi II. Semasa pengauditan dijalankan e-Syariah Versi II sedang dibangunkan dan dalam peringkat pengujian kepada sistem. Surat perjanjian serta Manual Pengguna tidak dapat dikemukakan oleh Jabatan kepada pihak Audit bagi tujuan semakan. Pihak Audit telah memaklumkan ke Jabatan supaya memohon manual pengguna e-Syariah kepada JKSM untuk dijadikan sebagai panduan kepada pegawai yang menyelenggarakan sistem berkenaan di peringkat Jabatan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menilai dan mengukur sejauh mana sistem ini berkesan dan boleh membantu untuk meningkatkan prestasi pengendalian kes-kes Mahkamah Syariah Negeri Perak.

6.4.1.3. Semakan Audit, terhadap data bilangan kes selesai yang dijana melalui e-Syariah di Mahkamah Syariah Ipoh mendapat adanya perbezaan dengan data yang diselenggarakan secara manual. Berikut adalah perbezaan data seperti **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Perbezaan Bilangan Kes Selesai Dalam Sistem Dengan Secara Manual

Tahun	Bil. Kes Selesai		Perbezaan	
	Manual	Sistem	Bilangan Kes	%
2009	1,389	1,177	212	15.3
2010	1,133	942	191	16.9
2011	1,331	539	792	59.5
Jumlah	3,853	2,658	1,195	

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (* maklumat sehingga 30 Jun 2011)

6.4.1.4. Analisis terhadap maklumat bilangan kes yang telah selesai didapati berlaku perbezaan data di antara catatan manual dengan data dalam sistem. Ini menyebabkan kes yang telah selesai masih di peringkat status tidak selesai. Bilangan kes yang telah selesai berpandukan maklumat secara manual adalah 3,853 kes manakala maklumat melalui sistem mendapat hanya 2,658 kes telah selesai. Ini menunjukkan perbezaan bilangan kes selesai sebanyak 1,195 kes atau 31% bagi tempoh tahun 2009 hingga Jun 2011.

6.4.1.5. Semakan selanjutnya mendapat beberapa perkara yang menyumbang kepada berlakunya perbezaan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Masih terdapat alasan penghakiman bagi kes Mal dan Jenayah di MTS dan MRS Ipoh yang telah selesai belum dikemaskinikan dalam e-Syariah yang menyebabkan Laporan Statistik Kes dalam e-Syariah tidak tepat.
- b. Tarikh alasan penghakiman yang dimasukkan dalam e-Syariah boleh dipindah menyebabkan statistik kes selesai e-Syariah sentiasa berubah-ubah.

6.4.1.6. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Jun 2012, kebanyakan kes adalah merupakan kes lama yang mana telah diselesaikan dan ada di antaranya dihakimi oleh hakim-hakim lama yang telah bersara. Oleh itu, Jabatan telah menyusun tindakan pembetulan secara berperingkat sejak tahun 2011 seperti berikut:

- a. Mengadakan pemeriksaan fizikal bagi memastikan jumlah sebenar fail kes yang masih aktif.
- b. Mengadakan gerak kerja pengemaskinian data dalam e-Syariah.
- c. Mengeluarkan surat arahan kepada semua mahkamah untuk mengemas kini status kes di dalam e-Syariah.
- d. Pihak JKSM sedang merangka pelan untuk mengajar Jabatan cara membersihkan data yang tersekat di hab.
- e. Bahagian ICT Jabatan akan mengadakan kursus bengkel e-Syariah Versi II bertujuan menggalakkan penggunaan sistem secara maksimum di kalangan kakitangan.

Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mengambil kira kepentingan sistem e-Syariah supaya ia berfungsi atau boleh digunakan sepenuhnya dalam membantu pihak pengurusan membuat pemantauan terhadap pengendalian dan penyelesaian kes.

6.4.2. Prestasi Penyelesaian Kes

Prestasi penyelesaian kes diukur dari sudut peratus kes yang dapat diselesaikan dan kes lama yang belum selesai. Oleh kerana terdapat kelemahan dalam sistem e-Syariah, semakan Audit dijalankan melalui Laporan Kes Tahunan yang disediakan secara manual. Berikut adalah kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti berkenaan kes-kes belum selesai:

6.4.2.1. Penyelesaian Kes Tidak Mencapai Sasaran

- a. Mengikut Manual Kualiti JKSM menetapkan bahawa kes-kes yang perlu diselesaikan adalah sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah kes Mal yang didaftarkan dalam tahun semasa dan kes Mal tertangguh dari sebelum tahun semasa. Manakala bagi kes Jenayah pula adalah sekurang-kurangnya 65% daripada jumlah kes Jenayah yang didaftarkan dalam tahun semasa dan kes Jenayah tertangguh dari sebelum tahun semasa.
- b. Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 jumlah kes Mal yang didaftarkan dalam tahun semasa di MRS ialah 4,002. Jumlah kes yang dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut ialah sebanyak 2,849. Bagi kes Mal yang tertangguh, jumlah kes yang belum diselesaikan ialah 1,535 di mana 1,084 telah dapat diselesaikan dalam tahun semasa. Butiran lanjut kes Mal yang didaftarkan dan bilangan kes yang belum selesai pada tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2

**Prestasi Penyelesaian Kes Mal Tertangguh di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh.
Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Daftar Semasa	Selesai Semasa	%	Baki Kes	Baki Kes Tahun Sebelum	Selesai Kes	%	Baki Kes Tangguh
2009	1,224	851	69.5	373	521	350	67.2	171
2010	1,293	901	64.7	392	551	314	57	237
2011	1,485	1,097	73.9	388	463	420	90.7	43
Jumlah	4,002	2,849		1,153	1,535	1,084		451

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (rekod manual)

- c. **Jadual 6.2** menunjukkan Jabatan dapat menyelesaikan kes Mal yang didaftarkan dalam tahun semasa di antara 69.5% hingga 73.9%. Manakala bagi kes Mal tertangguh Jabatan tidak mencapai tahap manual kualiti di mana dalam tahun 2009 Jabatan hanya dapat menyelesaikan kes sebanyak 67.2% dan tahun 2010 menurun kepada 57%. Bagaimanapun Jabatan berjaya menyelesaikan kes Mal yang tertangguh hingga ke tahap 90.7% pada tahun 2011.

- d. Manakala bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 jumlah kes Jenayah yang didaftarkan dalam tahun semasa di MRS ialah 1,957. Jumlah kes yang dapat diselesaikan dalam tempoh tersebut ialah sebanyak 1,004. Bagi kes Jenayah yang tertangguh, jumlah kes yang belum diselesaikan ialah 4,792 di mana 1,569 telah dapat diselesaikan dalam tahun semasa. Butiran lanjut kes Jenayah yang didaftarkan dan bilangan kes yang belum selesai pada tahun 2009 hingga 2011 seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3

**Prestasi Penyelesaian Kes Jenayah Tertangguh Di Mahkamah Rendah Syariah Ipoh
Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011**

Tahun	Daftar Semasa	Selesai Semasa	%	Baki Kes	Baki Kes Tahun Sebelum	Selesai Kes	%	Baki Kes Tangguh
2009	931	538	57.8	393	1,573	751	47.7	822
2010	515	232	45	283	1,226	520	42.4	706
2011	511	234	45.8	277	989	298	30.1	691
Jumlah	1,957	1,004		953	3,788	1,569		2,219

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (rekod manual)

- e. **Jadual 6.3** menunjukkan Jabatan tidak mencapai tahap penyelesaian kes yang ditetapkan di mana dalam tahun 2009 hingga 2011 prestasi penyelesaian kes menurun dari 57.8% kepada 45.8%. Manakala bagi kes Jenayah tertangguh, prestasi penyelesaian kes tertangguh juga menurun daripada 47.7% kepada 30.1%.
- f. **Mengikut maklum balas bertarikh 25 Jun 2012**, sasaran kes Mal adalah merupakan penambahbaikan kepada Manual Kualiti keluaran 1 pindaan 2 bertarikh 3 Januari 2006 daripada 65% kepada 70% dan mula berkuat kuasa pada tahun 2010. Bagi kes Jenayah, sasaran masih dikekalkan kepada 65% penyelesaian kes berikut masalah komitmen pihak ketiga iaitu Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Perak dan Polis Diraja Malaysia telah menjelaskan prestasi penyelesaian kes.

6.4.2.2. Kes Tidak Selesai Mengikut Tempoh

- a. Objektif Jabatan adalah untuk menyegerakan pengendalian kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan. Mengikut Arahan Amalan No. 2 Tahun 2001, Had Masa Sebutan dan Perbicaraan Kes telah ditetapkan iaitu sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 30 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar. Manakala dalam Arahan Amalan No. 14 Tahun 2003, menyatakan tentang penyegeeraan pendengaran rayuan kes-kes perceraian yang hendaklah didengar dan diselesaikan dalam tempoh 180 hari atau 6 bulan selepas semua rekod telah disempurnakan di Pejabat Pendaftaran.
- b. Data bagi tahun 2004 hingga 2010 yang diperoleh melalui Laporan Bulanan setakat Julai 2011 menunjukkan peratus kes yang dapat diselesaikan adalah rendah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4 Statistik Kes Mal Dan Jenayah Belum Selesai Pada 31 Julai 2011					
Bil	Jenis Kes	Bilangan Kes Belum Selesai (Tahun)			Jumlah Kes
		<1	1-3	4-6	
1.	Jenayah	218	330	420	968
2.	Mal	304	86	10	400
Jumlah		522	416	430	1,368

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

- c. Analisis Audit mendapati 31.4% kes Mal dan Jenayah diselesaikan antara 4 hingga 6 tahun dan 30.4% diselesaikan kurang dari 3 tahun manakala 38.2% diselesaikan kurang dari 1 tahun. Semakan Audit terhadap Laporan Prestasi Pengendalian Kes bagi tahun 2004 hingga 2010 bagi MRS mendapati 4 fail kes yang dapat diselesaikan sehingga Julai 2011. Sebanyak 96 fail kes masih tertunggak dan mahkamah belum mengambil tindakan untuk menjadualkan semula tarikh perbicaraan yang baru atau menutup fail kes.
- d. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Jun 2012, Jabatan mengambil serius tentang tempoh penyelesaian kes. Pelan tindakan secara berperingkat dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan Jabatan dilaksanakan. Bagi tahun 2012, Jabatan telah mensasarkan pengurangan tempoh penyelesaian sebanyak 20% di mana setiap kes yang rumit perlu diselesaikan dalam tempoh 365 hari selepas didaftarkan.

6.4.2.3. Prestasi Majlis Sulh

- a. Majlis Sulh berfungsi sebagai tapisan pertama kepada kes-kes yang hendak dibicarakan di mahkamah. Oleh itu, jawatan Pegawai Sulh telah diwujudkan untuk mempercepatkan proses keadilan Mahkamah Syariah khususnya mengatasi lambakan kes-kes tertangguh di mahkamah. Kaedah ini juga sebagai langkah untuk mengelakkan pertikaian antara pihak-pihak berkenaan di dalam dewan mahkamah dengan sesuatu tuntutan yang boleh dibincangkan secara mudah dan cepat tanpa perlu kepada perbicaraan di hadapan Hakim. Ini selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bilangan 3 Tahun 2004. Keputusan persetujuan pihak-pihak yang terlibat juga akan disahkan sebagai perintah mahkamah dengan mudah dan segera tanpa perdebatan di dalam mahkamah.
- b. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,473 kes-kes tuntutan selepas penceraian telah didaftar pada tahun 2009 hingga 2011 untuk dikendalikan oleh Pegawai Sulh. Kes-kes tuntutan selepas penceraian yang dikendalikan oleh Pegawai Sulh yang kerap dirujuk adalah mutaah, nafkah idah, nafkah anak, ubah perintah nafkah anak dan saman penghutang penghakiman. Maklumat lanjut mengenai bilangan kes yang dirujuk kepada Pegawai Sulh adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Bilangan Kes Yang Dirujuk Kepada Pegawai Sulh Mahkamah Syariah Negeri Perak

Tahun	Bil. Kes Dirujuk Yang Belum Selesai tahun Sebelum	Kes Didaftar Tahun Semasa	Kes Selesai Melalui Sulh	
			Jumlah Kes	%
2009	60	699	333	43.9
2010	7	432	185	42.1
2011	44	342	160	41.5
Jumlah	111	1,473	678	

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

- c. Analisis terhadap data bilangan kes yang dirujuk kepada Pegawai Sulh Mahkamah Syariah Negeri Perak bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 mendapati kaedah Sulh yang dikendalikan hanya dapat menyelesaikan tidak lebih dari 45% kes yang dirujuk. Adalah didapati kaedah ini ialah satu kaedah penyelesaian kes secara alternatif atau runding cara secara terpimpin dan dapat membantu dalam mengurangkan kes-kes tertangguh di Jabatan walaupun tidak sepenuhnya.
- d. Mengikut maklum balas bertarikh 25 Jun 2012, Pegawai Sulh itu dinilai tanggungjawabnya dengan melihat kepada seberapa segera yang munasabah memindahkan kes tersebut ke peringkat seterusnya setelah mendapati kes tersebut tidak mampu diselesaikan melalui Majlis Sulh yang dikendalikannya.

6.4.2.4. Penangguhan Kes

- a. Penangguhan kes adalah menjadi faktor utama berlakunya kes tertunggak. Mengikut Seksyen 129 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Perak 2004 memperuntukkan bahawa mahkamah boleh dari semasa ke semasa menangguhkan atau memindahkan mana-mana perbicaraan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan boleh mengenakan apa-apa syarat apabila berbuat demikian. Arahan Amalan No. 4 Tahun 2001 pula secara spesifik menyatakan bahawa sebarang penangguhan kes hanya dibenarkan atas alasan-alasan yang munasabah dan ia hendaklah secara bertarikh untuk perbicaraan berikutnya. Ini bermakna mahkamah perlu teliti sebarang alasan penangguhan tersebut agar sebab-sebab penangguhan itu tidak memberi sebarang ketidakadilan kepada pihak-pihak berkenaan. Semakan Audit terhadap 50 sampel fail kes Mal dan Jenayah bagi MRS dan 27 sampel fail kes Mal dan Jenayah di MTS yang di daftarkan antara tahun 2004 hingga 2010 mendapati kes-kes telah tertangguh beberapa kali berpunca dari pelbagai alasan yang dinyatakan seperti di **Jadual 6.6** dan **Jadual 6.7**.

Jadual 6.6**Punca Kes Tertunggak Mal Bagi Mahkamah Syariah Ipoh
Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2010**

Bil.	Punca	MRS	MTS
1.	OKT/Defendant Tidak Hadir/Minta Tangguh	36	26
2.	Saman Tidak Dapat Disampaikan	3	-
3.	Pendakwa/Peguam tangguh/Tidak Hadir/Tarik Diri	33	12
4.	Hakim Berkursus/Hadir Persidangan	12	5
5.	Penarikan Balik Kes/Tutup Kes	1	3
Jumlah		86	46

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

Jadual 6.7**Punca Kes Tertunggak Jenayah Bagi Mahkamah Syariah Ipoh
Tahun 2004 Hingga 2010**

Bil.	Punca	MRS	MTS
1.	OKT/Defendant Tidak Hadir/Minta Tangguh	19	2
2.	Saman Tidak Dapat Disampaikan	23	-
3.	Pendakwa/Peguam tangguh/Tidak Hadir/Tarik Diri	8	4
4.	Hakim Berkursus/Hadir Persidangan	1	1
5.	Penarikan Balik Kes/Tutup Kes	-	-
Jumlah		51	7

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri

- b. Jadual 6.6 adalah didapati punca kes Mal tertunggak di MRS bagi tempoh tahun 2004 hingga 2010 yang tertinggi adalah disebabkan oleh OKT/Defendant Tidak Hadir/Minta Tangguh iaitu 41.9% berbanding lain-lain punca kes tertunggak. Jadual 6.7 menunjukkan analisis Audit terhadap punca kes Jenayah tertunggak di MTS dan MRS bagi tempoh tahun 2004 hingga 2010 menunjukkan peratus tertinggi di MRS iaitu 45.1% disebabkan oleh Saman Tidak Dapat Disampaikan. Antara sebab saman tidak dapat disampaikan adalah kerana alamat yang tidak lengkap dan tidak betul. Ini disebabkan sikap defendant tidak mengambil berat tentang arahan mahkamah dan enggan untuk menerima saman dan dokumen yang disertakan.
- c. Manakala peratus tertinggi di MTS iaitu 57.1%.disebabkan oleh Pendakwa/Peguam Tangguh/Tidak Hadir/Tarik Diri. Pihak Audit mendapati, penangguhan kes disebabkan masalah peguam yang baru sahaja dilantik oleh anak guam memohon untuk menangguhkan kes tersebut bagi meneliti dokumen yang baru diperolehnya. Selain itu, peguam atau pendakwa raya memohon penangguhan disebabkan atas urusan peribadi seperti sakit atau mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah yang lain atau di Mahkamah Sivil.
- d. Menurut maklum balas bertarikh 25 Jun 2012, bagi mengawal penangguhan kes tanpa sebab yang munasabah, satu Arahan Amalan Jabatan telah dikeluarkan di mana satu penangguhan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan tidak melebihi 3 kali bagi OKT yang tidak dapat dikesan. Satu Buku Daftar Saman juga akan diwujudkan bagi menyelenggarakan pengurusan saman dan dijadikan rujukan berkenaan urus tadbir saman.

Pada pendapat Audit, prestasi penyelesaian kes di MTS dan MRS adalah tidak memuaskan kerana didapati peratus kes yang dapat diselesaikan adalah rendah. Jabatan tidak menetapkan sebarang had masa sesuatu kes itu patut diselesaikan atau memberi keutamaan untuk diselesaikan. Oleh itu pihak Jabatan hendaklah menetapkan satu *Key Performance Indicator (KPI)* bagi menentukan tempoh masa bagi setiap pengendalian kes dengan sewajarnya.

6.4.3. Pengurusan Rekod

6.4.3.1. Pelaksanaan Waran Tangkap

- a. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Perak 2004 memperuntukkan bahawa apabila mana-mana orang yang terikat dengan mana-mana bon untuk hadir ke mahkamah tetapi tidak berbuat demikian, maka mahkamah boleh mengeluarkan waran mengarahkan supaya orang itu ditangkap. Mengikut Fasal 38(b), mahkamah boleh mengeluarkan waran tangkap setelah berpuas hati bahawa saman telah disampaikan tetapi OKT gagal menghadirkan diri semasa perbicaraan tanpa alasan munasabah. Bagi kes yang waran tangkap dikeluarkan, satu tarikh sebutan yang baru akan ditetapkan oleh Hakim. Merujuk Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Perak 2004, Waran Tangkap dikeluarkan adalah dengan menggunakan Borang 3.
- b. Semakan Audit terhadap Buku Waran Tangkap (Borang 3), mendapati pada tahun 2009 hingga 2011, sebanyak 26 waran tangkap telah disediakan tetapi hanya 17 telah diedarkan manakala 9 telah dibatalkan. Pembatalan bagi Borang 3 berlaku disebabkan kesilapan seperti salah alamat, ejaan nama serta kad pengenalan OKT dan sebagainya. Adalah diperhatikan pengeluaran waran tangkap tidak direkodkan dalam buku daftar. Oleh yang demikian pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesempurnaan waran tangkap tersebut. Jabatan hanya memfaillkan waran tangkap berkenaan ke dalam fail kes masing-masing. Selain itu, didapati Jabatan tidak mencatat nombor rujukan kes di atas borang waran tangkap bagi memudahkan rujukan terhadap kes. Waran tangkap yang telah disediakan akan dihantar oleh Penghantar Notis kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam dan Jabatan Polis Daerah untuk diambil tindakan seterusnya. Pihak Jabatan tidak mempunyai sebarang daftar untuk memantau atau membuat tindakan susulan bagi memastikan tindakan telah diambil dalam tempoh yang ditetapkan.
- c. Temu bual pihak Audit dengan pegawai berkenaan mendapati, kaedah tindakan hanya dilakukan oleh pegawai yang mengendalikan fail berkenaan apabila tempoh perbicaraan semula ditetapkan oleh hakim yang akan mengendalikan kes tersebut. Keadaan ini akan menimbulkan masalah sekiranya pegawai berkenaan tidak bertugas apabila tempoh perbicaraan akan dijalankan. Selain itu, kerjasama atau penyelarasaran tugas perlu dibuat antara Jabatan dengan pihak Penguatkuasa Agama dan pihak Polis bagi membolehkan waran/perintah/arahan yang dikeluarkan oleh

Mahkamah dapat dilaksanakan dengan segera terutama bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat hadir semasa tarikh perbicaraan ditetapkan bagi mengelakkan kes tidak selesai meningkat.


- d. Menurut maklum balas bertarikh 25 Jun 2012, Jabatan telah mengeluarkan arahan kepada semua Mahkamah Daerah melalui surat JKSPK.100-5/2/1 bertarikh 2 Januari 2012 untuk mewujudkan satu Buku Daftar Waran Tangkap bagi menyelenggarakan dan memantau pelaksanaannya.

Pada pendapat Audit, sebuah buku daftar hendaklah diwujudkan untuk merekod urusan waran tangkap bagi mengurangkan peningkatan kes tertunggak.

6.4.4. Maklum Balas Kepuasan Pelanggan

6.4.4.1. Sebanyak 80 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang berurusan dengan Jabatan bagi mengenal pasti tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan di JKS Ipoh. Tujuan soal selidik tersebut adalah untuk mendapatkan maklum balas terhadap kepuasan pelanggan berhubung dengan perkhidmatan kaunter, urusan pendaftaran, tempoh menunggu perbicaraan dan juga persekitaran dalam dan di luar mahkamah. Butiran lanjut tahap kepuasan pelanggan adalah seperti di **Carta 6.1**.

Carta 6.1
Tahap Kepuasan Pelanggan Dengan Perkhidmatan Mahkamah Syariah Ipoh, Perak



Sumber: Soal Selidik Oleh Jabatan Audit Negara

6.4.4.2. Mengikut Manual Kualiti JKSM menetapkan semua pendaftaran dilaksanakan dengan segera dan memberi tarikh sebutan dalam tempoh 21 hari dari tarikh pendaftaran. Hasil soal selidik tersebut menunjukkan 79 responden atau 99% puas hati dengan urusan pendaftaran yang diberi. Seramai 68 responden atau 83% mendapati persekitaran mahkamah adalah selesa dan hanya 12 responden atau 17% tidak berpuas hati dengan persekitaran mahkamah di mana mereka telah memaklumkan keadaan siling dan lantai

yang basah berikutan dengan kebocoran siling akibat hujan lebat. Manakala 53 orang responden atau 66% tidak berpuas hati dengan layanan pegawai di kaunter di mana mereka tidak mendapat layanan yang memuaskan. Pihak Jabatan perlu memastikan pegawai yang menjaga kaunter harus beretika dan bekerjasama dengan pelanggan supaya semua urusan dapat dijalankan dengan berkesan. Bagi tempoh menunggu perbicaraan pula didapati seramai 52 orang responden atau 65% merasa kurang memuaskan di mana ketepatan masa tidak dipatuhi menyebabkan pelanggan atau peguam terpaksa menunggu perbicaraan dimulakan. Secara keseluruhan pihak jabatan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terutamanya perkhidmatan di kaunter dan tempoh menunggu bagi memperbaiki kelemahan tersebut. Berdasarkan maklum balas, Jabatan akan mengambil tindakan dengan menempatkan pegawai yang khusus untuk perkhidmatan kaunter.

Jabatan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terutamanya perkhidmatan di kaunter dan tempoh menunggu bagi memperbaiki kelemahan tersebut.

6.5. SYOR AUDIT

Pada umumnya, prestasi penyelesaian kes syariah perlu dipertingkatkan. Walaupun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama supaya semua kes Syariah harus diselesaikan dalam tempoh 180 hari atau 6 bulan, Jabatan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan kes sehingga menyebabkan kes tertunggak masih tidak dapat dikurangkan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan memberi pertimbangan terhadap perkara-perkara berikut:-

- 6.5.1.** Memastikan modul-modul dalam sistem e-Syariah Versi II boleh digunakan sepenuhnya dan berfungsi dengan lancar dan teratur.
- 6.5.2.** Jabatan hendaklah memperkasakan Majlis Sulh bagi mewujudkan kepercayaan pihak defenden dan plaintif terhadap kes yang dikendalikan dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.
- 6.5.3.** Jabatan perlu mematuhi Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan supaya kes yang telah lama tertangguh dan tertunggak dalam Sasaran Kerja Tahunan tercapai.
- 6.5.4.** Jabatan hendaklah menyediakan Buku Daftar Saman dan Waran Tangkap bagi tujuan pemantauan untuk mengelakkan kes tersebut terus meningkat.

MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

7. PENGURUSAN KEMUDAHAN AWAM

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Luas kawasan pentadbiran MPM ialah 301.82 km persegi di mana 180.47 km persegi adalah kawasan yang menerima perkhidmatan dan dikenakan cukai taksiran tahunan sementara 121.35 km persegi merupakan kawasan yang tidak diberi perkhidmatan. Manakala, luas kawasan pentadbiran MPT ialah 186.47 km persegi di mana 111.47 km persegi adalah kawasan yang menerima perkhidmatan dan dikenakan cukai taksiran. Antara tanggungjawab MPM dan MPT ialah memberi perkhidmatan kepada penduduk setempat termasuk membuat perancangan, pembangunan, pengawalan dan penyediaan kemudahan awam sama ada kategori pengurusan kejiranan, rekreasi/riadah dan prasarana. Contoh kemudahan adalah tandas, dewan serba guna, kolam renang, padang permainan kanak-kanak, padang permainan, perhentian bas dan teksi, pondok menunggu bas dan wakaf. Pada tahun 2009 hingga tahun 2011, MPM telah membelanjakan RM13.65 juta sementara MPT sejumlah RM1.10 juta untuk tujuan penyenggaraan kemudahan awam bagi memberi kesejahteraan dan keselesaan penduduk setempat.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan kemudahan awam telah dilaksanakan dengan baik supaya masyarakat setempat dapat menggunakannya dengan selamat dan selesa.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi 4 jenis kemudahan awam iaitu, taman permainan kanak-kanak, dewan, wakaf dan tandas awam adalah tertumpu kepada pengurusan dan penyenggaraan tempat-tempat tersebut. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen seperti belanjawan MPM dan MPT serta rekod penyelenggaraan bagi tahun 2009 hingga tahun 2011 dan temu bual dengan kakitangan yang bertanggungjawab. Lawatan Audit ke lokasi terpilih juga dilakukan bagi menilai tahap penyelenggaraan dan pemantauan yang telah dibuat.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan taman permainan kanak-kanak dan dewan adalah memuaskan kecuali pengurusan tandas kurang memuaskan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Alat permainan rosak dan kawasan permainan kanak-kanak dicerobohi.
- Pelapik Getah Tidak Dipasang Atau Tertanggal.
- Tiada perjanjian sewaan.
- Tandas kotor dan tidak di senggara, *flush* tandas tidak berfungsi.

7.4.1. Pengurusan Taman Permainan Kanak-kanak

Taman permainan kanak-kanak yang dibina di kawasan perumahan dan tempat strategik bertujuan memberi kemudahan rekreasi kepada kanak-kanak setempat secara percuma. Ianya merupakan satu tanggungjawab sosial yang disumbangkan oleh MPM dan MPT. Pada tahun 2009 hingga tahun 2011, MPM telah membelanjakan sejumlah RM671,950 dan MPT sejumlah RM69,348 untuk menyelenggarakan taman dan tempat riadah. Sehingga bulan Julai 2011, MPM mempunyai 274 Taman Permainan Kanak-kanak dan sehingga bulan September 2011 MPT memiliki 114 di mana 90% terletak di kawasan perumahan. Lawatan Audit ke 40 taman permainan kanak-kanak yang dipilih secara rambang mendapati perkara-perkara berikut:

7.4.1.1. Alat Permainan Rosak

- a. Alat permainan kanak-kanak perlulah dalam keadaan selamat digunakan. Lapan daripada 40 taman permainan kanak-kanak yang dilawati mendapati sebahagian alat permainan telah rosak atau hilang akibat daripada aktiviti vandalisme atau perubahan cuaca atau usang. Contoh keadaan alat permainan yang rosak adalah seperti di **Gambar 7.1** dan **Gambar 7.2**. Berdasarkan lawatan susulan ke MPM dan MPT mendapati alat permainan rosak masih belum diganti.
- b. **Mengikut maklum balas daripada MPT bertarikh 19 Januari 2012 dan 22 Jun 2012**, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 18 Januari 2012 telah meluluskan peruntukan sejumlah RM40,000 untuk membuat penggantian baru sementara MPM pula akan menggantikan alat permainan yang bersesuaian bagi mengurangkan aktiviti vandalisme dan kecurian. Pada 19 Jun 2012 MPT telah mengeluarkan surat tawaran kerja bagi pemasangan alat permainan rosak di Mukim Kamunting dan Mukim Pengkalan Aor.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Perumahan Awam, Kamunting
Tarikh: 22 Ogos 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pantai Remis
Tarikh: 21 Julai 2011

7.4.1.2. Kawasan Permainan Di Ceroboh

- Kawasan Permainan Kanak-kanak adalah di bawah pengurusan MPM dan MPT, oleh itu pihak lain tidak berhak untuk melakukan sebarang aktiviti kecuali mendapat kebenaran Yang Dipertua. Bagaimanapun, lawatan ke Taman Desa Pangkor, Pulau Pangkor mendapati penghuni rumah pangsa berhampiran mendirikan ampaian untuk menjemur pakaian dalam kawasan taman permainan dan sejumlah 11 Taman Permainan Kanak-kanak milik MPT telah dicerobohi dengan aktiviti pertanian. Contoh bentuk pencerobohan adalah seperti di **Gambar 7.3** dan **Gambar 7.4**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Desa Pangkor (Pulau Pangkor)
Tarikh: 27Julai 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bersatu, Asam Kumbang (Taiping)
Tarikh: 18 Ogos 2011

- Mengikut maklum balas bertarikh 19 Januari 2012 dan 22 Jun 2012, pada akhir bulan Disember 2011 MPM telah mengambil tindakan penerangan dan penguatkuasaan secara berhemah agar tidak mencetuskan pertelingkahan dengan penduduk setempat. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 20 Februari 2012 ke Taman Desa Pangkor mendapati ampaian masih ada dalam kawasan permainan. Sementara itu, MPT telah mengeluarkan 2 notis pemberitahuan (Penyalahgunaan Kawasan Lapang)

pada 20 Januari 2012 dan 13 April 2012 kepada penduduk berhampiran supaya tidak melakukan aktiviti pertanian di kawasan lapang taman permainan kecuali dengan kebenaran MPT. Pada 17 April 2012 kerja-kerja pembersihan telah dijalankan di Taman Pengkalan Sentosa namun pemantauan berterusan tetap dilakukan oleh MPT bagi memastikan aktiviti pencerobohan ini tidak berleluasa.

7.4.1.3. Pelapik Getah Tidak Dipasang Atau Tertanggal

- a. Pelapik getah yang dipasang di kawasan taman permainan kanak-kanak adalah bertujuan untuk mengelakkan kecederaan. Pemeriksaan Audit mendapati 4 taman permainan di Taiping iaitu Taman Tasek, Taman Permainan Kanak-kanak Hadapan Zoo Taiping, Taman Kaya dan Taman Kg. Baru Pokok Asam serta satu di Seri Manjung di mana lawatan susulan Audit di lokasi pada 20 Februari 2012 dan 27 Februari 2012 mendapati pelapik getah masih belum dipasang. Contoh lapik getah tidak dipasang atau tertanggal seperti di **Gambar 7.5** dan **Gambar 7.6**.
- b. Mengikut maklum balas bertarikh 22 Jun 2012, MPT telah menjalankan kerja-kerja pembinaan alat permainan kanak-kanak yang baru pada 25 April 2012 yang telah disumbangkan oleh Kelab Nuri Bank Rakyat sempena ulang tahun kelab tersebut yang ke-5.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Seri Manjung
Tarikh: 25 Julai 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tasek, Taiping
Tarikh: 15 Ogos 2011

7.4.1.4. Penyelenggaraan Tidak Menyeluruh

Kawasan Permainan kanak-kanak biasanya dijaga rapi dan rumput yang tumbuh perlu dipotong secara berjadual. Lawatan Audit mendapati 9 daripada 24 taman permainan milik MPT telah ditumbuhki pokok dan semak samun di penjuru kawasan taman seperti di **Jadual 7.1**. Taman Permainan Kanak-kanak telah ditumbuhki pokok dan semak samun adalah seperti di **Gambar 7.7**. Mengikut maklum balas bertarikh 19 Januari 2012, penyenggaraan berkala pemotongan rumput di taman permainan akan dibuat secara berkala oleh MPM dan MPT.

Jadual 7.1
Kawasan Permainan Kanak-kanak Ditumbuh
Pokok Dan Semak

Bil.	Lokasi	Kawasan
1.	Tmn. Simpang Aman	Simpang
2.	Tmn. Pengkalan Indah	Pengkalan Aur
3.	Taman Kaya	Pengkalan Aur
4.	Tmn. Pengkalan Sentosa	Pengkalan Aur
5.	Tmn. Kuning Sari	Tupai
6.	Taman Bersatu	Asam Kumbang
7.	Tmn. Suria Permai	Kamunting
8.	Tmn. Desa Jaya 1	Kamunting
9.	Tmn. Jana Permai	Kamunting

Sumber: Jabatan Audit Negara



Gambar 7.7
Taman Permainan Kanak-kanak
Ditumbuh Pokok Dan Semak
Samun

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Simpang Aman, Simpang
Tarikh: 16 Ogos 2011

Pada pendapat Audit, pengurusan taman permainan kanak-kanak adalah memuaskan. Kerosakan alat permainan akibat daripada aktiviti vandalism dan perubahan cuaca adalah faktor di luar kawalan. Aktiviti pertanian, semak samun dan keselamatan kanak-kanak menggunakan alat permainan perlu dikawal oleh MPM dan MPT.

7.4.2. Pengurusan Dewan

Majlis Perbandaran Manjung memiliki 10 dewan di mana 3 disewakan, 5 diserahkan kepada pertubuhan/persatuan sementara 2 dewan di Manjung diuruskan sepenuhnya oleh MPM iaitu Dewan Merdeka dan Dewan Tertutup Mini Kompleks Sukan. Majlis Perbandaran Taiping pula memiliki 26 dewan di mana 5 dikendalikan oleh MPT untuk tujuan sewaan harian sementara 21 lagi disewakan kepada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Persatuan. Semakan Audit mendapati:

7.4.2.1. Perjanjian Sewaan

Dokumen Perjanjian di antara MPM/MPT dan penyewa adalah penting bagi memastikan penyewa mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya dan tindakan boleh diambil sekiranya peraturan tidak dipatuhi. Pemeriksaan Audit terhadap penyewa bulanan mendapati dokumen perjanjian tersebut telah dibuat di mana syarat-syarat perjanjian adalah mencukupi bagi menjamin kepentingan MPM/MPT.

7.4.2.2. Dewan Kendalian MPM Dan MPT

- a. Majlis Perbandaran Taiping mengendalikan sepenuhnya 5 dewan untuk tujuan sewaan harian termasuk peralatan dan kemudahan gelanggang permainan. Penyelenggaraan harian kesemua dewan tersebut telah diswastakan bagi memastikan keadaan di dalam dan luar dewan sentiasa bersih, gelanggang permainan dikendalikan sewajarnya, dinding dewan tidak rosak, sawang dibersihkan serta tandas dan bilik persalinan sentiasa boleh digunakan. Lawatan ke Dewan Perbandaran Taiping, Dewan Kamunting dan Dewan Changkat Jering mendapati pengurusan bangunan dewan, peralatan, gelanggang permainan serta kebersihan luar dan dalam dewan adalah dalam keadaan baik. Sementara itu, pengurusan Dewan Merdeka dan Dewan Mini Kompleks Sukan MPM perlu diambil perhatian kerana penyelenggaraan bangunan kurang memuaskan.
- b. Dewan Merdeka sering digunakan oleh orang ramai untuk acara sukan dalaman seperti badminton, sepak takraw dan sebagainya manakala Dewan Mini Kompleks Sukan pula digunakan untuk tujuan latihan dan pertandingan acara sukan. Pemeriksaan terhadap parkir gelanggang Dewan Merdeka mendapati ianya agak licin disebabkan terdapatnya kesan habuk dan juga ada kesan calar akibat daripada tindakan menarik benda berat. Keadaan ini tidak begitu selesa apabila bermain badminton atau sepak takraw. Oleh itu parkir ini perlu selalu dibersihkan dengan menggunakan kain lembap bagi menjamin ianya tahan lama dan sesuai digunakan untuk permainan.
- c. Lawatan dan pemeriksaan Audit pada bahagian dinding Dewan Mini Kompleks Sukan pula mendapati banyak kesan tampalan, paku dan rosak akibat tindakan memaku. Selain itu didapati kerusi dan sofa lusuh diletak di bawah tangga dan ini mencacatkan pemandangan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, semua kerosakan tersebut telah dibaiki oleh pihak Majlis berkenaan. Kerusi dan sofa juga telah dialih dan diletakkan ke dalam stor untuk tindakan pelupusan.

Pada pendapat Audit, pengurusan Dewan Merdeka dan Dewan Mini Kompleks Sukan Manjung adalah memuaskan. Bagaimanapun, MPM perlu sentiasa membuat pemantauan sebelum dan selepas dewan digunakan supaya kejadian dinding dirosakkan tidak berlaku dan kemudahan di dalamnya boleh digunakan dengan sewajarnya.

7.4.3. Pengurusan Wakaf

Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping memiliki 39 dan 22 wakaf untuk orang ramai berehat dan berteduh daripada panas dan hujan. Wakaf ini dibina di tempat tumpuan ramai seperti di Teluk Batik, Lumut, Pulau Pangkor dan Taman Tasek Taiping. Pihak Audit telah membuat lawatan ke 20 wakaf di Manjung dan 22 di Taiping mendapati pengurusan penyelenggaraan wakaf milik MPM dan MPT adalah memuaskan.

7.4.4. Pengurusan Tandas Awam

Majlis Perbandaran Manjung mempunyai 21 unit bangunan tandas di mana 5 unit diuruskan oleh MPM sementara 16 unit lain disewakan. Majlis Perbandaran Taiping pula memiliki 15 unit bangunan di mana 3 unit diurus sendiri oleh MPT sementara 12 unit lain disewakan. Penyewa bertanggungjawab terhadap kebersihan di dalam dan di luar bangunan, bil elektrik dan air serta pembaikan kecil seperti penggantian *flush*, kepala paip, kunci pintu dan sebagainya. Lawatan dan pemeriksaan Audit bersama dengan kakitangan Bahagian Kejuruteraan MPM telah dijalankan pada 19 hingga 27 Julai 2011 sementara MPT pada 15 hingga 22 Ogos 2011. Bangunan dan unit tandas serta bilik mandi yang dilawati milik MPM dan MPT adalah seperti di **Jadual 7.2** dan **Jadual 7.3**.

Jadual 7.2

Bilangan Unit Tandas dan Bilik Mandi Milik MPM

Bil	Kawasan	Unit Bangunan	Diurus oleh Penyewa		Diurus oleh MPM	
			Tandas	Bilik Mandi	Tandas	Bilik Mandi
1.	Seri Manjung	2	14	0	0	0
2.	Lumut	4	29	22	0	0
3.	Pangkor	1	0	0	10	0
4.	Teluk Batik	3	13	35	8	10
5.	Sitiawan	2	5	0	13	9
6.	Kg. Koh	1	7	0	0	0
7.	Ayer Tawar	1	5	0	0	0
8.	Pantai Remis	1	0	0	10	0
Jumlah		15	73	57	41	19

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 7.3

Bilangan Unit Tandas Dan Bilik Mandi Milik MPT

Bil	Kawasan	Diurus oleh Penyewa		Diurus oleh MPT	
		Tandas	Bilik Mandi	Tandas	Bilik Mandi
1.	Jln. Panggung Wayang Bandar Taiping	6	2	0	0
2.	Burmese Pool Bandar Taiping	4	4	0	0
3.	Jln Sultan Mansor Shah Taman Tasek	16	4	0	0
4.	Pusat Dayung Tmn. Tasek Taiping	5	2	0	0
5.	Tapak Pasar Borong Kamunting	5	0	0	0
6.	Batu 2 ½ Simpang	0	0	12	0
7.	Laman Simpang, Jln Kg. Dew	0	0	2	0
8.	Wisma Sari Taiping	4	2	0	0
9.	Zoo Taiping	0	0	10	0
10.	Jalan Zoo (Hadapan Zoo) Taiping	8	0	0	0
11.	Pusat Penjaja Kamunting	6	1	0	0
12.	Jalan Stesen Kamunting	5	0	0	0
Jumlah		59	15	24	0

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.4.4.1. Perjanjian Sewaan Tidak Disediakan

Perjanjian sewaan di antara MPM/MPT dan penyewa perlu disediakan supaya tanggungjawab masing-masing dinyatakan dengan jelas. Pemeriksaan Audit mendapati MPT telah menyediakan perjanjian sewaan yang teratur manakala MPM tidak

menyediakan dokumen perjanjian bagi tempoh tahun 2006 hingga 2011. Mengikut maklum balas MPM bertarikh 19 Januari 2012 dan 27 Januari 2012, penyewa akan menandatangani surat perjanjian sewaan mulai tahun 2012.

7.4.4.2. Tandas Tidak Diselenggarakan

Bangunan tandas yang diuruskan oleh MPT hanyalah 3 unit. Bagaimanapun, 14 unit tandas di Batu 2 1/2 Simpang dan Laman Simpang, Jalan Kg. Dew terbiar tanpa pengurusan. Mengikut maklum balas daripada MPT serta lawatan susulan Audit pada 27 Februari 2012 mendapati kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan MPT ditugaskan menjaga kebersihan dan penyelenggaraan tandas di Batu 2 1/2 Simpang dan Laman Simpang, Jalan Kg. Dew sementara masih belum ada penyewa. Tawaran kepada penyewa tandas bertarikh 20 Jun 2012 telah dikeluarkan.

a. Tandas Kotor

Tanggungjawab MPT dan penyewa adalah memastikan tandas sentiasa dalam keadaan bersih di dalam dan di luar bangunan. Lawatan dan pemeriksaan Audit mendapati Tandas Pusat Dayung Taman Tasek Taiping dan 3 bangunan tandas milik MPM iaitu sebuah di Lumut, sebuah di Pangkor dan sebuah lagi di Teluk Batik telah diuruskan dengan baik. Semua unit tandasnya bersih dan boleh digunakan dan tiada tunggakan sewa oleh penyewa. Bagaimanapun lawatan Audit ke tandas-tandas milik MPT mendapati 11 daripada 12 bangunan tandas atau 91.7% tidak memuaskan kerana mangkuk tandas, lantai atau singki kotor, paip rosak dan sawang tidak dibersihkan. Berdasarkan lawatan susulan Audit pada 27 Februari 2012 didapati kebersihan tandas ini lebih baik berbanding dengan lawatan awal kerana selepas mendapat teguran Audit, MPT telah hantar surat amaran kepada penyewa berkenaan.

b. *Flush* Rosak


- i. Mengikut perjanjian, penyewa bertanggungjawab menjaga dan menyelenggarakan bangunan termasuk lekapan dan lengkapan dalam keadaan baik. Lawatan dan pemeriksaan Audit ke tandas milik MPT mendapati 30 daripada 83 unit iaitu 36.1% *flush* milik MPT dan 5 daripada 114 unit milik MPM tidak berfungsi. *Flush* tandas yang rosak adalah seperti di **Gambar 7.8**.

Gambar 7.8
Flush Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tasek Taiping
Tarikh: 15 Ogos 2011

Gambar 7.9
Flush Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tasek Taiping
Tarikh: 27 Februari 2012

- ii. Lawatan susulan Audit ke MPM pada 20 Februari 2012 dan MPT pada 27 Februari 2012 dan **maklum balas bertarikh 19 Januari 2012 dan 27 Januari 2012 mendapati *flush* rosak telah dibaiki sepenuhnya** seperti di **Gambar 7.9**.

Pada pendapat Audit, pengurusan tandas awam sama ada yang diuruskan oleh MPM dan MPT atau disewakan adalah kurang memuaskan kerana keadaannya yang kotor, *flush* rosak dan terdapat tandas yang tidak diuruskan dengan sempurna.

7.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kemudahan awam diuruskan dengan cekap agar dapat memberi keselesaan kepada pengguna, adalah disyorkan supaya MPM dan MPT mengambil tindakan seperti berikut:

7.5.1. Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping perlu mencari penyelesaian terhadap penggantian alat permainan yang rosak, memastikan keselamatan kanak-kanak ketika bermain, menghalang pencerobohan seperti aktiviti pertanian dalam kawasan taman dan mencabut rangka permainan yang rosak bagi mengelakkan kecederaan.

7.5.2. Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping perlu menyediakan perjanjian penyewaan tandas awam dan memastikan syarat perjanjian dipatuhi oleh penyewa.

7.5.3. Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Taiping perlu segera membaiki kecacatan tandas supaya ia dapat berfungsi dengan sewajarnya dan berkeadaan bersih.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

8. PENGURUSAN ASET BANGUNAN

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967. Objektif penubuhan Perbadanan adalah sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan bertindak sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Untuk mencapai objektif pembangunan ekonomi, Perbadanan telah menceburi pelbagai bidang sosioekonomi antaranya pembangunan, perindustrian, pelancongan, pembangunan harta tanah dan pembinaan.

8.1.2. Sehingga 31 Disember 2011 Perbadanan memiliki 11 bangunan. Empat bangunan diurus sendiri oleh Perbadanan, 6 diserah kepada Anak Syarikat Perbadanan untuk diurus dan 4 disewa kepada Syarikat Swasta. Kos pembinaan bangunan Perbadanan adalah sejumlah RM40.46 juta. Maklumat berkaitan kos pembinaan dan pembahagian pengurusan bangunan adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Kos Pembinaan Dan Pembahagian Pengurusan Bangunan Perbadanan

Bil.	Nama Bangunan	Kos (RM Juta)	Diuruskan/Disewa		
			Perbadanan	Anak Syarikat	Syarikat Swasta
1.	Silveritage Galleria	17.21	/	/	/
2.	Bangunan Megoplex	9.92		/	
3.	Autocom	3.03		/	/
4.	Plot 2, 3 & 4 Vendor Gerik (Kilang)	4.16		/	
5.	Kompleks Yik Foong (4 Lot)	0.83			/
6.	Chalet Teluk Batik	0.51	/		
7.	Banglo Teluk Dalam	0.33		/	
8.	Ipoh Great World (3 Lot)	0.51			/
9.	Rumah Kedai Sri Iskandar	0.21	/		
10.	Kilang P.I.T Khantan	0.15	/		
11.	Creative Content Center Meru Raya	3.60		/	
Jumlah		40.46			

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan aset bangunan Perbadanan telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan terhadap sewaan, penyenggaraan, penggunaan dan keselamatan bangunan. Pengauditan dijalankan terhadap bangunan Kompleks Silveritige Galleria, Megoplex dan Autocom bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen seperti fail, surat perjanjian sewaan, daftar sewaan, daftar penyenggaraan dan laporan tunggakan sewaan serta dokumen lain yang berkaitan. Lawatan fizikal dijalankan di bangunan Perbadanan yang dipilih untuk meninjau keadaan bangunan dan kemudahan yang disediakan oleh Perbadanan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan penyewa turut diadakan untuk mendapatkan pengesahan maklumat dan penjelasan lanjut.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2011 mendapati pada keseluruhannya pengurusan aset bangunan Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan yang menyebabkan kerugian hasil kepada Perbadanan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Pengurusan perjanjian sewa tidak disediakan dan dimuktamadkan.
- Tunggakan sewa tinggi.
- Penyenggaraan bangunan dan kawalan keselamatan kurang memuaskan.

8.4.1. Pengurusan Perjanjian Sewa Bangunan

8.4.1.1. Kompleks Silveritige Galleria - Kompleks Silveritige Galleria (Kompleks) pada mulanya dicadangkan untuk dijadikan sebagai Pusat Budaya Utama Negeri Perak yang merupakan satu-satunya pusat pelancongan komersil bagi menonjolkan seni dan tradisi Perak kepada para pelancong. Kedudukannya adalah strategik di mana ia terletak di jalan utama yang menghubungkan Ipoh dan Kuala Lumpur di samping berada di tengah pusat perniagaan, bank dan pejabat swasta. Kompleks ini telah siap dibina pada 14 Mei 1998 dengan kos sejumlah RM14.49 juta. Kompleks diberi Sijil Layak Menduduki Secara Sementara yang diperbaharui setiap enam bulan kerana Perbadanan masih menjalankan

pengubahsuaian. Objektif asal telah berubah melalui konsep penjenamaan semula bermula pada 1 Februari 2008 hingga 1 Disember 2010 dengan kos sejumlah RM2.72 juta. Pejabat pengurusan Silveritage Galleria ditempatkan di Kompleks diurus oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan adalah seperti di **Jadual 8.2**.

Jadual 8.2
Pembahagian Pengurusan Di Kompleks Silveritage Galleria

Bil.	Perkara	Nama Syarikat	Jenis Syarikat	Tarikh Perjanjian Ditandatangani	Ulasan
1.	Ruang niaga & gerai makan (Lot 1.02 - 1.25, 2.17, No. 1 - 4,10 - 18, 1A - 1B & 2A - 2B)	-	-	-	Diurus oleh Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan (Silveritage Galleria)
2.	Ruang niaga (Lot 1.01,1.26, 2.03 - 2.06, 2.11 - 2.14, 2.18 - 2.25, 2.27 - 2.33) Dewan Taming Sari, bazar, tandas, tapak ekspo, booth & kiosk	Maju Galleria Holdings Sdn. Bhd.	Anak Syarikat Perbadanan	2.1.2009	-
3.	Dewan Cempaka Sari, ruang parkir, kaunter tiket bas tingkat atas, kiosk (KT01 - KT36, K01 - K06)	Aspect Active Sdn. Bhd.	Anak Syarikat Perbadanan	1.1.2010	-
4.	Terminal Bas	Express Variety Sdn. Bhd.	Syarikat Swasta	23.9.2003	-

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

8.4.1.2. Bangunan Megoplex - Pembinaan bangunan Megoplex merupakan salah satu usaha Perbadanan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap kepada peniaga dan usahawan Bumiputera dan juga sebagai salah satu dari pusat membeli belah di Bandaraya Ipoh. Kedudukannya adalah strategik kerana terletak di jalan utama yang menghubungkan Ipoh dan Kuala Lumpur di samping berada di tengah pusat perniagaan. Bangunan ini mempunyai 3 tingkat iaitu ruang niaga dan pejabat untuk disewa. Kemudahan lain adalah *Food Court*, parkir aras bawah, surau dan tandas. Kos pembinaan bangunan adalah sejumlah RM9.92 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki pada 4 April 2002. Bangunan Megoplex diuruskan oleh Kinta Silver Management Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Perbadanan sejak mula beroperasi sehingga 31 Disember 2010. Bagaimanapun mulai bulan Januari tahun 2011 Kinta Silver Management Sdn. Bhd. ditukar nama kepada Maju Perak Property Management Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Kumpulan Maju Perak Holdings Bhd. yang juga merupakan anak syarikat Perbadanan.

8.4.1.3. Bangunan Autocom - Pembinaan bangunan Autocom adalah sebagai One Stop Automobile Service Center bagi menyediakan perkhidmatan penyenggaraan kenderaan di bawah satu bumbung yang diterajui oleh usahawan Bumiputera. Objektif lain adalah bagi menyalurkan perkhidmatan penyenggaraan kenderaan yang canggih menggunakan sistem berkomputer. Perbadanan telah diluluskan peruntukan sejumlah RM4.3 juta oleh Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah RMKe-7. Bangunan ini telah disiapkan pada 8 Januari 1998 dengan kos sejumlah RM3.03 juta dan telah mendapat Sijil Layak Menduduki daripada Majlis Bandaraya Ipoh pada 19 Mac 2001. Eagle Prospect Sdn. Bhd. (EPSB) adalah merupakan anak syarikat di bawah Star Career Sdn. Bhd. iaitu syarikat induk di bawah Perbadanan. Berdasarkan Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Bil. 1 Tahun 1996 bertarikh 23 Ogos 1996, EPSB telah dilantik untuk menguruskan penyewaan Pusat Perkhidmatan Penyenggaraan Kenderaan (Autocom) di Lot 11855, Jalan Tun Razak, Ipoh. EPSB kemudiannya melantik syarikat swasta iaitu SNS Kembara Sdn. Bhd. sebagai penyewa bangunan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

8.4.1.4. Dokumen Perjanjian Tidak Disediakan/Dimuktamadkan

- a. Dokumen perjanjian mengurus bangunan Megoplex di antara Kinta Silver Management Sdn. Bhd. dengan Perbadanan tidak disediakan sejak mula beroperasi hingga tahun 2010. Mulai tahun 2011, Kinta Silver Management Sdn. Bhd. ditukar nama kepada Maju Perak Property Management Sdn. Bhd. dan dokumen perjanjian masih belum disediakan. Bagaimanapun, selepas teguran Audit dokumen perjanjian tersebut disediakan dan ditandatangani pada 30 Januari 2012. Begitu juga dokumen perjanjian mengurus bangunan Autocom di antara Perbadanan dengan EPSB tidak dimuktamadkan sejak tarikh pelantikan EPSB sebagai pengurus bangunan pada 23 Ogos 1996. Bagaimanapun, pada 12 Julai 2011 Perbadanan telah mengambil tindakan menyediakan dokumen tersebut namun masih belum dimuktamadkan. Bagaimanapun selepas teguran Audit perjanjian telah ditandatangani pada 12 Mac 2012.
- b. **Dokumen Perjanjian Sewa Antara Perbadanan/Anak Syarikat Dengan Penyewa Lot Perniagaan Tidak Disediakan**

Perjanjian sewa adalah dokumen penting yang perlu ditandatangani oleh Perbadanan dengan pihak penyewa bagi menjaga kepentingan kedua pihak. Semakan Audit terhadap pengurusan perjanjian sewa mendapati:

- i. 23 daripada 33 orang penyewa yang menyewa ruang niaga dan gerai makan yang diurus oleh Perbadanan di Kompleks Silveritage Galleria tidak mempunyai dokumen perjanjian. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, Perbadanan sehingga kini seramai 24 penyewa masih beroperasi di Kompleks Silveritage Galleria.** Pihak pengurusan Kompleks Silveritage Galleria mengarahkan panel peguam melalui surat Bil. (30) dlm. PKNPk.

55/25/SG/IZHAR bertarikh 8 Jun 2012 untuk menyediakan perjanjian penyewaan baru kepada penyewa berkenaan dan meminta pihak peguam memberi notis kepada penyewa yang gagal hadir untuk menandatangani perjanjian. Pihak Perbadanan juga memaklumkan sebahagian daripada penyewa telah menandatangani perjanjian penjadualan semula hutang tertungak. Manakala bagi ruang niaga di bawah seliaan Maju Galleria Holdings Sdn. Bhd. hanya satu daripada 18 orang penyewa yang mempunyai dokumen perjanjian. Bagaimanapun, perjanjian tersebut masih dalam proses *stamping*. Penyewa enggan menandatangani perjanjian disebabkan perniagaan kurang mendapat sambutan dan ingin diberikan tempoh percubaan terlebih dahulu. **Berdasarkan maklum balas Perbadanan bertarikh 24 Februari 2012**, suasana dan persekitaran Kompleks kurang menjanjikan pulangan keuntungan menyebabkan penyewa mengambil sikap tunggu dan lihat dan kebanyakan penyewa mampu bermiaga untuk tempoh 3 bulan sahaja.

- ii. 21 daripada 40 orang penyewa atau 52.5% mempunyai dokumen perjanjian manakala 19 penyewa ruang niaga di bangunan Megoplex tidak mempunyai dokumen perjanjian. **Berdasarkan maklum balas Perbadanan bertarikh 27 Jun 2012**, perjanjian yang telah tamat adalah dalam proses penukaran perjanjian terdahulu iaitu antara Perbadanan dengan Maju Perak Property Management Sdn. Bhd.(MPPMSB) sebagai penyewa selaras dengan perjanjian penyerahan pengurusan kepada MPPMSB. Di samping itu, MPPMSB dalam proses menyemak semula kadar sewa yang baru dan dijangka pada tahun 2012 semua penyewa akan mempunyai Perjanjian Penyewaan pada kadar sewaan yang telah ditetapkan.

c. Dokumen Perjanjian Penyenggaraan Bangunan Secara Berkala Antara Perbadanan Dengan Kontraktor Tidak Disediakan

Penyenggaraan bangunan perlu dilaksanakan bagi memastikan kebersihan, keselamatan dan kerosakan bangunan sentiasa diurus dengan baik oleh pihak pengurusan yang bertanggungjawab. Kos penyenggaraan bagi ketiga-tiga bangunan adalah seperti di **Jadual 8.3** dan penjelasan lanjut mengenai kelemahan dalam penyenggaraan bangunan adalah seperti berikut:

Jadual 8.3

Kos Penyenggaraan Bangunan Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Bangunan	Kos Senggara/Tahun		
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)
1.	Kompleks Silveritage Galleria	184,474	201,385	142,039
2.	Megoplex	213,389	274,162	168,782
3.	Autocom	Kos penyenggaraan Autocom ditanggung oleh penyewa		
Jumlah		397,863	475,547	310,821

Sumber: Perbadanan/Maju Perak Property Management Sdn. Bhd.

Nota: Maklumat Sehingga September 2011

- i. Penyenggaraan bulanan di Kompleks Silveritage Galleria dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Perbadanan melalui sebut harga manakala penyenggaraan kecil seperti pembaikan kerosakan dilaksanakan oleh Unit Fasiliti Silveritage Galleria. Semakan Audit mendapati 7 kontraktor yang dilantik untuk membuat penyenggaraan tidak mempunyai dokumen perjanjian. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 8.4**. Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, kesemua perjanjian penyenggaraan Kompleks Silveritage Galleria menggunakan surat tawaran dan surat persetujuan penerimaan daripada Kontraktor ke atas tawaran yang dikemukakan. Memandangkan perkhidmatan yang ditawarkan hanya dalam tempoh satu tahun sahaja maka pihak pengurusan tidak menyediakan perjanjian dan hanya berdasarkan surat penerimaan tersebut. Bagaimanapun di masa hadapan pihak pengurusan akan membuat *stamping* ke atas surat penerimaan tawaran yang ditandatangani oleh pihak Kontraktor bagi menggantikan perjanjian tersebut yang boleh dikuatkuasakan dari segi perundangan.

Jadual 8.4
Kontraktor Dilantik Tanpa Dokumen Perjanjian

Bil.	Nama Kontraktor	Jenis Penyenggaraan	Tempoh Lantikan
1.	Sylin Resources	Membersihkan & Mencuci Bangunan	1.10.2009 - 30.9.2010 1.11.2010 - 31.10.2011 Tempoh seterusnya masih dalam proses sebut harga.
2.	Ija Construction	Mengambil & Membuang Sampah	1.10.2009 - 30.9.2010 Tempoh seterusnya masih dalam proses sebut harga.
3.	Sylin Resources	Mengambil & Membuang Sampah	1.11.2010 - 31.10.2011 Tempoh seterusnya masih dalam proses sebut harga.
4.	Majuperak Bio Resources Sdn. Bhd. (Dahulu Teliti Permai Sdn. Bhd.)	Memotong Rumput & Membersihkan Kawasan	1.8.2009 - 31.7.2010 Surat lantikan seterusnya tidak diperoleh.
5.	S.A.S Security Force Sdn. Bhd.	Kawalan Keselamatan	1.5.2010 - 30.4.2012
6.	Skap Alumni Sdn. Bhd.	Sistem Pencegahan Kebakaran	1.10.2008 - 30.9.2009 1.10.2009 - 31.1.2010 1.3.2010 - 28.2.2011 1.3.2011 - 28.2.2013
7.	Daya Kilas Enterprise	Penyenggaraan Alat Hawa Dingin	1.5.2010 - 30.4.2012

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

- ii. Dokumen perjanjian bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011 di antara Kinta Silver Management Sdn. Bhd./Maju Perak Property Management Sdn. Bhd. dengan beberapa syarikat kontraktor yang dilantik oleh Perbadanan secara tahunan tidak disediakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tempoh lantikan selepas tarikh tamat kontrak adalah secara bulanan. Kontraktor yang dilantik tanpa dokumen perjanjian dan tempoh lantikan adalah seperti di **Jadual 8.5**.

Jadual 8.5
Kontraktor Dilantik Tanpa Dokumen Perjanjian Dan Tempoh Lantikan

Bil.	Nama Kontraktor	Jenis Penyenggaraan	Tempoh Lantikan
1.	Daya Kilas Enterprise	Penyenggaraan Alat	1.7.2008 - 30.6.2009
2.	Sentara Gemilang Enterprise	Hawa Dingin	1.7.2009 - 30.6.2010
3.	Sentara Gemilang Enterprise		1.8.2010 - 30.7.2011
4.	Sara Kimia Sdn. Bhd.	Penyenggaraan Menara Penyejuk Bangunan	1.4.2009 - 31.3.2010
5.	Profectway	Mencuci & membersihkan Bangunan	1.11.2008 - 31.10.2009 1.11.2009 - 31.10.2010 1.11.2010 - 31.10.2011
6.	Linex link Enterprise	Mengambil & Membuang Sampah	1.11.2008 - 31.10.2009 1.11.2009 - 31.10.2010
7.	Sylin Resources		1.12.2010 - 31.10.2011
8.	Skap Alumni Enterprise	Sistem Pencegahan Kebakaran	1.8.2009 - 31.7.2010 1.8.2010 - 31.7.2011
9.	S.A.S Security Force Sdn. Bhd.	Kawalan Keselamatan	1.8.2008 - 31.7.2009 1.8.2009 - 31.7.2010 1.8.2010 - 31.7.2011

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan dokumen perjanjian mengurus dan menyenggara bangunan serta perjanjian sewaan adalah kurang memuaskan kerana dokumen perjanjian tidak disediakan dan dimuktamadkan.

8.4.2. Tunggakan Sewa

8.4.2.1. Mengikut Para 2.1 Perjanjian di antara Perbadanan dan penyewa, penyewa hendaklah menjelaskan bayaran sewa pada atau sebelum (7) haribulan bagi setiap bulan tanpa sebarang tuntutan daripada Pemilik. Para 9.1 menyatakan sekiranya sewa tidak dibayar selepas tamat tempoh 14 hari daripada tarikh kena bayar Perbadanan boleh memasuki premis tersebut dan sewaan tersebut secara mutlaknya tamat dan deposit akan disita. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. Setakat 30 September 2011 sejumlah RM2.70 juta tunggakan sewa bagi 101 penyewa di premis Kompleks Silveritage Galleria di bawah seliaan Silveritage Galleria belum dijelaskan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, Perbadanan sedang dalam proses menuntut tunggakan daripada penyewa yang aktif secara penjadualan semula.** Selain itu, seorang penyewa yang tidak aktif sedang dalam tindakan mahkamah. Dua puluh penyewa aktif dan tidak aktif yang mempunyai tunggakan tertinggi sehingga 30 September 2011 berjumlah RM2.27 juta adalah seperti di **Jadual 8.6**.

Jadual 8.6

Tunggakan Sewa Tertinggi Sehingga 30 September 2011

Bil.	Nama Penyewa	Tunggakan/Bulan						Jumlah (RM)
		1 - 3 (RM)	4 - 6 (RM)	7 - 9 (RM)	10-12 (RM)	13 - 24 (RM)	>24 (RM)	
1.	Ekspress Variety Sdn. Bhd.	0	0	0	0	0	767,261	767,261
2.	Ains Restoran Sdn. Bhd.	0	0	0	0	0	294,470	294,470
3.	D Kiff Cafe	10,418	9,503	9,471	9,273	11,452	90,220	140,337
4.	Restoran Salim	0	0	0	0	0	125,367	125,367
5.	Dewan Perniagaan Melayu	0	0	0	0	0	116,564	116,564
6.	Jamaliah Mohd Said	4,931	2,935	3,016	4,437	8,510	75,809	99,638
7.	Syazanaz Multi Corp. Sdn. Bhd.	0	0	0	0	0	95,531	95,531
8.	Pusaka Iras S/B	2,172	3,572	7,272	3,222	16,642	47,810	80,690
9.	Norazilah binti Mokhtar	1,746	1,818	3,626	5,148	4,564	57,942	74,844
10.	Akhdar bin Yasin	0	0	0	0	0	72,684	72,684
11.	Zahanuddin bin Muhamed	4,888	3,690	4,786	4,394	16,758	16,947	51,463
12.	Roti Segar SB	0	0	0	0	0	50,421	50,421
13.	Ruslan Sapian	2,879	2,926	3,086	4,425	11,665	24,705	49,686
14.	Majlis Tindakan Pelancongan	0	0	0	0	0	47,127	47,127
15.	Kasim bin Abd Ghani	6,757	6,456	5,691	5,313	20,343	2,999	47,559
16.	Saloma Coffee Club	0	0	0	0	0	43,604	43,604
17.	Curious Lane Starllas (M) Sdn. Bhd.	0	0	0	0	0	33,001	33,001
18.	Silver Event SB	0	0	0	0	0	31,045	31,045
19.	Hayati binti Johari	0	0	0	0	0	26,423	26,423
20.	Khairul Fadhlil bin Zainal Abidin	4,836	4,800	4,024	3,976	7,260	0	24,896
Jumlah							2,272,611	

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

- b. Setakat 30 September 2011 sejumlah RM78,937 tunggakan sewa bagi 44 penyewa di premis Kompleks Silveritage Galleria di bawah seliaan Maju Galleria Holdings Sdn. Bhd. belum dijelaskan. Namun begitu Maju Galleria Holdings Sdn. Bhd. hanya mengeluarkan notis dan surat peringatan kepada 9 daripada 44 orang penyewa yang mempunyai tunggakan.

- c. Sehingga 30 September 2011 sejumlah RM20,550 tunggakan sewa kaunter tiket bas Perak Roadways di tingkat atas dan Dewan Cempaka Sari di premis Kompleks Silveritage Galleria di bawah pengurusan Aspect Active Sdn. Bhd. belum dijelaskan. **Bagaimanapun berdasarkan maklum balas bertarikh 27 Jun 2012, Perbadanan telah mengambil tindakan untuk menuntut bayaran tunggakan sewa Dewan Cempaka Sari**

dan mengemas kini maklumat penghutang berkenaan. Bagi sewa kaunter tiket bas pihak Perbadanan memberi kelonggaran kepada syarikat sebagai insentif di atas persetujuan beroperasi.

- d. Perbadanan ada mengambil tindakan dengan menghantar notis tuntutan di samping mengambil tindakan memotong bekalan elektrik, tindakan Mahkamah, notis tamat penyewaan dan kaedah kontra kepada penyewa yang gagal membayar sewa dalam tempoh yang ditetapkan bagi bangunan Megoplex. Bagaimanapun tunggakan sewa bagi 130 penyewa premis di bangunan Megoplex sejumlah RM2.03 juta setakat 31 Disember 2010 di bawah pengurusan Kinta Silver Management Sdn. Bhd. masih belum dijelaskan. Mulai 1 Januari 2011 pengurusan Megoplex telah diambil alih oleh Maju Perak Property Management Sdn. Bhd. Bagaimanapun, sehingga 30 September 2011 sejumlah RM211,880 tunggakan sewa bagi 44 penyewa di bawah Maju Perak Property Management Sdn. Bhd. masih belum dijelaskan. Bagaimanapun, setakat 30 September 2011 sejumlah RM2.24 juta tunggakan sewa keseluruhan bagi 174 penyewa di bangunan Megoplex belum dijelaskan. Dua puluh penyewa aktif dan tidak aktif yang mempunyai tunggakan tertinggi sehingga 30 September 2011 berjumlah RM1.47 juta adalah **Jadual 8.7**.

Jadual 8.7

Tunggakan Sewa Tertinggi Bagi 20 Penyewa Aktif Dan Tidak Aktif Sehingga 30 September 2011

Bil.	Nama Penyewa	Tunggakan/Bulan						Jumlah (RM)
		1 – 3 (RM)	4 – 6 (RM)	7 – 9 (RM)	10 – 12 (RM)	13 – 24 (RM)	>24 (RM)	
1.	Zaharah binti Mohd Salleh	1,686	0	0	3,372	22,754	201,989	229,801
2.	Mohd Kassim Selamat	13,152	0	0	5,780	45,865	113,339	178,136
3.	Billion Shopping Centre	29,907	0	0	56,825	77,205	0	163,937
4.	Noor Aiza binti Johan	0	0	0	0	0	139,457	139,457
5.	Mohd Shukeri Jamil bin Umat	7,458	0	0	6,088	37,940	44,195	95,681
6.	Arafat KH A.Abu Khadra	0	0	0	0	0	95,085	95,085
7.	Perabut Zainuddin	11,808	11,808	11,808	7,872	49,873	0	93,169
8.	Abd Mutualib bin Abu Azim	0	0	0	0	0	46,276	46,276
9.	Perak Integrated Network Service	0	0	0	0	0	46,176	46,176
10.	Noorzidah binti Hashim	0	0	0	0	0	43,510	43,510
11.	Nik Rosdi bin Nik Mahmud	3,971	0	0	1,558	3,583	30,566	39,678
12.	Hanisah binti Hussin	5,819	0	0	3,459	8,128	21,196	38,602
13.	Hamzah Kamal bin Osman	2,305	2,305	2,305	1,040	7,910	20,069	35,934
14.	Lai Weng Kheong	4,074	1,358	0	0	10,864	19,012	35,308

Bil.	Nama Penyewa	Tunggakan/Bulan						Jumlah (RM)
		1 – 3 (RM)	4 – 6 (RM)	7 – 9 (RM)	10 – 12 (RM)	13 – 24 (RM)	>24 (RM)	
15.	Siti Eshah binti Abd. Rahman	0	0	0	0	7,707	25,281	32,988
16.	Khairiah binti Samsuni	1,969	0	0	360	7,005	26,588	35,922
17.	Teluk Dalam Resort	0	0	0	0	0	32,544	32,544
18.	Pasaraya D.S	0	0	0	0	0	31,941	31,941
19.	Aerma Nizan	0	0	0	0	0	27,633	27,633
20.	Hashim bin Arshad	1,076	0	0	339	2,560	22,067	26,042
Jumlah							1,467,820	

Sumber: Perbadanan/Maju Perak Property Management Sdn. Bhd.

- e. Terminal Bas di Kompleks Silveritage Galleria mula beroperasi pada 11 Oktober 2004 dan Perbadanan melantik Syarikat Express Variety Sdn. Bhd. (EVSB) sebagai pengurus terminal dengan satu perjanjian dimeterai pada 23 September 2003. Bagaimanapun EVSB gagal menjelaskan sewa mengikut perjanjian sehinggalah tindakan undang-undang diambil seperti mengeluarkan Notis Penamatan Sewaan dan perintah supaya mengosongkan Terminal Bas. Bagi menjaga kepentingan awam, Perbadanan akan mengambil alih pengurusan Terminal Bas Silveritage Galleria melalui *Writ, Seizure and Seal-WSS* menurut *Writ* penyitaan dan Penjualan bernombor 37-11-2011 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Ipoh pada 21 Julai 2011. Sehingga 30 September 2011, EVSB tidak membayar tunggakan sewa sejumlah RM767,261 kepada Perbadanan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan sewa adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat tunggakan sewa yang tidak dapat dikutip sepenuhnya.

8.4.3. Penyenggaraan Bangunan

Semakan Audit terhadap penyenggaraan bangunan di Kompleks Silveritage Galleria pada bulan November dan Disember 2011 adalah seperti berikut:

8.4.3.1. Siling Berlubang Atau Reput

Terdapat siling berlubang atau reput yang mencacatkan pemandangan di dalam tandas Dewan Cempaka Sari dan beberapa bahagian luar Kompleks ini. **Gambar 8.1** dan **Gambar 8.2** menunjukkan siling berlubang dan reput.

Gambar 8.1
Siling Berlubang Atau Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tandas Dewan Cempaka Sari, KSG
Tarikh: 10 November 2011

Gambar 8.2
Siling Berlubang Atau Reput



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Legar, KSG
Tarikh: 10 November 2011

8.4.3.2. Set Bangku Dan Meja Makan Di Gerai Makanan Tingkat Atas Patah Dan Tidak Dibaiki

Pemeriksaan Audit di gerai makanan di tingkat atas Kompleks mendapati set bangku dan meja patah dan tidak dibaiki seperti di **Gambar 8.3** dan **Gambar 8.4**. Keadaan ini menyebabkan ia tidak dapat digunakan selain mencacatkan pemandangan sekitar.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Makanan Tingkat Atas, KSG
Tarikh: 10 November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Gerai Makanan Tingkat Atas, KSG
Tarikh: 10 November 2011

8.4.3.3. Kaunter Tiket Bas Tingkat Atas Tidak Ditutup

Gambar 8.5 dan **Gambar 8.7** menunjukkan kaunter tiket bas tingkat atas yang masih kosong tidak ditutup oleh pengurusan Aspect Active Sdn. Bhd. dengan *Roller Shutter* bagi mengelakkan pencerobohan dan vandalisme. Lawatan susulan pada 1 Mac 2012 mendapati kaunter seperti di **Gambar 8.6** telah ditutup kecuali kaunter seperti di **Gambar 8.7** tidak ditutup kerana binaan *Roller Shutter* tidak disediakan.

Gambar 8.5
Kaunter Tiket Bas Tidak Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Tiket Bas Tingkat Atas, KSG
Tarikh: 10 November 2011

Gambar 8.6
Kaunter Tiket Bas Telah Ditutup



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Tiket Bas Tingkat Atas, KSG
Tarikh: 1 Mac 2012



Gambar 8.7
Kaunter Tiket Bas Tidak Ditutup

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Tiket Bas Tingkat Atas, KSG
Tarikh: 1 Mac 2012

8.4.3.4. Besi Penutup Longkang Hilang/Dicuri

Pemeriksaan Audit di sekitar kawasan parkir aras bawah dan di bahagian luar Kompleks mendapati sebahagian besar besi penutup longkang telah hilang atau dicuri seperti di **Gambar 8.8** hingga **Gambar 8.9**. Keadaan ini boleh menyebabkan tayar kenderaan termasuk ke dalam longkang yang tiada penutup. Walaupun pengawal keselamatan telah disediakan tetapi kecurian penutup longkang masih juga berlaku.

Gambar 8.8
Besi Penutup Longkang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Aras Bawah, KSG
Tarikh: 8 Disember 2011

Gambar 8.9
Besi Penutup Longkang Hilang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Luar KSG
Tarikh: 8 Disember 2011

8.4.3.5. Suasana Gelap Di Parkir Aras Bawah


- a. **Gambar 8.10** dan **Gambar 8.11** menunjukkan suasana gelap di parkir aras bawah Kompleks. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak selamat pengunjung dan pengguna perkhidmatan bas. Menurut penjelasan pegawai bertanggungjawab ini adalah disebabkan pencahayaan lampu menjadi kurang terang kerana terlindung oleh beam yang tebal.

Gambar 8.10
Suasana Gelap Parkir Aras Bawah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Aras Bawah, KSG
Tarikh: 10 November 2011

Gambar 8.11
Suasana Gelap Parkir Aras Bawah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Parkir Aras Bawah, KSG
Tarikh: 8 Disember 2011

- b. Berdasarkan maklum balas Perbadanan bertarikh 27 Jun 2012, pada 8 Mei 2012 Jawatankuasa Sebut harga telah meluluskan kertas kerja untuk membaik pulih kerosakan keseluruhan bangunan Kompleks Silveritage Galleria sebanyak RM249,911. Selain itu, binaan *roller shutter* tidak disediakan kerana ia merupakan laluan orang ramai untuk keluar dan masuk ke kawasan ini.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan penyenggaraan adalah kurang memuaskan kerana terdapat kerosakan dan kebocoran terhadap kemudahan awam yang disediakan.

8.4.4. Kawalan Keselamatan Kurang Memuaskan

8.4.4.1. Kawalan keselamatan merupakan salah satu aspek penting bagi mencegah bangunan daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di samping mengekang sebarang bentuk kegiatan jenayah. Jumlah perbelanjaan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 8.8**.

Jadual 8.8

Jumlah Perbelanjaan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
Bagi Tempoh Tahun 2009 Hingga 2011

Bil.	Bangunan	Jumlah Perbelanjaan/Tahun			Catatan
		2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	
1.	Kompleks Silveritgage Galleria	98,431	66,838	106,509	Perbelanjaan ditanggung oleh Perbadanan
2.	Megoplex	78,397	60,535	28,244	Perbelanjaan ditanggung oleh Maju Perak Property Management Sdn. Bhd. dan dipersetujui oleh Perbadanan
3.	Autocom	-	-	-	Perbelanjaan ditanggung oleh penyewa
Jumlah		176,828	127,373	134,753	

Sumber: Perbadanan/Maju Perak Property Management Sdn. Bhd.

Nota: Maklumat Sehingga September 2011

8.4.4.2. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan keselamatan aset bangunan Perbadanan adalah seperti berikut:

a. Kompleks Silveritgage Galleria

Perbadanan telah melantik sebuah syarikat kawalan keselamatan iaitu S.A.S Security Sdn. Bhd. melalui proses sebut harga pada 29 April 2010. Syarikat ini dipertanggungjawabkan menjaga keselamatan Kompleks dan kawasan sekitar daripada sebarang kecurian atau kerosakan harta benda. Pengawal keselamatan dibahagikan kepada 3 orang dan bertugas mengikut waktu yang ditetapkan dan perlu membuat laporan. Bagaimanapun beberapa kes kecurian besi penutup longkang masih berlaku seperti di **Gambar 8.8** hingga **Gambar 8.9**. Berkaitan perkara itu Perbadanan sedang dalam tindakan untuk menuntut ganti rugi atas kehilangan besi penutup longkang berkenaan. Pihak Audit juga mendapati kamera litar tertutup atau CCTV hanya dipasang di bahagian parkir tetapi tidak berfungsi seperti di **Gambar 8.12**. Perbadanan perlu memastikan keselamatan di Kompleks adalah terjamin kerana keadaan ini boleh menjelaskan keselamatan pengunjung dan kenderaan yang berada di kawasan parkir tersebut. Lawatan susulan pada 1 Mac 2012 mendapati CCTV masih belum berfungsi.



**Gambar 8.12
CCTV Bahagian Parkir**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Aras Bawah Parkir, KSG
Tarikh: 8 Disember 2011

b. Bangunan Megoplex

i. Prestasi Pengawal Keselamatan

Syarikat S.A.S Security Force Sdn. Bhd. telah dilantik bagi tempoh 1 Ogos 2008 hingga 31 Julai 2009 dan disambung sehingga kini. Kawalan keselamatan dijalankan oleh 3 orang pegawai keselamatan yang bertugas mengikut waktu yang ditetapkan. Bagaimanapun berdasarkan Laporan Aduan yang diselenggarakan oleh MPPMSB didapati prestasi pengawal keselamatan kurang berkesan kerana berlaku beberapa kecurian dan vandalisme seperti di **Jadual 8.9.** Berdasarkan maklum balas Perbadanan bertarikh 27 Jun 2012, amaran telah diberi kepada syarikat keselamatan untuk meningkatkan mutu kawalan keselamatan bangunan.

**Jadual 8.9
Laporan Aduan Kes Yang Berlaku Di Sekitar Bangunan Megoplex**

Bil.	Aduan Kes	Tarikh Kejadian	Waktu	Kawasan
1.	Kehilangan sebuah <i>walkie talkie</i> yang digunakan oleh pengawal keselamatan	Laporan pada 4.9.2008	Tiada catatan	Semasa bertugas di kawasan Megoplex
2.	Kecurian Motosikal	28.10.2008	4.00 - 6.00 pm	Tempat letak kereta aras bawah
3.	Kehilangan 2 tong gas dan 3 biji periuk	14.12.2008	Laporan pada 3.00 pm	Gerai makan No.16 di aras satu food court
4.	Kecurian Motosikal	26.12.2008	6.00 - 9.00 pm	Tempat letak motosikal bahagian luar Megoplex
5.	Pintu cermin kereta dipecahkan	21.1.2009	-	Kawasan belakang luar Megoplex
6.	Kehilangan besi penutup longkang	2.4.2010	Disedari pada 8.30 pm	Laluan masuk tempat letak kereta aras bawah
7.	Kecurian motosikal	13.4.2010	10.20 am - 8.00 pm	Tidak dinyatakan.
8.	Kehilangan 5 unit pam tandas	Laporan pada 15.7.2010	11.00 am - 3.00 pm	Tandas Megoplex
9.	Kehilangan makanan ringan	Laporan pada 20.3.2011	Selepas tutup gerai 10.00 pm	Satu unit kiosk makanan segera

Sumber: Maju Perak Property Management Sdn. Bhd.

ii. Kawalan Kamera Litar Tertutup (CCTV)

Pemeriksaan Audit mendapati kawalan CCTV telah dipasang tetapi tidak berfungsi seperti di **Gambar 8.13** dan **Gambar 8.14**. Pihak MPPMSB masih belum menggunakan kawalan CCTV kerana masih di peringkat perbincangan dengan pihak Perbadanan. Berdasarkan lawatan susulan pada 7 Mac 2012 CCTV masih belum berfungsi.

Gambar 8.13
CCTV Dipasang Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Tangga Megoplex
Tarikh: 5 Oktober 2011

Gambar 8.14
CCTV Dipasang Tidak Berfungsi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Legar hampir Tandas Megoplex
Tarikh: 5 Oktober 2011

c. Bangunan Autocom

Pemeriksaan Audit mendapati kawalan CCTV telah dipasang tetapi tidak berfungsi seperti di **Gambar 8.15**.



Gambar 8.15
CCTV Dipasang Tidak Berfungsi

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bangunan Autocom
Tarikh: 5 Oktober 2011

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan keselamatan di Kompleks Silveratage Galleria, bangunan Megoplex dan bangunan Autocom adalah kurang memuaskan kerana CCTV tidak berfungsi.

8.5. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya pengurusan aset bangunan Perbadanan adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan, adalah disyorkan Perbadanan mengambil tindakan untuk:

8.5.1. Menyediakan dan memuktamadkan dokumen perjanjian dengan penyewa/syarikat bagi menjaga kepentingan kedua pihak dan melaksanakan syarat perjanjian dengan sepenuhnya.

8.5.2. Memastikan pengurusan sewa dilaksanakan mengikut dokumen perjanjian.

8.5.3. Memastikan penyenggaraan terhadap aset bangunan dilaksanakan mengikut perjanjian dan menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua bangunan Perbadanan.

8.5.4. Meningkatkan tahap kawalan keselamatan bangunan bagi menjamin keselamatan harta benda Perbadanan serta keselamatan pengguna.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

9. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat tersebut. Pada tahun 2011, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit syarikat subsidiari Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) iaitu Star Career Sdn. Bhd., Perak Halal Corporation Sdn. Bhd. dan syarikat subsidiari Yayasan Perak iaitu YP Nominees Holdings Sdn. Bhd.. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan dilaporkan di **Bahagian ini**.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

10. STAR CAREER SDN. BHD.

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Star Career Sdn. Bhd. (Syarikat) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dengan 100% ekuiti. Syarikat ditubuhkan pada 9 Januari 2001 di bawah Akta Syarikat 1965. Kegiatan utama Syarikat adalah sebagai syarikat pelaburan bertujuan untuk pemulihan dan pelupusan syarikat-syarikat kepunyaan PKNP atau syarikat di mana PKNP ada mempunyai kepentingan. Sehingga 31 Disember 2010, Syarikat beroperasi dengan modal saham dibenarkan RM100,000 dan modal saham berbayar RM50,000.

10.1.2. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab menguruskan aktiviti harian syarikat serta melaporkan hal ehwal pengurusan syarikat kepada Lembaga Pengarah. Pengarah Eksekutif dibantu oleh seorang Penolong Pengurus Kewangan dan 3 orang Eksekutif Akaun.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbangkan kepada prestasi tersebut. Pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama syarikat dengan tumpuan terhadap prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat yang dilaksanakan bagi tahun 2009 hingga 2011. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend di lakukan berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2008 hingga 2010. Semakan dibuat terhadap rekod serta dokumen yang berkaitan bagi tempoh 3 tahun. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Syarikat yang terlibat.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat kurang memuaskan. Adalah didapati Syarikat masih tidak mampu memberi pulangan dividen kepada PKNP yang memegang 100% ekuiti sahamnya. Pada tahun 2010, Syarikat mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM6.97 juta berbanding dengan kerugian terkumpul berjumlah RM13.49 juta pada tahun 2009. Analisis Audit terhadap penyata kewangan syarikat subsidiari Syarikat bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan 10 daripada 11 buah syarikat subsidiari mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2010 dan 2 buah syarikat subsidiari tidak memperoleh pendapatan 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, tindakan tidak diambil terhadap syarikat subsidiari yang tidak berdaya maju malah terdapat peningkatan perbelanjaan pentadbiran. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan Syarikat dan syarikat subsidiari, pengurusan aktiviti serta tadbir urus Syarikat adalah seperti berikut:

10.4.1. Prestasi Kewangan

10.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit mendapati keuntungan bersih Syarikat bagi tahun 2008 adalah berjumlah RM95.20 juta. Manakala pada tahun 2009 Syarikat menanggung kerugian bersih berjumlah RM29,929. Pada tahun 2010 pula, Syarikat memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM6.52 juta. Pengurangan kerugian pada tahun 2009 disebabkan penurunan dalam peruntukan rosot nilai pulih semula berjumlah RM107.62 juta pada tahun 2008 berbanding dengan RM30,849 pada tahun 2009.

Pada tahun 2010 Syarikat memperoleh pendapatan daripada keuntungan penjualan tanah dan saham yang masing-masing berjumlah RM7.67 juta dan RM0.60 juta. Syarikat mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM13.46 juta pada tahun 2008 dan kerugian meningkat kepada RM13.49 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, kerugian terkumpul Syarikat telah menurun kepada RM6.97 juta.

- b. Pendapatan Syarikat terdiri daripada yuran perkhidmatan perakaunan dan yuran perkhidmatan pengurusan. Pada tahun 2008 pendapatan yang diterima oleh Syarikat adalah berjumlah RM107.92 juta dan telah menurun sejumlah RM107.58 juta menjadi RM0.34 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, jumlah pendapatan Syarikat telah meningkat kepada RM11.69 juta iaitu peningkatan sejumlah RM11.35 juta. Penurunan dan peningkatan pendapatan bagi tahun 2009 dan 2010 disebabkan pelarasian semula peruntukan rosot nilai saham.
- c. Perbelanjaan Syarikat pada tahun 2008 berjumlah RM12.72 juta telah menurun kepada RM0.37 juta pada tahun 2009 iaitu penurunan sejumlah RM12.36 juta ataupun 97.1%. Manakala perbelanjaan pada tahun 2010 telah meningkat kepada RM5.17 juta iaitu peningkatan sejumlah RM4.80 juta berbanding dengan tahun 2009. Perbelanjaan menurun pada tahun 2009 kerana penurunan dalam peruntukan rosot nilai saham dan hapus kira saham yang masing-masing berjumlah RM11.61 juta dan RM0.84 juta. Pada tahun 2010 peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan oleh peningkatan dalam rosot nilai lain-lain pelaburan dan peruntukan hutang ragu yang masing-masing berjumlah RM3.69 juta dan RM1.17 juta.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan atau kerugian bersih Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.1, Carta 10.1** dan **Carta 10.2**.


Jadual 10.1

Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Perkara	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	0.30	0.31	0.38
Perbelanjaan Operasi	-	-	-
Untung Kasar	0.30	0.31	0.38
Pendapatan Lain	-	-	11.31
Peruntukan Rosot Nilai Pulih Semula	107.62	0.03	-
Peruntukan Rosot Nilai Saham	-11.61	-	
Rosot Nilai Lain-lain Pelaburan	-	-	-3.69
Perbelanjaan Pentadbiran	-1.11	-0.37	-1.48
Untung/(Rugi) Operasi	95.20	-0.03	6.52
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	95.20	-0.03	6.52
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih	95.20	-0.03	6.52
Untung/(Rugi) Terkumpul	-13.46	-13.49	-6.97


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 10.1
Trend Keuntungan/Kerugian Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 10.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

10.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat dengan lebih jelas, beberapa jenis analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjuk dalam Lembaran Imbang dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

Jadual 10.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.12:1	2.25:1	2.61:1
Margin Untung/(Rugi) Bersih %	88	(9)	56
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	2.83:1	-0.0003:1	0.08:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	7.10:1	-0.02:1	0.79:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 0.12:1 pada tahun 2008, 2.25:1 pada tahun 2009 dan 2.61:1 pada tahun 2010. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat mempunyai kecairan yang mencukupi dan berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Bagaimanapun, kedudukan nisbah ini tidak menunjukkan keadaan sebenar kerana pada tahun 2009 Syarikat mengambil kira hutang syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu berjumlah RM55.97 juta yang dipindah ke akaun Syarikat sebagai

tanggungan semasa manakala pembayaran balik hutang tersebut sebagai tanggungan bukan semasa.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan peningkatan kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, Syarikat telah memperoleh keuntungan sejumlah RM0.88 pada tahun 2008. Manakala bagi tahun 2009 Syarikat mengalami kerugian sejumlah 9 sen bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan. Syarikat memperoleh keuntungan sejumlah RM0.56 pada tahun 2010 bagi setiap ringgit hasil pendapatan. Kedudukan nisbah ini menunjukkan kedudukan kewangan Syarikat masih tidak stabil kerana tidak berkemampuan untuk menjana keuntungan kepada syarikat secara berterusan.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Aset Syarikat adalah 2.83:1 pada tahun 2008 dan telah menurun kepada 0.0003:1 pada tahun 2009 dan meningkat semula kepada 0.08:1 pada tahun 2010. Ini menunjukkan Syarikat tidak mampu menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti Syarikat adalah sebanyak 7.10:1 pada tahun 2008 dan telah menurun kepada 0.02:1 pada tahun 2009. Pada tahun 2010 Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti telah meningkat semula kepada 0.79:1. Ini menunjukkan syarikat tidak berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham memandangkan penurunan yang mendadak pada tahun 2009.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat kurang memuaskan. Walaupun nisbah semasa menunjukkan Syarikat mempunyai tahap kecairan yang baik tetapi keadaan ini tidak menunjukkan kedudukan kewangan sebenar Syarikat kerana Syarikat mengambil kira hutang syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu sebagai

tanggungan semasa. Manakala pembayaran balik hutang tersebut dianggap sebagai tanggungan bukan semasa.

10.4.2. Pengurusan Aktiviti

Satu perjanjian telah ditandatangani pada 31 Disember 2001 antara Syarikat dan PKNP untuk menerima dan menguruskan sejumlah 57 buah syarikat pegangan PKNP yang terdiri daripada 25 buah syarikat subsidiari, 14 buah syarikat bersekutu dan 18 buah syarikat pelaburan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2011, 30 syarikat telah dilupuskan. Sehingga akhir tahun 2011, terdapat 13 buah syarikat subsidiari, 11 buah syarikat bersekutu dan 11 buah syarikat pelaburan masih di bawah pengurusan Syarikat. Prestasi pemulihan dan pelupusan syarikat-syarikat adalah seperti di **Jadual 10.3**.

Jadual 10.3

Prestasi Pemulihan Dan Pelupusan Syarikat Subsidiari/Bersekutu/Pelaburan
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2011

Tahun	Bil. Syarikat Subsidiari		Bil. Syarikat Bersekutu		Bil. Syarikat Pelaburan		Bil. Pada Akhir Tahun
	Tambah	Lupus	Tambah	Lupus	Tambah	Lupus	
2001	25	-	14	-	18	-	57
2002	4	-	1	-	-	-	62
2003	-	-	-	1	-	-	61
2004	-	7	-	1	-	1	52
2005	-	2	1	-	-	1	50
2006	-	-	-	1	-	2	47
2007	-	1	-	1	-	1	44
2008	-	1	-	-	-	2	41
2009	-	3	-	1	-	-	37
2010	-	-	1	1	1	-	38
2011	-	2	-	-	-	1	35
Jumlah	29	16	17	6	19	8	35

Sumber: Rekod Syarikat

10.4.2.1. Prestasi Kewangan Syarikat Subsidiari

Analisis Audit telah dijalankan terhadap penyata kewangan bagi 13 daripada 15 buah syarikat subsidiari Syarikat bagi tahun 2008 hingga 2009 kerana penyata kewangan 2 buah syarikat subsidiari iaitu Minda Kancil Sdn. Bhd dan Syarikat Kayu Kayan Bersekutu Sdn. Bhd. tidak disediakan dan dalam proses pelupusan. Bagi tahun 2010 pula analisis hanya dibuat terhadap 11 buah syarikat subsidiari kerana 2 buah syarikat subsidiari dalam proses pelupusan. Adalah didapati:

a. Pendapatan Syarikat Subsidiari

- i. Kedudukan pendapatan syarikat subsidiari bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

Jadual 10.4**Kedudukan Pendapatan Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2008 Hingga 2010**

Bil.	Nama Syarikat Subsidiari	Tahun		
		2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
1.	Abid Samudera Sdn. Bhd.	546,076	2,409,028	3,521,941
2.	Scenic Bayview Beach Motel Sdn. Bhd.	7,687,896	130,846	19,252
3.	Sergap Berkat Sdn. Bhd.	6,188	6,188	6,188
4.	Centre Of Franchise Sdn. Bhd.	-	-	-
5.	Fast Continent Sdn. Bhd.	-	-	-
6.	Aspect Active Sdn. Bhd.	1,325,728	377,494	522,869
7.	Bidari Metro Sdn. Bhd.	205,778	285,188	6,000
8.	Chemor Ceramic Sdn. Bhd.	84,096	115,409	95,742
9.	Cherry Blossom Sdn. Bhd.	286,926	3,266,238	250
10.	Eagle Prospect Sdn. Bhd.	71,813	88,243	85,527
11.	Maju Galleria Sdn. Bhd.	37,470	80,183	58,758
12.	Maju Bangun Sdn. Bhd.	490,104	145,077	TM
13.	Tourism Perak Sdn. Bhd.	9,000	1,037,154	TM
Jumlah		10,751,075	7,941,048	4,316,527

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari

Nota: TM –tiada maklumat

ii. Semakan Audit mendapatkan perkara seperti berikut:

- Syarikat Abid Samudera Sdn. Bhd. (ASSB) menjalankan aktiviti perniagaan pengurusan resort pelancongan dan percutian. ASSB mempunyai sebuah resort iaitu Resort Teluk Dalam di Pulau Pangkor. Syarikat Ghazain Hotel Management Sdn. Bhd. (GHMSB) telah menguruskan resort tersebut melalui satu perjanjian konsesi yang ditandatangani pada 1 November 2004 untuk tempoh selama 8 tahun. GHMSB dikehendaki membayar yuran konsesi dan royalti kepada pemilik resort. Bagaimanapun GHMSB telah menamatkan perjanjian konsesi tersebut pada bulan November 2009. Pengurusan resort telah diuruskan semula oleh ASSB. Pada tahun 2009, ASSB memperoleh peningkatan pendapatan disebabkan syarikat mendapat pengecualian bayaran balik hutang berjumlah RM1.22 juta, hutang lapuk yang dipulih semula berjumlah RM1,115 dan bakinya sejumlah RM1.19 juta daripada aktiviti Syarikat. Pada tahun 2010, pendapatan ASSB telah meningkat kepada RM3.52 juta.
- Syarikat Scenic Bayview Beach Motel Sdn. Bhd. (SBBM) tidak memperoleh pendapatan daripada aktiviti sejak tahun 2008 hingga 2010. Pendapatan yang diperoleh bagi tempoh tersebut terdiri daripada pengecualian bayaran balik hutang dan diskauan diterima. Pendapatan yang tinggi diperoleh pada tahun 2008 merupakan keuntungan daripada pelupusan aset yang berjumlah RM6.59 juta.
- Syarikat Sergap Berkat Sdn. Bhd. memperoleh dividen tetap RM6,188 setiap tahun daripada pelaburan dalam saham siar harga.

- Syarikat Centre Of Franchise Sdn. Bhd. dan Fast Continent Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat yang tidak aktif atau dorman tidak memperoleh sebarang pendapatan bagi 3 tahun berturut-turut.
- Aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat Aspect Active Sdn. Bhd. adalah dalam pengurusan harta tanah. Syarikat memperoleh pendapatan yang tinggi pada tahun 2008 hasil daripada jualan rumah kedai berjumlah RM1.18 juta.
- Syarikat Bidari Metro Sdn. Bhd. (BMSD) menjalankan aktiviti penyewaan harta tanah. Pada tahun 2010 tiada pendapatan diterima. Amaun berjumlah RM6,000.00 adalah pendapatan yang terkurang dinyatakan pada tahun 2009.
- Syarikat Cherry Blossom Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat pelaburan. Pada tahun 2008 pendapatan yang diterima adalah caj faedah, dividen, perkhidmatan pengurusan dan hutang lapuk terpulih. Pada tahun 2009 pula adalah daripada hutang lapuk terpulih dan rosot nilai saham. Pada tahun 2010, RM250 adalah pendapatan daripada dividen.
- Syarikat Maju Bangun Sdn. Bhd. dan Tourism Perak Sdn. Bhd. adalah dalam proses pelupusan.

b. Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai

- i. Kedudukan keuntungan/kerugian syarikat subsidiari sebelum cukai bagi tahun 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 10.5**.

Jadual 10.5

Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai Syarikat Subsidiari Bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Bil.	Nama Syarikat Subsidiari	Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai		
		2008 (RM)	2009 (RM)	2010 (RM)
1.	Eagle Prospect Sdn. Bhd.	63,095	80,716	69,876
2.	Aspect Active Sdn. Bhd.	109,007	29,149	(4,356)
3.	Bidari Metro Sdn. Bhd.	195,280	273,939	(21,622)
4.	Scenic Bayview Beach Motel Sdn. Bhd.	7,480,841	62,313	(68,327)
5.	Abid Samudra Sdn. Bhd.	(87,565)	655,075	(903,759)
6.	Chemor Ceramic Sdn. Bhd.	46,771	(112,551)	(50,270)
7.	Cherry Blossom Sdn. Bhd.	(2,848,131)	2,927,970	(386,221)
8.	Centre Of Franchies Sdn. Bhd.	(6,513)	(4,726)	(8,040)
9.	Fast Continent Sdn. Bhd.	(658,996)	(32,102)	(13,097)
10.	Maju Galleria Sdn Bhd.	(72,832)	(58,672)	(138,904)
11.	Sergap Berkat Sdn. Bhd.	(4,900,767)	(104,002)	(67,570)
12.	Maju Bangun Sdn. Bhd	(311,942)	(688,522)	TM
13.	Tourism Perak Sdn. Bhd.	(84,676)	-	TM
Jumlah		(1,076.428)	3,028,587	(1,592,290)

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari

Nota: TM –Tiada Maklumat

- ii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, 10 daripada 11 syarikat subsidiari mengalami kerugian sebelum cukai manakala 2 syarikat subsidiari lain adalah dalam proses pelupusan. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:
- Syarikat Eagle Prospect Sdn. Bhd. memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 3 tahun berturut-turut.
 - Tiga buah syarikat subsidiari iaitu Aspect Active Sdn. Bhd., Bidari Metro Sdn. Bhd. dan Scenic Bayview Beach Motel Sdn. Bhd. (SBBM) memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi 2 tahun dan mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2010. SBBM memperoleh keuntungan sebelum cukai yang tinggi pada tahun 2008 disebabkan keuntungan pelupusan aset sejumlah RM6.59 juta.
 - Tiga buah syarikat subsidiari iaitu Abid Samudera Sdn. Bhd. (ASSB), Chemor Ceramic Sdn. Bhd. dan Cherry Blossom Sdn. Bhd. (CBSB) mengalami kerugian sebelum cukai bagi 2 tahun. Pendapatan ASSB pada tahun 2009 berjumlah RM2.41 juta meningkat kepada RM3.52 juta pada tahun 2010 masih mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM0.90 juta disebabkan perbelanjaan meningkat sebanyak 156.1% iaitu daripada RM1.73 juta kepada RM4.43 juta. Keuntungan sebelum cukai yang diperoleh oleh CBSB berjumlah RM2.93 juta disebabkan hutang lapuk yang terpulih berjumlah RM0.88 juta dan rosot nilai saham pulih semula berjumlah RM2.38 juta. Ketiga-tiga syarikat subsidiari mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2010.
 - Empat buah syarikat subsidiari iaitu Centre Of Franchies Sdn. Bhd., Fast Continent Sdn. Bhd., Maju Galleria Sdn. Bhd. dan Sergap Berkat Sdn. Bhd. mengalami kerugian sebelum cukai 3 tahun berturut-turut.
 - Syarikat Maju Bangun Sdn. Bhd. dan Tourism Perak Sdn. Bhd. adalah dalam proses pelupusan.
- iii. Semakan Audit mendapati yuran perakaunan yang dikenakan bagi menyediakan rekod dan penyata kewangan syarikat subsidiari telah meningkat daripada RM78,000 pada tahun 2009 kepada RM0.16 juta pada tahun 2010.

c. **Pegangan Aset**

Aset yang dipegang oleh syarikat subsidiari adalah terdiri daripada harta tanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, pegangan aset syarikat subsidiari telah menurun sejumlah RM2.08 juta iaitu 5.4% daripada RM38.74 juta pada tahun 2008 kepada RM36.67 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, pegangan aset syarikat subsidiari

telah meningkat sejumlah RM0.27 juta iaitu 0.7% daripada RM36.67 juta kepada RM36.94 juta.

d. Liabiliti

Liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat subsidiari antaranya adalah hutang kepada PKNP, Syarikat dan syarikat lain, bayaran terakru, overdraf, pinjaman dan sebagainya. Secara keseluruhannya, liabiliti syarikat subsidiari telah menurun bagi 3 tahun berturut-turut. Baki liabiliti berjumlah RM82.08 juta pada tahun 2008 menjadi RM77.09 juta pada tahun 2009 iaitu penurunan sejumlah RM4.99 juta ataupun 6.1%. Pada tahun 2010, baki liabiliti menurun sejumlah RM5.46 juta iaitu 7.1% kepada RM71.64 juta.

Pada pendapat Audit, prestasi syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan. Syarikat subsidiari yang tidak berdaya maju masih mengalami kerugian yang berterusan.

10.4.3. Tadbir Urus Korporat

10.4.3.1. Jawatankuasa Audit Pengurusan Kumpulan Syarikat

- a. Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan antaranya adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas syarikat induk dan semua lapisan syarikat subsidiari dan bersekutu. Jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 4 bulan atau seperti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Pada bulan Februari 2005, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan pembentukan Jawatankuasa Pelaburan Dan Audit Pengurusan yang terdiri daripada 5 orang ahli Lembaga Pengarah dan Pengurus Unit Audit Dalam (UAD) PKNP sebagai Setiausaha. Jawatankuasa ini ditubuhkan antara lain untuk mengkaji secara terperinci dan mengambil tindakan sewajarnya atas cadangan dan teguran daripada UAD PKNP kepada Syarikat.
- b. Semakan Audit juga mendapati Jawatankuasa Pelaburan Dan Audit Pengurusan tidak bermesyuarat pada tahun 2006 hingga 2009. Pada bulan November 2010 Lembaga Pengarah memutuskan mengeluarkan fungsi pelaburan daripada Jawatankuasa Pelaburan Dan Audit Pengurusan dan nama Jawatankuasa dipinda kepada Jawatankuasa Audit Pengurusan Kumpulan Syarikat. Jawatankuasa ini bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2010 dan sebanyak 4 kali pada tahun 2011. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah laporan Audit yang disediakan oleh UAD PKNP hasil pengauditan di syarikat-syarikat subsidiari Syarikat dan cadangan rancangan kerja audit tahunan.

10.4.3.2. Perancangan Strategik Dan Petunjuk Prestasi Utama

Syarikat Kerajaan perlu menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) selaras dengan perancangan strategik dan sasaran yang ditetapkan bagi syarikat dan unit perniagaan setiap enam bulan atau setahun sekali. Pekeliling Perbendaharaan Bil 12 Tahun 1993 menyatakan semua syarikat Kerajaan perlu menyediakan serta mengemas kini strategi dan rancangan korporatnya sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat, dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat induk selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan perancangan strategik selaras dengan perancangan strategik yang disediakan oleh PKNP. Bagaimanapun berdasarkan kepada laporan suku tahun yang disediakan, terdapat tiga kategori KPI disasarkan iaitu tempoh penyelesaian hutang Syarikat dengan PKNP, penyelesaian penutupan syarikat subsidiari yang dorman dan tempoh menyelesaikan pengauditan penyata kewangan Syarikat.

10.4.3.3. Pengurusan Risiko

Setiap aktiviti perniagaan terdedah kepada pelbagai risiko kewangan dan pengurusan termasuk risiko kredit, kadar faedah, pasaran, kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti, mengimbangi dan mengawal risiko yang terdedah kepadanya. Justeru, kaedah atau tindakan dapat dikenal pasti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan. Sehubungan itu, pihak pengurusan sesebuah syarikat adalah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut secara lebih teratur dengan menyediakan polisi serta prosedur bagi menguruskannya. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan polisi dan prosedur bagi pengurusan risiko syarikat. **Mengikut maklum balas bertarikh 3 Februari 2012, Syarikat telah mengambil maklum perkara ini.**

10.4.3.4. Pembiutang

Kedudukan baki pembiutang Syarikat mengikut penyata kewangan bagi tahun 2008 hingga 2010 masing-masing berjumlah RM2.39 juta, RM2.44 juta dan RM2.50 juta. Semakan Audit mendapati Syarikat berhutang dengan Syarikat Majuperak Berhad sejumlah RM2.38 juta pada tahun 2008 hingga 2010. Bakinya adalah merupakan bayaran kepada Juruaudit dan Setiausaha, pengambilalihan hutang subsidiari yang telah dilupuskan serta pembelian saham Maju Bangun Sdn. Bhd. **Mengikut maklum balas Syarikat bertarikh 3 Februari 2012, pembayaran kepada pembiutang akan dibuat apabila Syarikat mendapat lebihan tunai selepas perbelanjaan operasi selesai dibayar.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat Syarikat kurang memuaskan kerana perancangan strategik, polisi dan prosedur serta pengurusan risiko syarikat tidak disediakan. Selain itu, didapati pembayaran tidak dibuat kepada pembiutang Syarikat dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

10.5. SYOR AUDIT

Adalah disyorkan Syarikat mengambil tindakan berikut bagi tujuan penambahbaikan prestasi syarikat:

10.5.1. Menyediakan perancangan strategik Syarikat selaras dengan perancangan strategik PKNP dan memastikan kejayaan pemulihan dan pelupusan syarikat subsidiari mengikut perancangan.

10.5.2. Mengadakan polisi risiko sebagai panduan bagi memperkemaskan lagi pengurusan Syarikat.

10.5.3. Memperkemas dan mengamalkan tadbir urus korporat dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan Negeri Perak.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

11. PERAK HALAL CORPORATION SDN. BHD.

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Perak Halal Corporation Sdn. Bhd. (Syarikat) yang dahulu dikenali sebagai Tekal Mayang Sdn Bhd (TMSB) telah ditubuhkan pada 5 Februari 1999. Penukaran nama syarikat dari TMSB ke Perak Halal Corporation Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada 2 April 2008. Syarikat merupakan sebuah syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) yang memiliki 100% ekuiti. Objektif penubuhan Syarikat adalah untuk menjadi penggerak utama dalam memajukan industri halal di Negeri Perak. Syarikat juga menyelaraskan program latihan dan kursus halal bagi menambah para pengusaha atau pelabur berkaitan pemprosesan dan logistik dalam proses pengeluaran produk halal, serta memberi bantuan dan bimbingan kepada usahawan atau pelabur berkaitan pensijilan halal. Sehingga akhir tahun 2010, modal saham dibenarkan Syarikat berjumlah RM100,000 dan modal berbayar berjumlah RM2.

11.1.2. Lembaga Pengarah dianggotai oleh 3 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M & A) dan Akta Syarikat 1965. Seorang Ahli Lembaga Pengarah telah dilantik sebagai Pengerusi Syarikat. Pengurusan harian diketuai oleh seorang Pengarah Urusan dan dibantu oleh 7 orang kakitangan bagi memastikan hal berkaitan pentadbiran Syarikat berjalan dengan lancar.

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbangkan kepada prestasi tersebut. Pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek latar belakang syarikat, pengurusan organisasi, jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur, pengurusan kewangan serta operasi dan aktiviti syarikat yang dilaksanakan bagi tahun 2009 hingga 2011. Aspek yang ditekankan ialah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend yang dilakukan secara perbandingan dengan indeks prestasi Syarikat berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi

tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum & Artikel (M&A) Syarikat, Akta Syarikat 1965, standard yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan *Financial Reporting Standard* (FRS), minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail kesetiausahaannya, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Syarikat yang terlibat serta lawatan ke tapak projek yang menjalankan aktiviti Syarikat.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat kurang memuaskan. Kerugian terkumpul Syarikat sehingga tahun 2010 adalah sejumlah RM1.79 juta. Syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM0.46 juta pada tahun 2010 berbanding kerugian bersih RM0.20 juta pada tahun 2009 dan RM0.03 juta pada tahun 2008. Pengurusan aktiviti utama Syarikat yang berkaitan dengan juru perunding pengurusan (*management consultant*) adalah kurang memuaskan kerana hasil pendapatan yang diperoleh masih tidak mampu menampung kos operasi syarikat yang tinggi. Ini kerana bagi tempoh 2009 hingga 2011 Syarikat masih di peringkat pra operasi. Penjelasan lanjut berhubung dengan Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat adalah seperti berikut:

11.4.1. Prestasi Kewangan

11.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit mendapati kerugian terkumpul Syarikat sehingga 31 Disember 2010 adalah sejumlah RM1.79 juta. Kerugian bersih Syarikat meningkat 566.7% daripada RM0.03 juta pada tahun 2008 kepada RM0.20 juta pada tahun 2009. Kerugian Syarikat terus meningkat 130% kepada RM0.46 juta pada tahun 2010. Peningkatan kerugian pada tahun 2009 adalah kerana Syarikat menyatakan penyata kewangan Syarikat dan anak syarikatnya bermula tahun 2009. Ini menyebabkan perbelanjaan pentadbiran Syarikat meningkat.
- b. Syarikat tidak mempunyai pendapatan untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 kerana operasi Syarikat hanya bermula pada bulan April 2011.
- c. Perbelanjaan Syarikat pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.17 juta iaitu 566.7% daripada RM0.03 juta pada tahun 2008 kepada RM0.20 juta. Manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM0.26 juta iaitu 130.0% kepada RM0.46 juta berbanding RM0.20 juta pada tahun 2009. Peningkatan perbelanjaan operasi pada tahun 2009 adalah kerana Syarikat mula menyatakan penyata kewangan Syarikat dan anak syarikatnya menyebabkan perbelanjaan pentadbiran Syarikat meningkat. Manakala peningkatan perbelanjaan pada tahun 2010 adalah disebabkan peningkatan kos operasi pentadbiran Syarikat.

- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan atau kerugian bersih Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 11.1**, **Carta 11.1** dan **Carta 11.2**.

Jadual 11.1


Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	-	-	-
Kos Jualan	-	-	-
Untung Kasar	-	-	-
Pendapatan Lain	-	-	-
Perbelanjaan Pentadbiran	-0.03	-0.20	-0.46
Untung/(Rugi) Operasi	-0.03	-0.20	-0.46
Kos Kewangan	-	-	-
Pendapatan Pelaburan	-	-	-
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	-0.03	-0.20	-0.46
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih	-0.03	-0.20	-0.46
Untung/(Rugi) Terkumpul	-0.12	-0.32	-1.79

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 11.1


Trend Kerugian Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 11.2

Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

11.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 11.2**.

Jadual 11.2
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.47:1	0.51:1	0.10:1
Margin Rugi Bersih (%)	-	-	-
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.27:1	-0.16:1	-2.00:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.25:1	-0.65:1	-0.26:1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

11.4.1.3. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan syarikat iaitu sejauh mana syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 0.47:1 pada tahun 2008, 0.51:1 pada tahun 2009 dan menurun kepada 0.10:1 pada tahun 2010. Kedudukan nisbah ini menunjukkan syarikat tidak mempunyai kecairan yang mencukupi dan tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

11.4.1.4. Margin Keuntungan

Syarikat tidak mempunyai margin keuntungan untuk tempoh tahun 2008 hingga 2010 kerana tiada pendapatan bagi tempoh tersebut.

11.4.1.5. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat adalah negatif iaitu 0.27:1 pada tahun 2008, 0.16:1 pada tahun 2009 dan 2.00:1 pada tahun 2010. Ini menunjukkan syarikat masih belum mampu menjana keuntungan menggunakan asetnya.

11.4.1.6. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

- a. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti adalah negatif iaitu 0.25:1 pada tahun 2008, 0.65:1 pada tahun 2009 dan 0.26:1 pada tahun 2010. Ini menunjukkan syarikat tidak berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham.

- b. Mengikut maklum balas Syarikat bertarikh 16 Februari 2012, tiada pendapatan direkodkan oleh Syarikat pada tahun 2008 hingga 2010 kerana aset mula dipindahkan milik daripada PKNP pada tahun 2011. Syarikat NBB SB masih lagi di peringkat pra-operasi dan menjalankan aktiviti bagi menjana pendapatan dengan menandatangani perjanjian pembekalan produk farmaseutikal dengan Pharmaniaga.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat belum memuaskan mengambil kira Syarikat masih di peringkat pra operasi bagi tempoh 3 tahun daripada tahun 2008 hingga 2010. Di samping itu, modal berbayar Syarikat hanya berjumlah RM2 tetapi sehingga tahun 2010 Syarikat telah menanggung kerugian terkumpul berjumlah RM1.79 juta.

11.4.2. Pengurusan Aktiviti

11.4.2.1. Pengurusan Aktiviti Syarikat

Pengurusan aktiviti yang cekap akan memastikan kelancaran Syarikat seterusnya menjamin pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti yang dijalankan oleh Syarikat tidak memuaskan kerana tidak mencapai sasaran syarikat yang ditetapkan. Pengauditan terhadap aktiviti Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

11.4.2.2. Pelaburan Syarikat

- a. Syarikat membuat pelaburan sebanyak RM1 juta setelah menerima pendahuluan daripada PKNP melalui Syarikat Kuda Sejati Sdn Bhd dalam Nova Beta (M) Biomedical Sdn. Bhd. (NBB SB) yang terlibat dalam Bio Pharmaceutical Halal. Syarikat memegang 51% kepentingan ekuiti melalui pembelian 51,000 unit saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu pada bulan Oktober 2008. NBB SB menjalankan aktiviti pemasaran dan pengedaran produk-produk farmaseutikal. Syarikat berperanan untuk membantu dalam mendapatkan pensijilan halal ke atas produk-produk untuk pasaran Malaysia dan negara Asia.
- b. Semakan Audit mendapati hasil yang diperoleh dari bulan April 2009 hingga Disember 2010 hanya berjumlah RM105,000. Semakan terhadap penyata kewangan syarikat NBB SB, syarikat tersebut mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010 masing-masing berjumlah RM71,824 dan RM121,600. Ini memberi kesan kepada kedudukan kewangan Syarikat yang disatukan dalam tempoh tersebut kerana pelaburan yang dibuat masih belum dapat memberi pulangan kepada Syarikat.

11.4.2.3. Terminal Makanan Halal Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Kg. Aceh, Sitiawan Tidak Beroperasi Sepenuhnya

- a. Syarikat telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus projek berkaitan dengan industri halal oleh pengurusan PKNP. Oleh itu, syarikat telah mengambil alih pengurusan 21 lot kilang teres di Terminal Makanan Halal Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Kg Aceh, Sitiawan daripada Syarikat Maju Bangun Sdn. Bhd. pada 1 April 2011. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1/2011 anggaran kos yang terlibat bagi pengambilalihan pengurusan IKS Terminal Makanan Halal adalah berjumlah RM106,421. Peruntukan tersebut dipohon melalui pendahuluan daripada PKNP. Jangkaan faedah yang didapati hasil pengambilalihan terminal ini adalah yuran pengurusan sebanyak 20% daripada jumlah sewaan yang diperoleh. Terminal Makanan Halal IKS Kg. Aceh Sitiawan adalah seperti di **Gambar 11.1**.



**Gambar 11.1
Terminal Makanan Halal**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: IKS Kg. Aceh, Sitiawan
Tarikh: 1 November 2011

- b. Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti bilik sejuk iaitu *chiller* dan *freezer* dengan kapasiti maksima 50 tan serta kemudahan pembungkusan dan penyimpanan iaitu mesin pembungkusan (*packaging machine*) bagi produk-produk makanan kering seperti kekacang, kerepek dan biskut dengan bersaiz maksima 2 inci lebar. Hasil lawatan Audit pada awal bulan November 2011 mendapati daripada 21 lot kilang yang diambil alih, hanya 2 lot telah disewakan dan telah beroperasi. Manakala 16 lot masih belum disewakan dan 3 lot lagi dicadangkan untuk dijual. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11.3**.

**Jadual 11.3
Kadar Sewaan Terminal Makanan Halal IKS Kg Aceh**

Bil.	No. Lot	Nama Penyewa	Produk Keluaran	Kadar sewaan (RM)	Catatan
1.	Lot 13 & 15 (<i>chiller</i> - 2 unit)	-	-	2,000	Belum ada sewaan
2.	Lot 14 (<i>freezer</i> - 1 unit))	Syakira Ehsan Jaya Sdn. Bhd.	Ikan sejuk beku segar	2,500	Sewaan bermula 1 Ogos 2011
3.	Lot 16 (<i>freezer</i> - 1 unit))	Smart Food Venture Sdn. Bhd.	Daging ayam segar	2,500	Sewaan bermula pada 1 November 2011

Bil.	No. Lot	Nama Penyewa	Produk Keluaran	Kadar sewaan (RM)	Catatan
4.	Lot Bercantum – Lot 17 & 18 (kemudahan : penghawa dingin dan memenuhi piawaian GMP)	Lindungan Awan Sdn. Bhd.	Murtabak	850	Belum beroperasi. Penyewa dalam proses mendapatkan susun atur bangunan daripada pihak SIRIM. Jangka operasi pada Januari 2012.
5.	Lot 19 – Lot memproses produk (memenuhi piawaian GMP)	Samuza Enterprise	Muruku	750	Belum beroperasi. Penyewa dalam proses mendapatkan susun atur bangunan dari pihak SIRIM. Jangka operasi pada Januari 2012
6.	Lot 20 – Lot memproses produk (memenuhi piawaian GMP)	-	-	750	Belum ada sewaan
7.	Lot 21 – pejabat	-	-	750	Belum ada sewaan
8.	Lot 22 – Lot memproses produk (memenuhi piawaian GMP)	-	-	750	Belum ada sewaan
9.	Lot 23, 24, 25, 26 & 27 – Lot memproses produk (memenuhi piawaian GMP)	Yesmoore Sdn. Bhd.	Memproses ais kiub	750.00/ unit	Sewaan masih berbaki 2 tahun dengan Maju Bangun Sdn Bhd
10.	Lot 28, 29 & 30 - Lot pembungkusan dan penyimpanan produk	-	-	3,000	Belum ada sewaan
11.	Lot 31, 32 & 33	-	-	-	Lot Perbadanan untuk PHC menguruskan dan mendapat kebenaran melalui surat bertarikh 11 Mei 2011. Permohonan 3 lot ini adalah bagi memenuhi keperluan Dewan Perniagaan Melayu Manjung (DPMM) yang telah menandatangani MOU.

Sumber: Rekod Syarikat

- c. Mengikut maklum balas bertarikh 16 Februari 2012, Syarikat mula mengambil alih pengurusan kompleks terminal makanan halal Kg. Aceh daripada Maju Bangun Sdn. Bhd. (MSSB) pada 1 April 2011. Pembaikan dan pembersihan kawasan diselesaikan pada bulan September 2011. Syarikat telah mula mengambil tindakan membuat promosi mengenai kompleks terminal makanan halal ini di pameran seperti MIHAS 2010 dan juga mengadakan kerjasama dengan pihak SIRIM, Jabatan Agama Islam Perak dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Promosi juga dibuat di dalam pameran HALFEST 2011. Selepas teguran Audit, pada bulan Jun 2012 sebanyak 6 lot telah

disewakan, 12 lot telah ditawarkan kepada pengusaha berkaitan tetapi masih belum beroperasi dan 3 lot lagi dalam proses untuk dijual.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti syarikat kurang memuaskan kerana sebahagian besar lot kilang IKS masih belum disewakan dan pelaburan di syarikat NBBSB masih belum memberi pulangan kepada syarikat. Bagaimanapun, selepas teguran Audit tindakan penyewaan telah dilakukan.

11.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah penting sebagai peraturan dan amalan yang berkesan bagi menyumbang kepada daya tarikan negara untuk pelaburan dalaman dan perkembangan perniagaan serta meningkatkan integriti syarikat.

11.4.3.1. Standard Operating Procedure

Standard Operating Procedure (SOP) merupakan sebuah dokumen rujukan penting bagi sesebuah syarikat. Dokumen tersebut mengandungi fungsi, prosedur dan proses kerja yang jelas kepada setiap bahagian serta pegawai yang bertanggungjawab bagi menjalankan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan SOP sebagai panduan pengurusan dan pentadbiran Syarikat.

Mengikut maklum balas bertarikh 16 Februari 2012, Syarikat dalam proses penyediaan SOP dan akan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah.

11.4.3.2. Polisi Dan Peraturan Kewangan Serta Perakaunan

Polisi dan Peraturan Kewangan serta Perakaunan yang lengkap dan kemas kini memudahkan pemantauan terhadap aktiviti pengurusan kewangan terutamanya pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menyediakan polisi dan peraturan kewangan dan perakaunan sebagai panduan dan rujukan. Mengikut maklum balas bertarikh 16 Februari 2012, selepas teguran Audit Polisi dan Peraturan Kewangan serta Perakaunan telah disediakan dengan lengkap dan ditandatangani oleh Pengarah dan Pengurus Akaun & Pentadbiran pada 27 April 2012.

11.4.3.3. Jawatankuasa Audit

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menjelaskan berkaitan garis panduan mengenai penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Antara objektif penubuhan Jawatankuasa Audit ini adalah untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan Syarikat Induk dan semua lapisan Syarikat Subsidiari dan Syarikat Bersekutu. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menubuhkan Jawatankuasa Audit. Mengikut maklum balas

bertarikh 16 Februari 2012, selepas teguran Audit Syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa Audit pada 27 April 2012.

11.4.3.4. Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam berfungsi membantu pengurusan syarikat dan Jawatankuasa Audit Syarikat yang mewakili Lembaga Pengarah agar dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih efektif. Unit Audit Dalam diberi kuasa penuh untuk menilai semua aktiviti dan juga bebas untuk melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Syarikat. Bahagian Audit Dalam ditubuhkan untuk memberi jaminan yang bebas kepada Jawatankuasa Audit Syarikat tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalam syarikat. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam PKNP tidak melaksanakan kerja pengauditan terhadap Syarikat bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Mengikut maklum balas Syarikat bertarikh 16 Februari 2012, Unit Audit Dalam PKNP akan mula melaksanakan kerja-kerja pengauditan di tahun pertama 2012.

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat syarikat adalah kurang memuaskan kerana SOP masih tidak disediakan dan Polisi Prosedur Kewangan masih belum dibawa ke Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Selain itu, Unit Audit Dalam Syarikat telah ditubuhkan pada bulan April 2012 selepas mendapat teguran Audit.

11.5. SYOR AUDIT

Adalah disyorkan syarikat mengambil tindakan berikut bagi tujuan penambahbaikan prestasi Syarikat:

11.5.1. Syarikat hendaklah memperkuuh prestasi kewangan dengan mempertingkat pengurusan aktiviti.

11.5.2. Syarikat hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan lot-lot kilang teres di Kg. Acheh yang masih kosong disewakan segera agar dapat meningkatkan hasil Syarikat.

11.5.3. Memerkemaskan dan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dengan menjadikan Pekeliling Kerajaan dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi menjaga kepentingan Syarikat.

YAYASAN PERAK

12. YP NOMINEES HOLDINGS SDN. BHD.

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. YP Nominees Holdings Sdn. Bhd (Syarikat) merupakan sebuah syarikat subsidiari milik penuh Yayasan Perak (Yayasan) yang memiliki 100% ekuiti. Syarikat telah ditubuhkan pada 30 Disember 1992 di bawah Akta Syarikat 1965. Sehingga akhir tahun 2010, modal saham dibenarkan Syarikat berjumlah RM20 juta dan modal berbayar berjumlah RM10 juta. Objektif penubuhan Syarikat adalah untuk menjalankan aktiviti berkaitan perkhidmatan khidmat perunding dan pengurusan ladang kelapa sawit bagi pihak Yayasan.

12.1.2. Lembaga Pengarah Syarikat dianggotai oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dan melaksanakan tanggungjawab melalui kuasa yang diperuntukkan oleh Memorandum & Artikel (M&A) dan Akta Syarikat 1965. Struktur Syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Urusan yang bertanggungjawab menguruskan syarikat dan aktiviti harian syarikat serta melaporkan hal ehwal pengurusan syarikat ke Lembaga Pengarah dan dibantu oleh seorang Eksekutif Akaun dan 3 orang Pengurus Ladang.

12.1.3. Pengauditan ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Negara Negeri Perak Tahun 2006. Beberapa kelemahan telah dilaporkan dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh Syarikat. Pihak Syarikat telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap teguran Audit kecuali masalah saliran yang masih kurang memuaskan di Ladang Bidor.

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbangkan kepada prestasi tersebut. Pengurusan aktiviti dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif Syarikat dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek latar belakang Syarikat, pengurusan organisasi, jawatankuasa yang ditubuhkan, sistem dan prosedur, pengurusan kewangan serta operasi/aktiviti Syarikat yang dilaksanakan bagi tahun 2009 hingga 2011. Aspek yang ditekankan ialah Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat. Analisis kewangan merangkumi nisbah dan trend yang dilakukan secara perbandingan dengan indeks prestasi Syarikat berdasarkan kepada penyata kewangan yang telah diaudit bagi

tahun 2008 hingga 2010. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum & Artikel (M&A) Syarikat, Akta Syarikat 1965, standard yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan *Financial Reporting Standard* (FRS), minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail kesetiausahaannya, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai-pegawai Syarikat yang terlibat serta lawatan ke tapak projek yang menjalankan aktiviti Syarikat.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan terhadap pengurusan Syarikat yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2011 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat kurang memuaskan. Sehingga 31 Disember 2010 kerugian terkumpul Syarikat adalah sejumlah RM25.51 juta. Syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM5.24 juta pada tahun 2010 berbanding kerugian bersih RM6.12 juta pada tahun 2009 dan RM5.46 juta pada tahun 2008. Pengurusan aktiviti utama Syarikat yang meliputi aktiviti mengurus tadbir ladang-ladang milik Yayasan adalah kurang memuaskan kerana hasil pendapatan yang diperoleh masih tidak mampu menampung kos operasi syarikat yang tinggi. Syarikat juga tidak berupaya untuk menyelesaikan pinjaman dengan Bank Rakyat mengikut jadual sehingga menyebabkan jumlah yang tertunggak meningkat sebanyak RM4.10 juta iaitu daripada RM69.90 juta kepada RM74 juta. Penjelasan lanjut berhubung dengan Prestasi Kewangan, Pengurusan Aktiviti dan Tadbir Urus Korporat adalah seperti berikut:

12.4.1. Prestasi Kewangan

12.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit mendapati kerugian bersih Syarikat meningkat 12.1% daripada RM5.46 juta pada tahun 2008 kepada RM6.12 juta pada tahun 2009 manakala menurun 14.4% kepada RM5.24 juta pada tahun 2010. Peningkatan kerugian bersih pada tahun 2009 adalah kerana peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan Ladang Sungai Pandan (LSP). Manakala penurunan kerugian bersih pada tahun 2010 disebabkan peningkatan pendapatan Syarikat hasil daripada penjualan buah tandan segar.
- b. Pendapatan utama Syarikat adalah daripada penjualan buah tandan segar di LSP manakala pendapatan lain adalah dari terimaan bayaran pengurusan dan sewaan bangunan. Pada tahun 2008, pendapatan yang diterima oleh Syarikat berjumlah RM0.61 juta dan telah meningkat sejumlah RM2.20 juta pada tahun 2009. Pendapatan meningkat sejumlah RM4.49 juta pada tahun 2010. Peningkatan jumlah pendapatan Syarikat disebabkan peningkatan dalam penjualan buah tandan segar di LSP yang telah mula mengeluarkan hasil buah tandan segar mulai tahun 2008. Jumlah perbelanjaan Syarikat pada tahun 2009 menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.78 juta iaitu 45.9% daripada RM6.06 juta pada tahun 2008 kepada RM8.84 juta.

Manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2010 meningkat sejumlah RM3.45 juta iaitu 39% kepada RM12.29 juta berbanding RM8.84 juta pada tahun 2009. Peningkatan jumlah perbelanjaan Syarikat disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan LSP iaitu perbelanjaan pelunasan pembangunan ladang bagi pokok kelapa sawit yang telah matang.


- c. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan atau kerugian bersih Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 12.1**, **Carta 12.1** dan **Carta 12.2**.

Jadual 12.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun		
	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Pendapatan	0.31	2.62	7.14
Perbelanjaan Operasi	-5.45	-7.98	-11.33
Untung/(Rugi) Kasar	-5.14	-5.36	-4.19
Pendapatan Lain	0.30	0.19	0.16
Perbelanjaan Pentadbiran	-0.57	-0.82	-0.92
Untung/(Rugi) Operasi	-5.41	-5.99	-4.95
Kos Kewangan	-0.04	-0.04	-0.04
Pendapatan Pelaburan	-	-	-
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	-5.45	-6.03	-4.99
Cukai	0.01	0.09	0.25
Untung/(Rugi) Bersih	-5.46	-6.12	-5.24
Untung/(Rugi) Terkumpul	-15.90	-21.51	-25.51


Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 12.1
Trend Kerugian Bersih Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

Carta 12.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010



Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

12.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2008 hingga 2010. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2

Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun Kewangan 2008 Hingga 2010

Butiran	Tahun Kewangan		
	2008	2009	2010
Nisbah Semasa	0.37:1	0.30:1	0.67:1
Margin Rugi Bersih (%)	(895.1)	(217.8)	(71.8)
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	(0.06):1	(0.05):1	(0.04):1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	(3.52):1	(0.30):1	(0.17):1

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur kecairan Syarikat iaitu sejauh mana Syarikat berkemampuan menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan tanggungan semasa. Kedudukan Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan keadaan yang baik. Berdasarkan perkiraan Audit, Nisbah Semasa Syarikat adalah 0.37:1 pada tahun 2008, 0.30:1 pada tahun 2009 dan meningkat kepada 0.67:1 pada tahun 2010. Kedudukan nisbah ini menunjukkan Syarikat tidak mempunyai kecairan yang mencukupi dan tidak berupaya menampung keseluruhan tanggungan semasanya.

b. Margin Keuntungan

Margin keuntungan mengukur kadar keuntungan sebelum cukai bagi setiap ringgit yang dipungut daripada perniagaan utama sesebuah syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan bagi tahun 2008, Syarikat telah mengalami kerugian sejumlah RM8.95. Jumlah kerugian Syarikat telah menurun kepada RM2.18 pada tahun 2009 dan RM0.72 pada tahun 2010. Penurunan kerugian ini menunjukkan Syarikat telah meningkatkan keupayaannya mengurangkan kerugian sepanjang tempoh tahun 2008 hingga 2010.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset merupakan petunjuk kepada kadar pulangan yang diperoleh daripada penggunaan semua aset. Nisbah ini adalah pendekatan yang diguna bagi menilai kecekapan syarikat menggunakan aset untuk menjana

keuntungan. Peratusan yang tinggi menunjukkan kecekapan pengurusan syarikat menjana keuntungan manakala peratusan yang rendah menunjukkan ketidakcekapan. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Aset Syarikat adalah negatif iaitu 0.06:1 pada tahun 2008, 0.05:1 pada tahun 2009 dan 0.04:1 pada tahun 2010. Ini menunjukkan Syarikat masih belum mampu menjana keuntungan menggunakan asetnya.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur kecekapan syarikat menjana pendapatan kepada pemegang saham. Peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berkemampuan untuk memberi pulangan yang tinggi kepada pemegang saham. Analisis Audit mendapati Nisbah Pulangan Atas Ekuiti adalah negatif iaitu 3.52:1 pada tahun 2008, 0.30:1 pada tahun 2009 dan 0.17:1 pada tahun 2010. Ini menunjukkan Syarikat tidak berkemampuan memberi pulangan yang baik kepada pemegang saham.

e. Berdasarkan maklum balas bertarikh 5 Januari 2012, pembangunan ladang Syarikat bermula dari tahun 2005. Oleh yang demikian, pada masa skop pengauditan penyata kewangan YP Nominees Holdings Sdn. Bhd., ladang masih lagi di peringkat awal pembangunan di mana pengeluaran hasil pada tahap minimum, namun perbelanjaan pembangunan adalah tinggi. Walau bagaimanapun pengurusan Syarikat menjangkakan bahawa titik pulangan modal (*break-even*) akan menunjukkan lebihan mulai tahun 2014 di mana sejumlah RM4.7 juta akan diperoleh. Adalah dijangkakan keadaan ini akan berterusan sehingga akhir tempoh perjanjian pajakan iaitu pada tahun 2030. Secara keseluruhannya Syarikat akan memperoleh pendapatan bersih sekitar RM206 juta secara terkumpul (*Accumulated Cash Surplus/Deficit*).

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Syarikat menghadapi masalah kecairan aliran tunai dan menanggung kerugian 3 tahun berturut-turut. Kerugian terkumpul Syarikat sehingga 31 Disember 2010 berjumlah RM25.5 juta berbanding modal berbayar Syarikat berjumlah RM10 juta.

12.4.2. Pengurusan Aktiviti

12.4.2.1. Pengurusan Pinjaman

Merujuk kepada Perenggan 14(1)(d) Akta 380 – Akta Pemerbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962, Perenggan 14 (1) (d) menetapkan pinjaman melebihi RM5 juta perlu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Bank Pertanian Malaysia, Kuching

- i. Pada tahun 2005, Syarikat telah menandatangani perjanjian pinjaman berjumlah RM42 juta dengan Bank Pertanian Malaysia melalui surat perjanjian bertarikh 16 Disember 2005 dan sebanyak RM20 juta telah diperoleh. Pinjaman ini dijamin melalui gadaian tanah di LSP dan Syarikat telah menyelesaikan pinjaman tersebut pada 25 April 2007. Semakan Audit mendapati pinjaman tersebut tidak mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Pihak Yayasan telah menghantar surat permohonan Pinjaman bagi pihak Syarikat dari Bank Pertanian Malaysia berjumlah RM42 juta kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan Menteri Kewangan pada 12 Mei 2005. Permohonan ini tidak dapat diproses oleh Kementerian berkenaan kerana Yayasan gagal untuk mengemukakan Surat Jaminan daripada Kerajaan Negeri.
- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil. 1483 bertarikh 5 Oktober 2005 telah bersetuju atas permohonan Yayasan bagi memperoleh pinjaman dari Bank Pertanian Malaysia sebanyak RM42 juta melalui anak syarikatnya YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. bagi membiayai kos ladang kelapa sawit di LSP. Bagaimanapun, persetujuan yang diberikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) ini tidak boleh dianggap sebagai persetujuan untuk menjadikan Kerajaan Negeri Perak sebagai penjamin kepada pinjaman ini. Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang Surat Jaminan bagi pinjaman tersebut.

b. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat)

- i. Bagi meneruskan pembangunan ladang kelapa sawit di LSP, Syarikat telah menandatangani perjanjian pinjaman sebanyak RM60 juta dengan Bank Rakyat pada 18 April 2007. Manakala pada 20 Oktober 2008 Syarikat telah menandatangani perjanjian tambahan pinjaman sebanyak RM9.9 juta dari Bank Rakyat. Pinjaman-pinjaman ini dijamin melalui cagaran tanah ladang kelapa sawit di Lot 7, Blok 5: Lot 13, Blok 6 dan Lot 3, Blok 10 LSP. Disebabkan masalah aliran tunai, Syarikat telah memohon penjadualan semula baki pinjaman berjumlah RM69.90 juta dari Bank Rakyat dan perjanjian penjadualan semula telah ditandatangani pada 9 Disember 2010. Melalui penjadualan semula pinjaman ini, jumlah tanggungan Syarikat meningkat kepada RM74 juta.
- ii. Mengikut perjanjian, tempoh bayaran balik adalah selama 120 bulan. Bayaran akan dibuat melalui bayaran pajakan dari Syarikat JPSB yang akan dibayar terus ke *Project Revenue Account*. Terimaan tersebut akan ditolak ke bayaran bulanan *Finance Service Reserve Account* manakala bakinya dibayar ke akaun *Project Operating Account* Syarikat sehingga pinjaman selesai.

- iii. Bagi pinjaman berjumlah RM60 juta dan RM9.90 juta daripada Bank Rakyat, pihak Audit mendapati tiada permohonan kelulusan dibuat oleh Syarikat atau Yayasan sama ada kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri atau Kementerian Kewangan. Mengikut maklum balas Syarikat bertarikh 5 Januari 2012, permohonan pinjaman syarikat dari Bank Pertanian Malaysia telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan ia telah diluluskan oleh MMK Bil. 1483 bertarikh 5 Oktober 2005. Walau bagaimanapun kelulusan tersebut tidak membenarkan Kerajaan Negeri menjadi penjamin kepada peminjam tersebut seperti yang disyaratkan oleh Kementerian Kewangan. Yayasan Perak selaku organisasi induk telah pun menghantar surat kepada Penasihat Undang-undang Negeri berkaitan surat aku janji atau jaminan Kerajaan Negeri atas pinjaman bank tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman Syarikat adalah tidak memuaskan kerana Syarikat tidak berupaya untuk menyelesaikan pinjaman dengan Bank Rakyat mengikut jadual sehingga menyebabkan jumlah yang tertunggak meningkat sebanyak RM4.10 juta daripada RM69.90 juta kepada RM74 juta.

12.4.2.2. Pengurusan Ladang Kelapa Sawit

- a. Ladang Sungai Pandan terletak di Bintulu, Sarawak adalah milik Yayasan yang diuruskan oleh Syarikat seluas 5,430 hektar. Penanaman kelapa sawit di ladang ini bermula pada tahun 2004 menerusi 4 fasa pembangunan. Jumlah keluasan tanaman kelapa sawit adalah 4,956 hektar dan usia pokok adalah antara 2 hingga 7 tahun. Syarikat telah dilantik oleh Yayasan untuk mentadbir, mengurus dan membangunkan LSP di atas tanah milik anak Syarikat Yayasan melalui Mesyuarat Anggota Yayasan Perak (MAYA) Bil. 3/2004 bertarikh 17 September 2004. Ladang Sungai Pandan telah mula mengeluarkan hasil pada tahun 2008. Kedudukan pengeluaran buah tandan segar untuk LSP bagi tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 12.3**.

**Jadual 12.3
Pengeluaran Dan Hasil Jualan Buah Tandan Segar LSP**

Tahun	Tan Metrik	Jumlah (RM Juta)
2008	986	0.31
2009	6,437	2.62
2010	13,425	7.14
2011	24,374	15.30
Jumlah	45,222	25.37

Sumber: Rekod Syarikat

- b. Adalah diperhatikan, perbelanjaan operasi LSP semakin meningkat dalam tempoh tahun 2008 hingga 2010 iaitu masing-masing berjumlah RM5.45 juta, RM7.98 juta dan RM11.33 juta. Walaupun LSP telah mula mengeluarkan hasil pada tahun 2008 tetapi masih tidak boleh menampung kos operasi, bayaran balik pinjaman Bank Rakyat, pendahuluan Yayasan serta bayaran hutang kepada kontraktor dan

pembekal. Lembaga mengambil keputusan supaya LSP dipajakkan kepada Syarikat Jendela Padu Sdn. Bhd. (JPSB) setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Yayasan melalui Mesyuarat MAYA Bil. 1/2011 bertarikh 28 April 2011. Semakan Audit mendapati surat perjanjian pajakan antara anak syarikat Yayasan dan JPSB telah ditandatangani pada 22 Ogos 2011. Berdasarkan perjanjian ini, tarikh kuat kuasa pajakan bermula pada 1 Ogos 2011 hingga 31 Julai 2031. Antara syarat yang telah dipersetujui adalah mengambil perlindungan insurans ladang yang merangkumi insurans terhadap kebakaran, kerosakan dan kerugian aset ladang. Semakan Audit mendapati sehingga ke tarikh pengauditan JPSB masih belum mengambil perlindungan insurans ladang yang merangkumi insurans terhadap kebakaran, kerosakan dan kerugian aset ladang.

- c. Mengikut maklum balas selepas teguran Audit bertarikh 5 Januari 2012, polisi insurans takaful melindungi kebakaran, kerosakan dan kerugian aset ladang telah diambil oleh JPSB selaku syarikat penyewa pajak pada 29 November 2011. Memandangkan keperluan tambahan modal yang tinggi, pengurusan Syarikat terpaksa memajakkan tanah perladangan ini untuk mendapatkan pulangan yang munasabah dengan pendapatan bersih sekitar RM206 juta untuk tempoh pajakan 20 tahun.

Pada pendapat Audit, pengurusan LSP adalah kurang memuaskan kerana Syarikat tidak berupaya mengurus ladang dengan baik yang mengakibatkan LSP dipajakkan kepada syarikat lain.

12.4.2.3. Sistem Saliran Kurang Memuaskan

- a. Ladang Bidor adalah milik Yayasan yang terletak di Langkap dalam Daerah Batang Padang. Keluasan ladang adalah 103.43 hektar. Penanaman kelapa sawit di ladang ini bermula pada tahun 1990 hingga tahun 2009. Jumlah keseluruhan tanaman kelapa sawit adalah 61.92 hektar manakala usia pokok adalah antara 2 hingga 21 tahun. Syarikat telah dilantik bagi menguruskan Ladang Bidor melalui Perjanjian Pengurusan (*Management Agreement*) bertarikh 9 Jun 2005 yang ditandatangani antara pihak Yayasan dengan Syarikat. Tempoh pengurusan akan berterusan sehingga ditentukan oleh Yayasan dengan memberi notis secara bertulis selama 1 bulan kepada Syarikat. Yuran pengurusan yang dibayar oleh Yayasan kepada Syarikat adalah berasaskan 10% daripada hasil jualan buah tandan segar. Adalah diperhatikan, kerja-kerja menyelenggara ladang seperti membersihkan ladang, meracun, membaja, menuai, mengutip buah lerai dan mengangkut hasil ke kilang dijalankan oleh syarikat yang dilantik melalui tawaran sebut harga berjumlah RM0.31 juta untuk tempoh mulai tahun 2009 hingga 2011 dan diperbaharui setiap tahun.

- b. Ladang Bidor telah mula mengeluarkan hasil pada tahun 2005. Kedudukan pengeluaran buah tandan segar Ladang Bidor bagi tahun 2005 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 12.4**.

Jadual 12.4
Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS)

Tahun	Tan Metrik	Jumlah (RM Juta)
2005	558	0.15
2006	1,276	0.40
2007	1,436	0.70
2008	1,262	0.71
2009	1,301	0.55
2010	1,205	0.67
2011	1,246	0.85
Jumlah	8,284	4.03

Sumber: Rekod Syarikat

- c. Lawatan Audit ke ladang pada 18 Julai 2011 mendapati sistem saliran di kawasan OP 09 adalah kurang memuaskan kerana anak pokok kelapa sawit ditenggelami air akibat aktiviti mencuci pasir di kawasan berhampiran. Anak pokok kelapa sawit yang sentiasa ditenggelami air akan menjelaskan kesuburan dan tumbesaran pokok. Keadaan pokok adalah seperti di **Gambar 12.1**.



Gambar 12.1
Anak Pokok Kelapa Sawit Ditenggelami Air

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan OP 09, Ladang Bidor
Tarikh: 18 Julai 2011

- d. Mengikut maklum balas bertarikh 5 Januari 2012, tindakan telah diambil dengan mengadakan perbincangan dengan pemilik permit pengusaha pasir pada 25 Jun 2012 dan pemilik berkenaan berjanji akan menjalankan kerja-kerja pembersihan sistem aliran air tersebut. Pengurusan Syarikat memberi komitmen memantau kerja-kerja pembersihan bagi memastikan sistem saliran berjalan dengan lancar.

Pada pendapat Audit, pengurusan Ladang Bidor adalah memuaskan berdasarkan peningkatan hasil pengeluaran BTS daripada 558 tan metrik pada tahun 2005 kepada 1,205 tan metrik pada tahun 2010. Bagaimanapun, masalah sistem saliran di kawasan ladang adalah tidak memuaskan kerana ia boleh menjelaskan pengeluaran hasil.

12.4.2.4. Pencerobohan

- a. Ladang Tekah terletak di Mukim Teja dan Mukim Sg. Raia Daerah Kinta berhampiran Kawasan Perindustrian Gopeng, Perak. Keluasan ladang adalah 179.35 hektar. Penanaman kelapa sawit di ladang Fasa 1 dan 2A bermula pada tahun 2008 diikuti dengan Fasa 2B pada tahun 2009 manakala Fasa 3 masih belum dibangunkan. Jumlah keseluruhan tanaman kelapa sawit adalah 96.76 hektar dan usia pokok adalah antara 2 hingga 3 tahun. Syarikat yang dilantik telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ladang seperti membersihkan ladang, meracun, membaja, menuai dan mengangkut hasil ke kilang. Tawaran kerja dibuat melalui sebut harga dengan jumlah RM124,991 untuk tempoh 15 Disember 2010 hingga 31 Disember 2011.
- b. Lembaga Pengarah Yayasan telah melantik Syarikat bagi menguruskan Ladang Tekah pada 1 Februari 2008. Perjanjian Pengurusan (Skim Pembangunan Ladang Tekah) antara pihak Yayasan dengan Syarikat masih belum ditandatangani sehingga tarikh pengauditan. Merujuk perjanjian tersebut, yuran pengurusan adalah berasaskan 15% sebulan daripada hasil jualan Buah Tandan Segar (BTS). Sehingga tarikh pengauditan, Syarikat masih belum menerima yuran pengurusan sebanyak 15% hasil daripada jualan BTS. Pokok kelapa sawit fasa 1 telah mengeluarkan hasil mulai April 2011 iaitu sebanyak RM27,675. Pokok kelapa sawit di kawasan Fasa 2A dan 2B seluas 54.25 hektar akan mula mengeluarkan hasil pada tahun 2012.
- c. Pihak Audit telah membuat lawatan ke Ladang Tekah pada 18 Julai 2011 mendapati kesan pencerobohan seperti berikut:

i. Lembu Memasuki Kawasan Ladang

Terdapat beberapa kesan pencerobohan berlaku di kawasan ladang. Antaranya pokok-pokok sawit yang belum matang telah diragut oleh lembu kerana penternak melepaskan haiwan ternakan ke kawasan ladang sehingga menyebabkan kerosakan anak pokok sawit dan kerosakan pagar. Pagar dawai yang dibina oleh pihak pengurusan ladang juga telah rosak akibat pencerobohan lembu tersebut. Berikutan itu satu laporan Polis bertarikh 13 Oktober 2010 telah dibuat. **Gambar 12.2** dan **Gambar 12.3** menunjukkan kesan pencerobohan tersebut.

Gambar 12.2
Pokok Sawit Telah Diragut



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Tekah
Tarikh: 18 Julai 2011

Gambar 12.3
Pagar Dirosakkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Tekah
Tarikh: 18 Julai 2011

ii. Aktiviti Pembuangan Sisa Industri

Kedudukan Ladang Tekah terletak berhampiran Kawasan Perindustrian Gopeng, Perak. Oleh itu, terdapat aktiviti pembuangan sisa industri secara haram di kawasan ladang Fasa 3. Pihak Audit juga mendapati tiada bukti yang menunjukkan tindakan telah diambil oleh pihak pengurusan bagi menangani masalah ini. Sebahagian kawasan yang dijadikan tapak pembuangan sisa industri adalah seperti di **Gambar 12.4** dan **Gambar 12.5**.

Gambar 12.4
Sisa Buangan Industri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Tekah
Tarikh: 18 Julai 2011

Gambar 12.5
Sisa Buangan Industri



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Tekah
Tarikh: 18 Julai 2011

- iii. Mengikut maklum balas bertarikh 5 Januari 2012, Perjanjian Pengurusan di antara Syarikat dan Ladang Tekah telah pun ditandatangani pada 22 Disember 2011. Walaupun Ladang Tekah telah mengeluarkan hasilnya pada April 2010, jumlah pendapatannya masih rendah dan ketetapan telah dibuat oleh pihak pengurusan Yayasan dan Syarikat supaya tarikh mula fee pengurusan dibayar kepada Syarikat adalah pada bulan Januari 2012. Syarikat akan meningkatkan pemantauan dan kawalan ladang dengan mengambil tindakan antaranya

melantik pengawal keselamatan berwibawa serta meminta bantuan polis, Jabatan Haiwan dan Majlis Tempatan untuk menangani masalah pencerobohan lembu/kerbau serta pembuangan sisa industri. Selain itu, pagar-pagar yang rosak akan dibaiki dan meletakkan papan notis amaran pencerobohan. Tindakan susulan telah pun diambil oleh pihak Syarikat pada 18 Januari 2012 dengan menyewa *backhoe* untuk tujuan pembersihan sampah dan membuat perparitan bagi menghalang dari orang awam membuang sisa-sisa industri di kawasan tersebut.

12.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir Urus Korporat adalah penting sebagai peraturan dan amalan yang berkesan bagi menyumbang kepada daya tarikan negara untuk pelaburan dalaman dan perkembangan perniagaan serta meningkatkan integriti syarikat. Pada umumnya, tadbir urus korporat Syarikat adalah memuaskan kecuali penubuhan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, Syarikat perlu menujuhkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan bagi Syarikat Induk dan Subsidiari di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk memelihara kepentingan Kerajaan. Peranan Unit Audit Dalam adalah untuk membantu Syarikat mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanannya semua proses kawalan dan tadbir urus. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak menujuhkan Jawatankuasa Audit. Bagaimanapun, Syarikat telah pun melantik seorang Juruaudit pada 5 September 2011. **Mengikut maklum balas bertarikh 5 Januari 2012, Syarikat akan menujuhkan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam akan menyediakan Rancangan Audit Tahunan.**

Pada pendapat Audit, oleh kerana Syarikat tidak mempunyai Unit Audit Dalamnya sendiri, Unit Audit Dalam di Yayasan Perak patut memainkan peranan dalam memantau kawalan dalaman pengurusan Syarikat.

12.5. SYOR AUDIT

Adalah disyorkan Syarikat YP Nominees Holdings Sdn. Bhd. Dan Yayasan Perak mengambil tindakan berikut bagi tujuan penambahbaikan prestasi Syarikat:

12.5.1. Lembaga Pengarah Yayasan dan Syarikat perlu sentiasa memantau pengurusan kewangan dan operasi Syarikat bagi mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh Syarikat.

12.5.2. Unit Audit Dalam di Yayasan Perak hendaklah membantu Syarikat dalam melaksanakan fungsi Unit Audit Dalam di Syarikat.



BAHAGIAN III PERKARA AM

BAHAGIAN III

PERKARA AM

13. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan, Agensi Negeri dan Syarikat Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, tindakan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian ini** di bawah tajuk berikut:

13.1. Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

13.2. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2010.

13.3. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Perak.

14. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2010

Bagi membantu Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri membetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2010, sejumlah 37 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 30 Mac 2012, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan terhadap 30 syor bagi tahun 2010. Bagi 7 syor lagi, Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan susulan, bagaimana pun perkara tersebut masih belum selesai dan butirannya adalah seperti berikut:

14.1. PELBAGAI JABATAN

- Pengurusan Emolumen Penjawat Awam Negeri Perak

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	i. Dokumen Kew.8 bagi 3 Jabatan pada tahun 2008 hingga 2010 diluluskan oleh pegawai selain daripada Ketua Jabatan. Jabatan yang terlibat adalah Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Jabatan Agama Islam Negeri Perak. ii. Tiga Jabatan melibatkan 8 penjawat awam telah dibayar emolumen sejumlah RM18,746 walaupun telah bersara, letak jawatan, cuti tanpa gaji dan ditahan emolumen.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat perwakilan kuasa kepada pegawai yang terlibat manakala 2 lagi Jabatan masih belum mengambil tindakan. Telah berjaya mengutip sejumlah RM7,739.89 dan baki berjumlah RM11,006.77 masih belum dikutip oleh Jabatan yang terlibat.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
	<p>iii. Dua Jabatan melibatkan 15 penjawat awam telah terlebih dibayar Elaun Tanggung Kerja berjumlah RM5,497.</p> <p>iv. Bayaran emolumen 2 kali di 10 Jabatan melibatkan 13 penjawat awam telah terlebih dibayar berjumlah RM49,333.</p>	<p>Jabatan telah mengambil tindakan dengan mengutip RM2,778 manakala sejumlah RM2,719 masih belum dikutip lagi oleh Jabatan.</p> <p>Baki RM18,289 masih belum dijelaskan oleh 8 penjawat awam.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

14.2. LEMBAGA AIR PERAK - Pengurusan Pengebilan Air

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	Sehingga akhir tahun 2010, terdapat 94,283 meter rosak atau 14.2% berbanding 665,674 akaun aktif yang dicatat dalam sistem. Akibatnya 3 hingga 19 kali bacaan anggaran telah dibuat.	Sehingga akhir bulan Februari 2012, hanya 9,107 bacaan anggaran atau 1.33% berbanding 680,415 akaun aktif. Meter rosak telah diganti dalam tempoh 60 hari bagi meter domestik dan 30 hari bagi meter industri.

Sumber: Jabatan Audit Negara

14.3. PIHAK BERKUASA TEMPATAN - Sistem e-PBT

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
1.	<p>Pelaksanaan Sistem e-PBT tidak memuaskan.</p> <p>Perkakasan yang dibekalkan di MDTM pada 22 April 2008 dan sepatut dibekalkan pada 22 Februari 2008 iaitu lewat 59 hari.</p> <p>Tiada bukti <i>User Acceptance Test</i> (UAT) dan <i>Final Acceptance Test</i> (FAT) dijalankan di MPM dan MDK.</p>	<p>Kelewatan ini adalah di pihak vendor iaitu GW Intech Sdn. Bhd. Bagaimanapun kelewatan ini tidak menjangkaui tempoh kontrak (11 Oktober 2007 – 10 Oktober 2008). Jabatan ini akan memastikan sebarang kelewatan tidak berulang di pelaksanaan projek ICT yang lain.</p> <p>Setelah semakan dibuat didapati UAT bagi Sistem eSubmission, Sistem aduan, Sistem Pelaporan SUK serta dokumen FAT bagi sistem Perakaunan hanya dilakukan di MDKampar. Memandangkan di MDKampar dan MPManjung dibiayai oleh pihak MAMPU dokumen selebihnya telah dimohon pada 9 Julai 2012.</p>
2.	Penggunaan Sistem e-PBT tidak memuaskan.	BKT telah mengarahkan semua PBT menggunakan Sistem e-PBT secara menyeluruh supaya Penyata Kewangan melalui sistem dapat dikeluarkan sepenuhnya. Berdasarkan maklum balas melalui Bengkel Penambahbaikan Sistem e-PBT yang diadakan pada 27 hingga 29 Jun 2011 semua PBT telah menggunakan sepenuhnya modul dalam sistem e-PBT.

Bil.	Isu-Isu Laporan Audit	Tindakan Susulan Yang Belum Diambil/Selesai
3.	Penyata kewangan tidak dijana sepenuhnya melalui Sistem e-PBT.	Sebarang kesilapan yang menyebabkan Penyata Kewangan Tidak Dijana Sepenuhnya Melalui Sistem e-PBT akan dibetulkan semasa Kontrak Peningkatan dan Penyelenggaraan Sistem e-PBT melalui skop kerja.
4.	Perkhidmatan Meja Bantuan tidak berkesan (User Change Request (UCR) - lewat diambil tindakan oleh pembekal.	Perkhidmatan Meja Bantuan akan diperincikan semasa Kontrak Peningkatan dan Penyelenggaraan Sistem e-PBT.
5.	Dokumen Perjanjian tidak dipatuhi tiada bukti PBT mempunyai <i>Data Dictionary</i> (Kamus Data) bagi Pangkalan Data untuk Sistem ePBT. <i>Entity Relationship Diagrams (ERD)</i> yang diberi oleh Pembekal kepada PBT tidak lengkap.	BKT telah menerima <i>Softcopy</i> dokumentasi Sistem e-PBT seperti <i>Data Dictionary</i> , ERD dan lain-lain daripada JKT pada 17 Jun 2012. Dokumentasi tersebut telah dipanjangkan kepada semua PBT yang menggunakan Sistem e-PBT pada 18 Jun 2012.

Sumber: Jabatan Audit Negara

15. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PERAK TAHUN 2010

Mengikut Seksyen 9, Akta Audit 1957, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak bagi tahun 2010 telah dibentangkan di sidang Dewan Undangan Negeri pada 21 November 2011.

16. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI PERAK

Pada tahun 2011, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan telah mengadakan sesi soal jawab dengan Ketua-ketua Jabatan yang terlibat untuk mendapat penjelasan dan kedudukan terkini isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009. Sehingga 31 Mac 2012, sebanyak 5 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Perak telah diadakan termasuk memanggil Pengarah beberapa Jabatan/Agensi Kerajaan untuk mendapat penjelasan mengenai isu semasa. Laporan Jawatankuasa terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perak pada 4 April 2012. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 16.1**.

Jadual 16.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak Darul Ridzuan
Sehingga Bulan April 2012

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agenzi	Perkara
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2011 28 Oktober 2011	Majlis Perbandaran Teluk Intan	<p>Mesyuarat telah mengadakan sesi soal jawab dengan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) bagi mendapat penjelasan berkaitan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 berkaitan dengan Kajian Terhadap Pengurusan Dan Perolehan Aset. Setelah mendengar penjelasan, Mesyuarat meminta Yang Dipertua MPTI mengemukakan Laporan secara bertulis kedudukan terkini 2 projek iaitu Bangunan Kompleks Pejabat Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Kompleks Pusat Penjaja Glutton Square Teluk Intan. Mesyuarat mengesyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memantau pembinaan projek secara berterusan supaya projek siap mengikut jadual untuk mengelakkan kelewatan dan peningkatan kos. ii) Memastikan memilih pemaju berwibawa dengan sumber kewangan yang kukuh dan pengalaman yang baik untuk projek pembinaan dan penswastaan. iii) Menyenaraikan pemaju dan kontraktor yang tidak mematuhi syarat perjanjian. iv) Memberi peluang kepada kontraktor tempatan melaksanakan projek bagi memudahkan pihak MPTI membuat pemantauan. v) Memastikan peralatan yang dibeli,dibekalkan mengikut spesifikasi dan diperiksa asset tersebut sebelum bayaran dibuat.
		i) Jabatan Agama Islam Perak Darul Ridzuan ii) Pengetua <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah Ipoh • Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Taayah Ipoh • Sekolah Menengah Agama Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah 	<p>Mesyuarat telah mengadakan sesi soal jawab dengan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIP) bagi mendapat penjelasan mengenai Kajian Terhadap Pembekalan Dan Penyediaan Makanan Mentah dan Bermasaki di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah Ipoh, Sekolah Menengah Agama Raja Perempuan Taayah dan Sekolah Menengah Agama Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah seperti yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Turut dipanggil ialah pengetua ketiga-tiga Sekolah Menengah Agama tersebut. Bagaimanapun Mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan sesi soal jawab dengan Pengetua Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah Ipoh dan Sekolah Menengah Agama Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah. Mesyuarat telah mengambil maklum penjelasan daripada Pengarah JAIP dan mengesyorkan tindakan seperti berikut diambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Meningkatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terutama aspek kualiti makanan yang disediakan, menu makanan mengikut sukanan kontrak dan keselamatan tempat memasak.

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
			ii) Menyediakan kemudahan dan peralatan yang berekonomi untuk digunakan. iii) Menyediakan garis panduan bekalan dan penyediaan makanan.
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 1/2012 27 Februari 2012	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak	<p>Jawatankuasa mengadakan sesi soal jawab dengan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 mengenai Pengurusan Program Pemberian Bantuan Am. Pengerusi mengambil maklum dan berpuas hati dengan penjelasan kedudukan terkini dan Mesyuarat mengesyorkan beberapa pencegahan dan penambahbaikan diambil dengan segera seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Tindakan tata tertib hendaklah diambil terhadap pegawai terlibat yang cuai dalam menjalankan tanggungjawab. ii) Menambahbaik sistem pengurusan dengan segera. iii) Keutamaan bantuan hendaklah diberi kepada golongan ibu tunggal yang mempunyai tanggungan dan warga emas. iv) Merujuk Ketua Kampung untuk memastikan penerima bantuan adalah layak. v) Menjalankan pemantauan yang lebih berkesan.
		i) Pejabat Tanah Dan Galian Perak ii) Pentadbir Tanah Pejabat Daerah Dan Tanah <ul style="list-style-type: none"> • Perak Tengah • Kampar • Slim River 	Mesyuarat meminta penjelasan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 mengenai Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar. Pengerusi mengambil maklum penjelasan yang diberikan dan meminta tindakan pemantauan dan penguatkuasaan ditingkatkan secara bersepudu dengan semua agensi yang terlibat. Juga disyorkan supaya mengambil kira pandangan dan syarat Jabatan Teknikal dengan sepenuhnya sebelum sesuatu keputusan atau kelulusan dibuat.
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2012 6 Mac 2012	i) Jabatan Pertanian Negeri Perak	Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa Pengarah Pertanian Negeri Perak tidak dapat hadir sesi soal jawab berhubung Program Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan Produk Pertanian yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009. Memandangkan Ketua Jabatan berkenaan telah 3 kali gagal menghadiri sesi soal jawab, Jawatankuasa memutuskan perkara ini dilaporkan kepada YB. Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Pengarah Pertanian untuk tindakan selanjutnya.
			Mesyuarat mengadakan sesi soal jawab dengan semua Pengarah jabatan yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan lebih lanjut berhubung isu Pengurusan Aktiviti Pengambilan Pasir Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
		ii) Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak iii) Jabatan Kerja Raya Negeri Perak iv) Lembaga Air Perak v) Jabatan Sekitar Alam Negeri Perak vi) Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perak (JPS) memaklumkan JPS bertanggungjawab untuk melaporkan kepada pihak PTG/Pentadbir Tanah sekiranya berlaku pencerobohan tanah atau pelanggaran syarat aktiviti pengambilan pasir sungai. JPS sedang mengemaskini tatacara laporan kepada agensi penguatkuasaan dan mengenakan caj bagi pengusaha yang terlibat. ➤ Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak memaklumkan bahawa pengusaha akan diminta membaiki jalan tersebut sekiranya berlaku kerosakan jalan dan jika pengusaha gagal jalan akan dibaiki menggunakan wang deposit. ➤ Pengurus Besar, Lembaga Air Perak (LAP) memaklumkan bahawa pihaknya tidak dirujuk dalam pengeluaran permit pasir dan kekeruhan air terlampau akibat pengambilan pasir sungai akan menjelaskan loji rawatan air. Bagaimanapun pihak LAP melakukan kawalan dari semasa ke semasa di kawasan loji dengan mengadakan pelan kontingensi, <i>Standard Operating Procedure</i> dan sebagainya. ➤ Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) bahawa ada kalanya syor yang dikemukakan oleh JAS kepada PTG/Pentadbir Tanah tidak diambil kira. Jawatankuasa mengambil maklum dan akan membangkitkan hal ini dengan Pengarah Tanah Dan Galian. ➤ Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak (JPJ) memaklumkan bahawa JPJ tidak mempunyai kuasa kerana mulai 21 Januari 2011 penguatkuasaan kenderaan komersial terletak di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2012 9 Mac 2012	i) Sekolah Menengah Agama Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah ii) FELCRA Wilayah	Mesyuarat berpuas hati dengan penjelasan dan tindakan yang telah diambil oleh Pengetua Sekolah Menengah Agama Raja Dr. Nazrin Shah, Kampung Gajah terhadap isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 mengenai Pembekalan Dan Penyediaan Makanan Mentah dan Bermasaki. Bagaimanapun Jawatankuasa meminta Pengetua menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti penyediaan dan pembekalan makanan menepati syarat yang ditetapkan. Mesyuarat juga menyarankan supaya Lawatan Kesihatan berjadual dijalankan terhadap semua sekolah berasrama penuh. Pengurus Besar Wilayah FELCRA Bhd. dipanggil hadir mesyuarat untuk memberi penjelasan berkaitan peranan FELCRA sebagai agensi pelaksana bagi pembinaan rumah untuk orang-orang miskin.

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
		iii) Jabatan Perhutanan Negeri Perak	Mesyuarat ingin mendapat penjelasan mengenai isu teroka hutan yang berlaku sejak 20 tahun lalu di Hutan Simpan Chikus. Pengarah Perhutanan memaklumkan bahawa tindakan telah diambil terhadap kes penerokaan tersebut mengikut peruntukan dalam Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 Negeri Perak.
		iv) Pembangunan Dan Pemantauan Projek Cawangan Perak Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	Mesyuarat dimaklumkan oleh Pengarah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) bahawa Kementerian ini bertanggungjawab terhadap projek bernilai kurang daripada RM500,000 yang dijalankan oleh Kontraktor Kelas C dan F sahaja. Pengerusi meminta diadakan satu taklimat oleh KKLW kepada semua ADUN berhubung peranan dan tanggungjawab KKLW terhadap projek pembangunan rakyat.
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 4/2012 20 Mac 2012	i) Jabatan Pertanian Negeri Perak	Mesyuarat mengadakan sesi soal jawab dengan Pengarah Pertanian Negeri Perak berhubung isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 berkaitan Pembangunan Usahawan Pemprosesan Makanan Produk Pertanian. Pengerusi meminta Pengarah Pertanian Negeri Perak memberi jawapan secara bertulis kepada Jawatankuasa Kira-kira Negeri terhadap isu yang dibangkitkan.
		ii) Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Perak	Membincangkan Draf Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri berhubung Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pematuhan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan diberi kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

**JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya**

15 Mei 2012

